

Jilid II
Bil. 68



MALAYSIA

Hari Selasa
19hb Januari, 1993

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 [Ruangan 13709]

USUL:

Waktu Mesyuarat -dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 13803]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR
1995

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY YELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI
RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Perlantikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.U., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerloh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIMAH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah),

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., **PCM** (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).

„ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

„ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., **PPC** (Saratok).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN, (Selandar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

„ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, (Kapar).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar),

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., JP. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

„ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labu).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

„ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu)

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N , P.J.K (Dungun)
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BINTI AMIRUDDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT Joo (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAJM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah)
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani)
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH.(Jelevu)
- „ PUAN.HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK'(Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar)
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS;D.I.M.P. (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu)
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B'S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau)
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang),
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji)
- „ DR.KUAKIASOONG(Petaling Jaya)
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh)
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu)

Yang Berhormat TUAN IEW AH KIM (Seputeh),
 TUAN LIM.GUAN ENG (Kota Melaka)
 TUAN LIM HOCK SENG (Bagan)
 TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
 „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai)
 „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut)
 „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam)
 „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
 „ Dr T. Marimuthu (Telok Kemang).
 „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
 „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas)
 „ DATO' HAJI MOHAMAD.BIN ABDULLAH, D.I.M.P.. P.J.K. (Maran).
 „ TUANHAJIMOHAMADBINSABU(NilamPuri)
 „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai)
 „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu)
 DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K.,
 K.M.N. (Kuala Kedah).
 „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
 „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam)
 „ DATO HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN. D.I.M.P., P.M.P., A.M.P.
 (Larut).
 „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
 „ TUN DATO HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.; S.I.M.P.,
 P.N.B.S., S.P.M.J, S.P.M.P., S.P.C:M.,K.C.R.L.; K.ST/J. (Limbawang).
 „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
 „ DR NAWAWI BIN MAT. AWIN (Tambun).
 „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
 „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
 „ DR. OSMAN MINUDIN (Kinabalu)
 „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau)
 „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor)
 „ DR PATAU RUBIS, P.B.S (Mas Gading)
 „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
 „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
 B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
 „ TUAN RADIN MALLEH (Padas)
 „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

Yang Berhormat TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S., (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Taniong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Paniang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau)
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tehran)
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang)
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAJNG (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong)
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAPIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupa).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang)
- „ Tuan Wong Wing On (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjung An)
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu)
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang),
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., PLS (Senai).
- „ TUAN GEOFFEREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Pegawai Penerbitan: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali,

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd, Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 19hb Januari, 1993

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG
PERLEMBAGAAN
(PINDAAN), 1993****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (18hb Januari 1993)

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat daripada Arau, sila sambung.

2.35 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah memberi secara ringkas berhubung dengan asal-usul orang Melayu dan juga kesultanan Melayu. Walaupun ada kawan-kawan saya bertanya dari mana fakta sejarah yang saya dapatkan, saya telah memaklumkan bahawa buku yang harus merekaujuk itu adalah buku yang masih lagi dalam bahasa Arab dan saya minta kawan-kawan tolong terjemahkan.

Jadi, saya ingin perelaskan bahawa saya maksudkan keturunan orang-orang Melayu datangnya daripada Nabi Ibrahim

alaihissalam daripada isterinya yang bernama Qatura dan dia pergilah ke Gunung Himalaya dan sebagainya yang telah saya maklumkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini sebelum saya masuk meneruskan ucapan saya, saya ingin menyentuh sedikit beberapa pandangan yang telah dibuat oleh Yang Berhonnat.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tumpat bangun. Dia di belakang itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood : Tuan Yang di-Pertua, saya rasa maklumat yang diperolehi itu tidak betul yang mengatakan salah seorang daripada anak Nabi itu adalah keturunan orang Melayu yang berasal daripadanya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tak mengapalah, saya baca buku, dia pun baca buku. *(Ketawa)*

Nabi Ibrahim telah melahirkan tiga bangsa besar - saya sudah beritahu semalam - iaitu yang pertamanya bangsa Arab, bangsa Yahudi dan bangsa Jawi. Bangsa Jawi ialah melalui isterinya yang bernama Qatura. Kita carilah fakta itu dalam buku sejarah. Kalau sekiranya.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood : (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood : Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu hadis daif.

Tuan Shahidan bin Kassim : Tuan Yang di-Pertua, apakan daya kalau semua orang Barisan baca hadis semuanya daif. Itulah yang selalu dibuat, saya tak dapat berbuat apa-apa tetapi ini ditulis dalam buku dan saya baca dan saya terpaksa mencari kawan saya yang boleh berbahasa Arab tolong baca kepada saya dan dia telah memahamkan perkara itu kepada saya. Dan saya tertarik hati, sebab dia memang ada persamaan.

Saya cuma hendak memaklumkan kepada kawan-kawan dan juga kepada Yang Berhormat Padang Terap, mungkin dia boleh tolong sama-sama menyelidiki bahawa kebudayaan Melayu yang datang ke sini bukan didatangkan daripada India, Cina ataupun Jepun tetapi dibawa oleh bangsa Jawi tadi.

Saya telah diberitahu bahawa dalam bahasa Sanskrit, saya bertanya kawan-kawan yang pakar bahasa Sanskrit, memang Himalaya itu bahasa Sanskrit maknanya "Gunung Melayu". (*Ketawa*) Kebanyakan Yang Berhormat di sini tidak datang semalam, pada penghabisan ucapan, saya sudah bercakap panjang tentang perkara ini. Gunung Melayu dan orang Melayu ini berpindah dan terus membawa kebudayaan itu sampai ke Tanah Melayu dan juga ke Kepulauan Melayu. Jadi, apabila segala adat-istiadat yang dibawa itu bukanlah serangan daripada Raja Chulan kepada Gangga Negara dan sebagainya tetapi merupakan yang mereka bawa bersama.

Jadi, tak boleh diragui. Yang saya sakit hati ini ada beberapa surat layang yang tiba-tiba termasuk atas meja saya;

saya tak tahu siapa yang hantar, security cukup tight, tetapi tersampai atas meja saya mungkin melalui pos, yang menyebut keturunan beberapa orang Melayu. Orang ini kategorinya - Mamak; orang ini keturunan China; orang ini lain dan sebagainya. Saya berasa sampai ke peringkat panas hati. Kalau masing-masing hendak 'mengungkit' keturunan, saya boleh mengungkit keturunan berdasarkan buku sejarah yang ada di sini.

Ahli-ahli Yang terhormat bacalah buku oleh Buyong Adil. Kalau ada yang menuduh bahawa pemimpin negara ini keturunan Mamak, bacalah buku Buyong Adil. Siapa dia salasilah keturunan Raja Johor. Keturunan Raja Johor telah lumpas apabila Sultan Mahmud II mangkat dijulung, iaitu seorang sultan yang telah meninggal dunia semasa umurnya 24 tahun; dia berkahwin dengan orang biasa tetapi isterinya tak pernah dipakai, tetapi dia berkahwin dengan orang Bunian; dia membuat perkara-perkara yang ganjil dan dia pantang melihat orang perempuan mengandung. Itulah sebabnya dia potong isteri Megat Sri Rama, (*Disampuk: Laksmana Bentan*) tetapi buku ini sebut Megat Sri Rama.

Tak apalah. Saya sebut sebab saya berdasarkan fakta sejarah di sini. Jadi, akhirnya dicampakkan tombak, Sultan Mahmud mati. Selepas Sultan Mahmud mangkat, tidak ada keturunannya sebab dia tidak mempunyai anak lelaki. Akhirnya Bendahara, ataupun sekarang ini macam Perdana Menteri lah menjadikan dirinya Raja Johor. Apabila Bendahara meninggal, juga menghadapi masalah, akhimya Temenggung menjadi Raja. Temenggunglah yang menjadi keturunan Raja pada masa sekarang sampailah kepada Sultan Mahmud III yang memerintah Johor.

Jadi, kalau kita hendak ungkit soal keturunan, susahlah kita dibuatnya. Janganlah sesiapa mengungkit - saya tahu sesiapa yang mendalangi surat-surat

layang. Yang menulis bahasa "Mamak" dan sebagainya. Orang bukan tahu keturunan saya siapa. Bapak saya keturunan Indonesia, emak saya orang Siam. Siapa saya? Saya berada di sini - rakyat Malaysia, Melayu. Hendak gunakan istilah apa untuk saya? Bapak saya pula ada sedikit campur Bugis, campur Jawa, campur Aceh dan sebagainya. (*Ketawa*) Bukan - tak bolehlah kita membuat perkara-perkara yang menghina dan saya mahu selepas kes ini selesai, beberapa orang kalau sekiranya dia minta, saya meminta maaf, ataupun kita minta maaf, dia juga perlu meminta maaf. Saya ada bukti seorang Raja Muda berkata kepada seorang kawan, yang saya dengar.

Dia kata "Shahidan, tak usah dok ikutlah perangai mamak tu". Saya kenal dia siapa. Saya kenal siapa dia Syed Manik Kurai. Cukuplah setakat itu. Jadi, saya hendak tunjukkan bahawa kalau kita hendak ungkit keturunan - itu adalah cerita berat. Sekarang ini kita mesti berbincang mengenai undang-undang yang kita hendak pinda sekarang. Itu bukan perkara yang berat. Pertama, fasal statement Raja-raja di sini yang meminta kita berunding. Saya akan baca ucapan saya yang tidak panjang/cuma 1 jam sahaja dan ada dua tiga perkara yang saya akan ulas di sini.

Penamanya ialah mengenai statement Raja-raja. Dia minta kita berunding. Mengikut apa yang kita baca di akhbar, mengikut apa yang kita tengok di televisyen - Ahli Nilam Puri tetap kawan saya walaupun dia berada di luar parti, besok-besok kalau dia pencen dari parti dia akan berkawan dengan saya balik — saya harap begitu, di mana dia berkata supaya kita memberi masa untuk berunding dan dia juga berkata bahawa dia tidak percaya kepada akhbar dan tidak percaya kepada tv. Jadi, kalau macam itu kita terpaksa duduk di dunia yang mana? Itu saya kurang pasti. Di dunia mana harus kita berada? Tetapi tidak apalah kerana ini tidak penting, yang penting ialah apa yang

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ya?

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya hendak minta penjelasan. Saya mengatakan bahawa media begitu menguasai dalam menentukan fikiran rakyat. Macam saya kata tadi, Utusan mengatakan bahawa Raja mempermainkan Perdana Menteri, sekejap setuju dan sekejap tidak setuju. Itu kami tidak cahu sebab kami berpandu kepada media. Mula-mula media kata sudah 6-3, kemudian Menteri Kewangan pula dikeluarkan dalam Warta Berita kata "hampir-hampir mencapai kejayaan" — ini media juga. Tiba-tiba keputusannya 9-0. Sebab itu, saya kata bahawa peranan media ini diragukan menjelang perhimpunan ini. Jadi, saya minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, itulah saluran maklumat yang boleh kita terima sekarang ini. Dalam kedudukan zaman yang canggih ini, inilah maklumat yang tepat. Tetapi Yang Berhormat kena ingat tentang kenyataan Yang Berhormat semalam, walaupun Wakil dari Maraog telah balik, tetapi saya harap Hansard yang dikeluarkan telah bercanggah banyak dengan Wakil dari Marang. Kenaminta diperbetulkan balik yang itu, kerana nanti Yang Berhormat tidak bertegur-sapa - saya pun susah, tetapi saya boleh menjadi orang tengah supaya Yang Berhormat tidak pening. Ada kenyataan Yang Berhormat yang benelagak sedikit dengan Yang Berhormat dari Marang kelmarin. Saya berharap walaupun agak kabur dalam sokongan yang terakhirnya dan bersyarat sedikit, tetapi saya akan memberi beberapa hujah dan saya harap supaya Yang Berhormat lembuthati oleh kerana perkara ini adalah penting untuk dibincangkan bersama. DAP telah memberi kenyataannya semalam bahawa mereka akan berkecuali - saya juga akan ulas sekejap lagi.

Pertama, fasal Raja-raja minta masa. Masatelah diberi, rundingan telah dibuat. Ini adalah maklumat yang saya terima, yang kita baca, yang kita dengar, yang kita dapat secara rasmi melalui pemimpin-pemimpin kami. Dan maklumat yang terakhir - semua orang tahu bahawa mereka memberi syarai supaya dimasukkan "mahkamah khas". Saya tengok syarat itu dikeluarkan pada hari - Ahad dan pada hari Isnin kita dapat pindaan yang diletakkan di atas meja. 6 orang telah bersetuju - habislah cerita. Saya ingat Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin negara hendak percaya kepada apa lagi? Mereka ini merupakan orang yang menjadi tunggak keagungan. Orang yang menjadi tunggak keagungan ini mestilah tidak berbohong, dia mesti bercakap benar, dia mesti buat benda-benda yang elok - agung. Benda yang teragung ini maknanya benda yang terbaiklah "ideal", tidak munafik dan macam-macam. Benda yang teragung ini benda yang sukar kita capai. Orang biasa tidak boleh capai, hanya Raja-raja yang boleh capai, tetapi dia telah membuat perkara yang paling rendah seperti yang telah dibuat oleh orang-orang yang tidak patut kita sebut di sini. Itu yang boleh kita pakai. Takkan kita hendak kata "Tuanku, kalau Tuanku bercakap ini, maka Tuanku kena tulis sedikit". Takkan Perdana Menteri hendak bercakap begitu - "tulis sedikitlah supaya patik boleh masuk dalam surat khabar untuk diceritakan kepada rakyat", dia kata dia bersetuju, habislah cerita. Bukan hanya seorang yang menjadi saksi, semuanya menjadi saksi, termasuk Peguam Negara.

Peguam Negara ada bercakap, dia kata "ada kemungkinan" — sebenarnya kita baca juga muka dia kerana kita pun pakar dalam membaca muka orang, kalau dia senyum tentulah seronok, tetapi kalau muka dia sudah sebam, maka itu sudah tentulah dia tidak seronok. Jadi, seronok itu bila kita tengok Perdana Menteri seronok, Encik Ghafar seronok, Anwar seronok dan Peguam Negara juga seronok, maka pastilah itu sudah berjaya

pada hari Isnin dan ucapan kami sudah beralih-alih, -to Sir with love, already. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya mereka telah merubah kenyataan yang mereka buat. Jadi, kalau sekiranya masa diminia lagi, itu untuk apa?

Tuan Mobamad bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Nilam Puri bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim:..... saya juga akan komen satu persatu dan dengan cara terperinci dari sudut pandangan sebagai orang biasa dan juga dari segi undang-undang.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sedikit sahaja. Yang Berhormat Arau, kalau

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak boleh kata "Yang Berhormat Arau", kata "Tuan Yang di-Pertua". (*Ketawa*)

Tuan Mobamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok muka dia, maka dia cinta (*Ketawa*). Jadi, katanya Raja telah membuat pendirian, kemudian berubah-ubah. Itu adalah makluma: yang kami ketahui hari ini dan entah betul entah tidak. Kalau sudah pendiriannya berubah-ubah, adakah pula pihak yang boleh menghasut Raja-raja untuk mengubah pendirian? Kalau ada, sudah tentulah pandangan Raja yang berubah-ubah itu adalah kerana mereka dapati bahawa apabila mereka membuat pendirian sebelum itu, mereka telah melakukan satu kesilapan. Kalau ada yang menghasut itu, adakah sama ada DAP atau PAS atau Semangat 46? Apakah pandangan yang diberi oleh orang lain itu, maka Raja-raja nampak bahawa dengan tujuan mereka sebelum ini, kemungkinan mereka akan terperangkap. Oleh itu, mereka ubah pendirian - kalau mereka ubah pendirian. Tetapi itu kami tidak tahu sebab kami tidak rapat dengan

Perdana Menteri - dari sini pun jauh. Yang kami rapat ialah dengan akhbar. Saya minta pandangan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih, saya ingin memperjelaskan. Itu satu soalan yang cukup bagus. Tetapi jawapannya adalah pendek sahaja dan di dalam peribahasa yang menarik "suSah gaharu, cendana pula, sudah tahu bertanya pula". Sahabat yang berada di hadapan sebelah Yang Berhormat itu

Tuan Mohamad bin Sabu: Sebab itu saya tanya, bukan sudah gaharu

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebelah barisan Yang Berhormat, yang di hujung itu. Itu dia orangnya. Saya percaya, siapa lagi? Siapa lagi yang sentiasa memberi pandangan yang tidak betul kepada Raja-raja? Itulah sahaja. Jadi, masalahnya sekarang, tenaga fikir, dan pakar-pakar pentadbiran 46

Tuan Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sekali lagi, last.

Tuan Yang di-Pertua: Sekali sahaja, jangan banyak-banyak sangat. Kitacuma ada satu hari ini sahaja.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya hendak minta supaya Yang Berhormat Arau pendekkan ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: dan Yang Berhormat pun janganlah berlanya banyak-banyak.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri penasihat Raja, kalau sudah orang lain boleh menasihati Raja, ertinya Perdana Menteri telah gagal dalam menasihati Raja-raja. Adakah setuju dengan pandangan saya?

Tuan Shahidan bin Kassim: Itupun satu soalan yang menarik. Masalahnya ialah Raja-raja memikirkan bahawa ada di dalam Perkara 181(2) itu, di mana kadang-kadang boleh bertindak dengan lidak payah memakai Perdana Menteri. Itu yang menjadi masalah. Oleh kerana dia rasa yang dia kebal, maka dia boleh bertindak untuk mendapatkan nasihat daripada sesiapa sahaja, di mana sepatutnya dari segi undang-undang Agong mesti mendapat nasihat daripada Perdana Menteri dan Gabenor mesti mendapat nasihat daripada Menteri Besar dan Ketua Menteri. Tetapi oleh kerana ada 181(2), maka dia kata dia bebas untuk mendapat nasihat daripada sesiapa pun tidak apa, termasuk mungkin dari bodyguard dia, mungkin pemandu dia dan mungkin dari Yang Berhormat sendiri. Dia tidak kira siapa. Kadang-kadang dia seronok hendak berjumpa dengan 200 orang di hadapan istana, di mana Yang Berhormat kata 10,000 tetapi saya ingat tidak sampai 10,000-dia sudah naik seronok, maka penasihat dia kata "ini bagus, rakyat akan beri sokongan".

Saya terkilan. Ada dua, tiga perkara yang telah disebut oleh Ketua Semangat 46 semalam, di mana seolah-olah dia memberi ugutan melalui perkataan "13 Mei akan berulang lagi". Saya hendak beri amaran, tidak payah Kerajaan-apakah ini yang dikehendaki? Dan apakah ini juga yang Raja kehendaki? Kalau ini terjadi, saya hendak cadangkan kepada Kerajaan, oleh kerana kita tahu bahawa terdapat beberapa percanggahan di antara fasal-fasal itu dan fasal-fasal ini di dalam Perlembagaan, maka kita tulis semula Perlembagaan-habis cerita. (*Tepuk*) Apa pilihan kita? Kalau sekiranya masa rakyat terpaksa dibuang kerana hendak menjaga 9 orang ini-sakit hati betul. Hendak jaga 9 orang ini maka masa rakyat terpaksa dibuang. Berapa banyak duit yang terpaksa dibelanjakan untuk datang ke sini-bukan semua orang berduit, termasuk orang kampung saya yang tidak boleh naik ke atas, mereka pergi tengok di bawah sahaja. Tengoklah, saya sedang bercakap sekarang.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya...

Tuan Shahidan bin Kassim: Nanti sekejap, Ahmad Nor. Tengah dok lajak ini. Sekejap lagi saya bagi.

Tuan Ahmad Nor: Tidak hendak berikah?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Bayan Baru. Dia tidak beri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Masa banyak terbuang. Ini dia surat layang tulisan tangan. Tolong cari sekejap, Polis. Rakyat telah disalahanggap. Telah dipesongkan pemikiran mereka. Saya percaya masa ini, kalau sekiranya rakyat termasuk pemimpin 46 bekerja keras, sepeni yang mereka bekerja keras sekarang ini, -pasti sudah pencapaian dalam ekonomi sampai ke tahap yang cukup cemerlang. Ini cara buat kerjalah. Siang-malam bertungkus-lumus, macara itu kita buat kerja, kita hendak mereka buat kerja. Lama-lama sikit, sebab pemberiia kata saya cakap, sudahlah bahasa Perlis; cepat sangat,

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan di-Pertua: Ya, Bayan Baru bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, sudah lama. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Arau bahawa adalah sukar bagi kita menjaga atau mengawal 9 orang Raja. Jadi, perkara ini sudah menjadi satu perkara yang terkilan sepenimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa beliau gagal untuk menasihati Raja mahupun juga Menteri-Menteri Besar.

Kenapa baru sekarang perkara ini hendak dilaporkan? Kenapa Perdana Menteri, Menteri-Menteri Besar selama

ini diam? Saya minta penjelasan kerana perkara ini tidak betul. Kalau tidak betul, mesti dibetulkan awal-awal. Jangan sekarang baru hendak heboh, hendak jadi jaguh bila ada pindaan Perlembagaan. Terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya harap lepas ini Yang Berhormat kena tanya, meletihkan saya.

Yang Berhormat, apabila berlaku barulah kita dedah. Tidak berlaku macam mana kita tahu. Itu saya akan terangkan sekejap lagi. Benda ini berlaku, tetapi semua Perdana Menteri yang menjadi Perdana Menteri telah pun memberi teguran, daripada Tunku Abdul Rahman. Sekejap lagi ada, dengar saya baca-Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan juga Perdana Menteri sekarang. Semua memberi teguran, memberi nasihat kepada Raja-raja, mesti perbetulkan tingkah-laku dan juga perilaku. Semuaberi nasihat, tetapi dalam tahun 1983, mereka tidak dengar, kita tidak ada pilihan dan ada seorang Raja Muda Pahang yang enggan tandatangani Rang Undang-undang, sampai macam-macam perkara dan Kerajaan terpaksa membuang empat Menteri Besar.

Tetapi Yang Berhormat, saya hendak ulas. Semalam saya balik, saya berfikir dan saya tidak boleh tidur. Saya cuma tidur dua, tiga jam semalam. Yang Berhormat kata "kita mestilah mengikut adat dan tatasusila orang Melayu. Buat lambat-lambat". Saya hendak tanya yang Berhormat, apa dia adat Melayu? Adat Melayu sekarang, di Johor lain, di Perlis lain, di Perak lain, di Pahang lain. Mana dia adat Melayu yang khusus? Mengapa di Perak cara-cara hendak lantik Raja berlain? Kalau adat-Melayu semua sama, mesti samalah. Mengapa di Perlis lain? Mengapa di Kelantan lain? Mengapa di Negeri Sembilan lain? Ini yang paling ketara. Negeri Sembilan lain. Adat dan latasusila mana yang harus kita pakai? Perakkah, Negeri Sembilankah, Johorkah,

Perliskah, Selangorkah, Wilayahkah? Wilayah tidak ada Rajalah. (*Ketawa*) Jadi, Yang Berhormat.....

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bayan Baru bangun pula.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya percaya Yang Berhormat harus meneliti fakta, adat dan tatasusila.

Tuan Yang di-Pertua: Bayan Baru bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sekejap lagi saya beri. Sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan tidak beri. Saya akan beri. Saya seorang yang adil. Lebih adil dari Raja tahu? (*Ketawa*) Saya hendak beritahu, apa yang Kerajaan telah buat sampai ke peringkat yang sudah sampai ke paras yang tidak boleh lagi dan Kerajaan mesti meneruskan sampai kalau sekiranya kita dapati ianya boleh mengancam keselamatan negara.

Sebenarnya saya sendiri pun penat. Isteri saya melahirkan anak pada hari Ahad. Isteri saya terpaksa menjalani operation dan saya mendapat anak lelaki pada hari Ahad, tetapi saya tidak boleh tengok sampai sekarang. Isteri saya tanya hendak bubuh nama apa. Saya kata bubuhlah nama "Pindaan Perlembagaan" kah, apakah. (*Ketawa*) Bukan! Sampai ke peringkat saya tidak boleh pergi tengok oleh kerana saya berada di sini. (*Ketawa*) Ini serius. Isteri saya melahirkan anak di PPU. Sampai sekarang saya tidak boleh balik dan saya kata, "Maaf, masalah negara saya terpaksa selesaikan". Dia kata, "Allah, masalah negara apa, masalah 9 orang itu". Isteri saya meradang. Dia kata, "Kalau saya mati macam mana?" Saya kata, "Saya

minta maaf, saya terpaksa ada di sini untuk mengundi dan sebagainya. Lepas mengundi, saya bolehlah tengok you dan anak sekali".

Walau bagaimanapun, saya hendak beritahu bahawa sekarang ini rakyat terpaksa lupakan masalah mereka. Rakyat kena fikir, kita mesti terus hidup. Kita perlu cari makan. Kita perlu cari sesuap nasi, tetapi mereka tidak payah. Istana mereka masih berada di sana. Kuda-kuda mereka masih terus boleh makan epal dan sebagainya. Jadi, saya hendak beritahu, sebelum saya pergi kepada ucapan saya, (*Ketawa*) King Farouk.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya amat tertarik, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan. Kuda Raja mana agaknya yang makan epal? Orang kampung saya hendak makan epal sebulan sekalipun tidak boleh.

Tuan Shahidan bin- Kassim: Itulah, saya pun hairan. Dia kata ada satu Sultan yang minat menyimpan kuda sampai 200 ekor dan setengah kuda-kudanya diberi makan epal. Saya percaya sebab salah satu dari kereta yang dia sukai dibubuh air-con supaya kereta itu sentiasa sejuk.

Seorang Ahli: Kereta apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kereta kuda. Tetapi setengah kudanya makan epal, macam-macamlah kuda dia. Tidak tahulah saya pun kurang pasti. Orang kampung kadang-kadang bukan makan epal, dia beli epal untuk dihantar kepada orang sakit di hospital. Tetapi di sini, kita beri kuda makan epal.

King Farouk. Tuan-tuan semua dengar cerita Shah Iran dan sebagainya. Saya hendak beri contoh King Farouk. Ini cuma hendak beritahu kepada Raja-Raja, King Farouk semasa dijatuhkan saya kurang pasti sebab ini fakta sejarah di antara tahun 1953 hingga 1955, tolong perbetulkan tetapi di antara tahun-tahun itu, tidak boleh lari-apabila dia telah

jatuh, ada seorang datang bertanya dia, apa akan terjadi kepada institusi Raja? Apa akan terjadi kepada Raja? Dia kata Raja cuma tinggal 5 sahaja dalam dunia ini. Itu tahun 1953. Dia sudah tahu apa akan terjadi sebab dia tahu perangai dia macam itu. 4 daripada Raja itu terdapat dalam daun terup (*Ketawa*) dan satu lagi ialah monarki di England. Yang itu sahaja yang tinggal dalam dunia sekarang, dia kata. Hak yang lain-lain itu, sebab dia rasa perangai macam dia, mempunyai 100 biji kereta, mempunyai 600 isteri tidak rasmi, mempunyai 600 istana kecil dan besar.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat dari Arau ada menyebut, ada 4 Raja dalam daun terup. Setahu saya dalara daun terup, walaupun ada 4 Raja, tetapi yang besarnya ialah "sat spade". (*Ketawa*) Bila "sat spade" keluar, mati 4 Raja itu. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tak tahu mainjudi, saya baca buku sahaja. (*Ketawa*) "Spade" itu apa dia? (*Ketawa*) Kawan saya beritahu tadi, Raja dalam daun terup. Saya tidak tahu "spade" yang mana?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ace. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Ace. (*Ketawa*) Baguslah. Ace keluar-kira Ace itu rakyat-bila rakyat mari, dia menguasai. Tidak apalah. Walau bagaimanapun, saya tidak pandai, tetapi saya hendak sebut, ini seorang Raja yang besar. Selepas dia, baru Shah Iran, Ini dua-dua Raja yang besar King Farouk dan Shah Iran. Tetapi saya hendak beritahu siapa dia King Farouk. King Farouk semasa mudanya, semasa dia menjadi Raja, dia merupakan seorang yang ideal. Dia kata, "Saya akan membantu rakyat jelata." Dia akan cuba memperjuangkan nasib rakyat jelata, tetapi bila dia berada di singgahsana dan juga di tempat mewah, dia mula mengumpul wanita dan juga istana. Itulah

yang terjadi dan akhirnya dia telah dijatuhkan. Dia telah dijatuhkan oleh Gammal Nasser.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tumpat bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim:dan Nasser dalam tahun 1948.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tumpat bangun. Ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya.....

Tuan Ahmad bin Nor: Point of order.....

Tuan Yang di-Pertua: Point of order ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya hendak tanya.....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Tumpat mahu apa?

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Tumpat hendak apa?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah Raja kita sampai ke peringkat itu sehinggakan Yang Berhormat dari Arau membanding-bandingkan dengan King Farouk.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bukan bangun atas point of order, ya? Bayan Baru buat point of order.

Tuan Ahmad bin Nor: 36(1)-Dia membuang masa Dewan yang begitu penting. (*Disampuk*) Dia membincangkan perkara-perkara yang tidak relevan

dengan cadangan pindaan berhubung dengan imuniti Raja-raja. Dia membawa cerita seolah-olahnya kita hendak hapuskan langsung Sistem Beraja. Ini cerita tidak relevan dan saya rasa jangan buang masa. 36(1), Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Duduklah!

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, saya akan teruskan. Saya cuma membandingkan. Ada kawan-kawan saya membandingkan dengan Shah Iran. Salahkah jika saya bandingkan dengan Farouk? Dan bila Gammal Nasser pergi berperang dengan Israel, dia kalah. Bila dia kalah, dia kata musuh kita rupanya bukan Yahudi. Musuh kita berada di istana. Sebab di situlah yang sepatunya menolong mengumpulkan rakyat supaya bersatupadu, dia bersenang-lenang di sana dan Nasser telah menjatuhkan King Farouk. Ini cerita sejarah. Takkan sejarah hendak sembunyi. Sejarah kita tak boleh sembunyikan.

Kemudian Yang Berhormat menyebut saya tidak merujukkan perkara-perkara yang kita ucapkan. Yang Berhormat, kalau dibandingkan saya dengan Yang Berhormat, saya rasa saya telah menunjukkan untuk memaklumkan kepada rakyat dan juga kepada Raja bahawa benda ini jangan dipandang ringan. Mesti dipandang secara serius dan jangan ada pula mana-mana pihak ingin melaga-lagakan rakyat. Cara perbuatan sekarang, saya tahu. Saya sudah pasti, ini yang kita dengar. Ini kita dengarlah. Kita bukan hendak tuduh, kita dengar. Raja mengumpulkan sekalian rakyat yang Semangat 46 beritahu mengatakan kita boleh kumpulkan rakyat. Yang kita boleh kumpulkan rakyat untuk apa? Untuk rakyat bertumpah darah di antara satu dengan lain. Ini caranya macam inilah untuk menentukan nasib sembilan orang. Kerajaan tolong fikirilah.

Kalau tanya saya dan ramai kawan-kawan saya, blok ini semua bersetuju dengan saya sebab saya ketua blok ini. (*Ketawa*)

Kalau hal ini terjadi, saya ingat kita patut menulis semula Perlembagaan supaya tidak timbul tafsiran yang 159 (5) ini. Kelmarin saya test dia tentang Undang-undang, dia tak baca itu. 159(5) tidak menyebut 181 (2), tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, dia kena baca dengan 38(4). Kena baca sekali denga 38(4).

Jadi, macam-macam. Kalau ditanya saya, walaupun saya bukan pakar undang-undang, Perlembagaan ini bukan dibaca dalam Fasal-fasal juga, mesti dilihat undang-undang itu secara keseluruhan bahawa undang-undang itu ialah menjaga hak asasi rakyat. Secara keseluruhan, tak payah ditengok fasal-fasal itu dan ini. Jadi kalau hal ini terjadi, kalau kedegilan masih berterusan, kalau dalam masa sebulan tidak ada apa-apa reaksi, sudah sampai masanya Kerajaan berbuat sesuatu untuk menulis semula undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Bapa Kemerdekaan, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pernah berkata;

"Pada keseluruhannya, setiap kita menerima Perlembagaan ini sebagai dokumen yang boleh dilaksanakan yang akan menyediakan asas kepada negara Malaya Bersatu."

Saya harap saya tidak ulang siapa-siapa sebab ini saya sendiri yang menyediakannya.

"Hanya masa yang boleh menentukan bagaimana efektif dan baiknya Perlembagaan kita."

Dari kata-kata beliau di atas, jelaslah menunjukkan bahawa telah sampai masa dan ketikanya untuk kita meneliti akan Perlembagaan kita supaya dapat kita perjelaskan dan perlicinkan antara

peruntukan dalam Perlembagaan yang selama ini kabur atau tidak jelas dan terdapat interpretasi yang berbagai. Dalam masa yang sama, peruntukan dalam Perlembagaan membolehkan kita yang mewakili rakyat dalam Dewan yang mulia ini untuk meminda Perlembagaan supaya ianya dapat benar-benar diserasikan dengan perubahan kepada tanggapan dan citarasa rakyat dalam usaha kita untuk memenangi arus perubahan pesat era tahun 2000.

Sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berpegang teguh kepada Rukunegara, saya mengajak semua Ahli Dewan untuk melihat pindaan kepada Perlembagaan yang dibentang di hadapan kita dengan hati yang terbuka. Janganlah hendaknya kita melihat pindaan kepada Perlembagaan yang dicadangkan ini dengan mata kasar dan dengan emosi sahaja. Kita harus melihai pindaan ini dengan niatnya, semangamya, faIsafahnya dan juga harapannya. Janganlah juga kita lihat pindaan itu dari sudut struktur undang-undangnya sahaja dengan meninggalkan aspirasi yang tersirat dan tersurat kepada pindaan dalam usaha kita untuk memastikan kesinambungan, pemantapan dan penerusan tentang Raja Berperlembagaan.

Pada mulanya saya ingin memberi pandangan mengenai usul yang hangat dibahaskan ini sebagai Hang Jebat kerana ingin memerangi apa juga bentuk kezaliman dan penganiayaan yang berlaku kepada rakyat yang saya sayangi. Malangnya sejarah membuktikan bahawa Hang Jebat sebelum meninggal dunia, dia telah mengamuk dan membunuh ratusan rakyat, termasuk gundik-gundik Sultan yang telah diambil menjadi gundik semmentaranya.

Saya juga mahu menjadi Hang Tuah kerana mahu melihat institusi Raja kekal terus. Namun, Hang Tuah seorang pengikut yang melulu. Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat, bezanya di antara Hang

Jebat dan Hang Tuah dan juga saya ialah kedua-duanya emosional dalam tindakan mereka, tetapi saya rasional mengenai isu yang dibahaskan. (*Tepuk*)

Saya telah menyebut Allahyarham Tunku Abdul Rahman mengenai Perlembagaap di peringkat awal kita mencapai kemerdekaan di mana beliau teiah turut memberi pandangan semasa krisis Perlembagaan 1983. Beliau telah mencadangkan satu formula kompromi, dengan izin, "Our solution might be for the Conference of Rulers to resolve that no Ruler should withhold *his* assent to any Staie Legislation for an unreasonable period" sebagai dilaporkan dalam *The Star* 7 November 1983. Cadangan beliau telah diterima sebagai asas perbincangan selanjutnya di antara Kerajaan dengan pihak Raja-raja. Di sini menunjukkan bahawa pindaan itu diperlukan oleh semua pihak bagi menentukan efektif dan baiknya Perlembagaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pendapat kebanyakan peguam dan penulis undang-undang, semuanya bersetuju pada dasarnya bahawa Raja berada di bawah Perlembagaan. Malangnya, bila menghadapi krisis-krisis begini, mereka menukar pandangan dan pendapat. Tun Azlan Shah semasa menjadi Ketua Hakim Negara telah dengan terang-terang dan nyata memberi penerangan tentang kuasa Raja dan juga Majlis Raja-raja. Contohnya, pada 12 Disember 1983, di dalam *Berita Harian* beliau berkata;

"Perbuatan setengah-setengah Raja Negeri tidak memperkenankan sesuatu Undang-undang adalah disebabkan Baginda-baginda tidak arif dengan maksud yang tersirat dalam Perlembagaan Raja Berperlembagaan."

Tun Azlan juga pernah menyebut dalam tahun 1980 di upacara Korwokesyen Universiti Sains Malaysia;

"Kalaulah Raja-raja dapat memainkan peranan mengikut lunas-lunas

Perlembagaan, maka selama itulah Raja-raja akan terus kekal dalam hati setiap rakyat jelata."

Persoalan saya; mengapa Tun Azlan setelah menjadi Sultan dan Yang di-Pertuan Agong tidak menasihatkan Raja-raja supaya tidak bertindak sebegini yang berlaku sekarang? Adakah sifat keahliannya yang arif dan juga pakar undang-undang itu telah bertukar apabila beliau menjadi Raja? Tidak arif lagi.

"Demikian juga bekas Ketua Hakim Negara, Tun Suffian dalam bukunya menjelaskan bahawa;

"Kuasa Yang di-Pertuan Agong adalah tidak tuntas."

Inilah yang menimbulkan persoalan kita bersama bagaimana Raja-raja boleh berkeadaan demikian.

Kita masih ingat, pada masa lepas kita telah terpaksa menerima perletakan jawatan empat Menteri Besar kerana kerenah Raja-raja. Campurtangan yang nyata ini telah menyebabkan pindaan Perlembagaan dibuat pada tahun 1983 dan sekarang pada tahun 1993, didapati peruntukan yang terdapat dalam P&lembagaan di bawah Perkara 181 (2) dan juga 31, Perlembagaan mengikut tafsiran Raja-raja, mereka boleh bertindak sesuka hati tanpa didakwa di Mahkamah walaupun perkara-perkara yang menyentuh hak asasi rakyat jelata patut dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, ada pihak Pembangkang menyokong pindaan Perlembagaan ini, tetapi sokongan mereka nampaknya bukan sokongan yang menyeluruh. Sokongan mereka merupakan sokongan Pembangkang yang bermaksud "Mereka membangkang dalam menyokong". Di dalam sokongan mereka sebenarnya terkandung muslihat yang

menuntut lebih daripada usul sebenar yang kita sedang bincangkan. Mereka telah menunjukkan sikap tindak-tanduk yang kurang arif tentang maksud persidangan khas Dewan kali ini.

Persidangan khas ini adalah sebenarnya untuk membincangkan Bil Perlembagaan (Pindaan) 1993 sebagaimana di hadapan kita. Usul-usul lain yang berbangkit yang tiada kena-mengena dengan intipati perbincangan kita hendaklah dibincangkan dalam persidangan yang lain. Marilah kita sama-sama merenungkan apa yang diinginkan dan apa yang dimaksudkan. Secara keseluruhannya, yang diinginkan oleh sahabat saya dari PAS ialah perubahan yang menyeluruh dan menuntut untuk menjalankan dengan serta-merta. Perkara ini merupakan sesuatu yang amat mustahil kerana perubahan yang kita inginkan itu perlulah dilaksanakan berperingkat-peringkat dalam suasana aman dan damai.

Untuk mendapatkan perubahan sebegini, kita harus melakukannya satu persatu, bukan kesemuanya sekali tanpa memikirkan tentang persediaan kita untuk melaksanakannya. Jadi, hasrat wakil PAS itu hendaklah kita bersabar sedikit. Persoalan saya sekarang ialah, apakah kalau sekiranya perkara itu berlawanan dengan Islam, kita harus biarkan untuk kita kumpulkan semua sekali baru kita pinda bersama? Saya mengucap syukur dan juga menghormati Wakil dari Marang yang telah memberi kenyataan yang tegas bahawa kekebalan itu sebenarnya berlawanan dengan Islam. Kita tahu bahawa arak, judi dan sebagainya adalah tidak dibenarkan dalam Islam. Kalau sekiranya sampai ke peringkat itu, kita harus pinda, kita mesti pinda supaya sesuai dengan kehendak Islam. Tetapi, apakah misalnya kita kumpulkan semua sekali untuk membolehkan kita pinda semua sekali sekaligus dan sementara itu kita biarkan benda itu berleluasa dengan begitu sahaja.

Saya percaya, sejahil-jahil saya pun, saya ingat benda itu tidak patut dibuat dan tidak patut diberi pandangan oleh seorang yang sebenarnya mengetahui Islam. Kalau sekiranya kita dapat meminda sesuatu, kita perlu buat satu demi satu sehingga akhirnya kita dapat semua; bukan kita tunggu semua, baru kita hendak pinda. Itu pandangan saya dan semua orang bersetuju.

Apabila membicarakan tentang Majlis Penasihat Raja-raja, ketua Dewan Ulama PAS juga merupakan ahli kepada Majlis Penasihat Sultan Kelantan. Tetapi malangnya Sultan yang telah dinasihatkan oleh pemimpin Angkatan sendiri terang-terang menentang pindaan ini. Ini menunjukkan bahawa Majlis Penasihat Raja-raja yang dianggotai oleh pemimpin PAS telah gagal dalam menjalankan tugas mereka sebagai penasihat sehingga Sultan Kelantan sendiri sanggup membelakangkan yang diannya menjadi Sultan kerana Perlembagaan. Sekiranya beliau ingin menjadikan Kelantan sebagai satu contoh kepada negeri-negeri yang lain, Majlis Penasihat Raja-raja yang dianggotai oleh pemimpin Angkatan sepatutnya dapat menasihatkan Sultan Kelantan agar menjadi Sultan yang pertama menyokong dan bukannya Sultan yang pertama menentang kalaulah sebenarnya matlamat mereka untuk mendirikan Kerajaan yang berteraskan Islam.

Seorang lagi wakil dari pembangkang menunjukkan

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tumpat bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, apakah wakil dari Arau sedar bahawasanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan telahpun menasihati Sultan Kelantan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Bagus. Alhamdulillah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini dapat kita lihat daripada kenyataan Kebawah Duli sendiri bahawa Sultan Kelantan meminta supaya Kerajaan sekarang ini supaya menukarkan asas Perlembagaan yang ada sekarang ini kepada asas yang berasaskan Al-Quran dan saya rasa telah jelas dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Sila.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jadi pindaan yang seharusnya dibuat bukan dalam pertikaian pindaan sebagaimana yang dikemukakan sekarang ini. Tetapi pindaan yang seharusnya dilakukan adalah pindaan dalam bentuk keseluruhannya. Saya rasa sudah jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Itulah saya kata tadi kalau ada benda empat haram dalam Islam. Kita hendak buang satu dulu, "Oh tidak boleh, tidak boleh, kita kena tunggu empat." Jadi, yang satu ini boleh buat tenislah. Contohnya mencuri, mencekik, merogol. Sekarang ini kita hendak buang rogol, cekik, curi - membunuh, merogol. Katakan tigalah. Membunuh, merogol, mencuri. Kita hendak pinda sekarang mencuri - mencuri tidak boleh, kita kena pinda merogol dan yang ini sekali. Sekarang ini mencuri boleh teruskan. Curi kereta dan sebagainya boleh. Itu Islam macam mana? Saya pun tidak faham. Kalau satu kita buat, yang ini saya percaya selepas ini kalau sekiranya PAS boleh berjumpa dengan Dr. Mahathir, cakap elok-elok dengan Kerajaan, bincang elok-elok - lepas ini kita pinda yang ini. Satu persatu kita buat. Kita tidak boleh buat sekaligus sebab kita mengikut adat Melayu sebagaimana Bayan Baru minta. Satu persatu.

Seorang lagi iaitu ketua S46 telah menunjukkan kepada kita semua yang kita lagi satu saya hendak ulas Yang Berhormat, dia kata Menteri Besar telahpun menasihatkan Sultan Kelantan dan Sultan Kelantan tidak mahu dengar, ini yang kita hendak sebutkan di sini

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya bukan maksud begitu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau sekiranya tidak betul makna Menteri Besar kata yang mencuri ini okay dulu, dia tunggu semua baru kita buat. Jadi saya tidak faham. Saya juga orang Islam. Islam ini, hak untuk baca Al-Quran dan hadis bukan alim ulama sahaja. Saya pun boleh baca dan saya juga boleh memahaminya dan kita tahu bahawa dalam Islam benda-benda yang berbentuk mencuri, merogol, membunuh ini salah - ini sebagai contohlah. Memukul orang, salah. Sekarang in kita tidak boleh pukul orang ini, kita biar dulu, membunuh kita biar dulu. Kita boleh pinda semua. Potong tangan, potong kaki - baru kita boleh buat. Jadi, sekarang yang lain-lain boleh buatlah. Kesimpulannya macam itu. Kita membenarkan perkara-perkara mungkar berlaku di depan mata. Islam macam ini teruk. Padahal Islam ini bukan untuk PAS, untuk semua. Siapa yang beragama Islam tahu bahawa benda ini salah, kena pinda. Masya Allah, saya tidak tahu macam mana.

Seorang lagi wakil dari pembangkang iaitu Ketua Semangat 46 telah menyebutkan bahawa kita tidak patut tukar perjanjian mengenai kuasa Raja yang telah ditetapkan mengikut selera mereka. Ini bagus sekali kenyataannya. Memang semasa perjanjian di antara Kontrak Sosial di antara rakyat dan Raja, ini bukan masa Demang Lebar Daun, ini semasa kemerdekaan. Masa Reid Commission. Menjelang merdeka, ini Tunku Abdul Rahman kata- 1977 muka surat 27, baca buku dan tengok.

"Menjelang merdeka Raja-raja mulai berasa bimbang terhadap kedudukan mereka. Raja-raja takut sesuatu akan terjadi kepada raereka jika rakyat menguasai negara. Mereka khuatir akan menghadapi nasib yang sama seperti Raja-raja di negeri India, Pakistan, Indonesia dan lain-lain lagi di mana rakyat memilih dan menentukan pemerintahan mereka".

Di tahun 1955 dia tahu takut. Tahun 1993 tak takut. Ini cerita apa. Tetapi yang penting atas nama adat perjanjian di antara Raja dengan rakyat kita teniskan, kita menghormati adat. Malah setengah Menteri-menteri Besar yang tidak masuk dalam perjanjian pun dia bagi lagi berlebih-lebihan, sampai begitu. Tapi dalam perjanjian Kontrak Sosial ini dia mesti ada benda-benda yang akan terjadi kalau sekiranya salah satu pihak yang melanggar perjanjian. Berjanji hendak kawan, ini contohlah, saya hendak bagi contoh lain saya tidak tahu, katalah, tak apalah, saya susah hendak bagi contoh. Yang penting di sini ialah tiap-tiap perjanjian mesti kedua-dua pihak menghormati perjanjian. Tetapi sepanjang 35 tahun kita memerintah sampai sekarang, siapa yang melanggar kontrak. Siapa yang campurtangan dalam pemerintahan sehingga terpaksa empat Menteri Besar meletak jawatan. Siapa yang menyuruh mereka berdegil tidak mahu sign Rang Undang-undang seperti yang berlaku di Pahang. Siapa yang menghina-hina rakyat jelata. Siapa yang memukul rakyat jelata. Dan yang penting sat lagi yang penghabis saya kata, reporter pun dok tunggu, yang penting sekarang ini siapa yang membunuh rakyat jelata. Siapa yang langgar kontrak? Semalam dia sebut, kalau Johor berlaku salah mengapa Raja-raja lain harus terlibat. Adakah dari segi logik kita hendak buat serabilan Perlembagaan? Johor lain, Perlis lain, Kelantan lain - hanya orang gila yang boleh fikir macam itu. Orang yang arif dan bijaksana berada di zaman yang penuh dengan segala perubahan tidak pernah berfikir demikian. Bukan sahaja

dia kata, Raja pun ada kata, saya tahu. Dia kata kalau Johor salah biarlah Johor kita pinda. Jadi ada pula Perlembagaan Johor dan sebagainya. Kita sudahlah negara yang terunik dalam dunia sampai sembilan Raja. Kita bukan sahaja ada sembilan Raja. Sembilan campur satu, jangan lupa. Jawatan Yang di-Pertuan Agong itu bukan keturunan siapa-siapa. Ini rakyat yang wujudkan. Punya baiknya rakyat. Ini saya hendak bagi tahu. Kadang-kadang orang terlupa. Jawatan Yang Di-Pertuan Agong itu bukan hak siapa-siapa - tahu tak? Ini rakyat yang wujudkan. Rakyat pandai-pandai yang wujudkan jawatan itu. Tambah lagi satu jawatan. Jawatan itu kena fikir balik sebab jawatan itu jawatan yang telah diwujudkan oleh rakyat. Saya tidak mahu kata apa, tapi faham-fahamlah. Rakyat yang wujudkan. Bukan ada sebut daripada keturunan mana-mana. Dia cuma berdasarkan Majlis Raja-raja. Tapi saya hendak beritahu rakyat yang wujudkan. Jadi, dalam hal ini saya hendak sebut, dalam Perjanjian Kontrak di antara Raja - dengan rakyat

Tuan Ibrahim bin Ali: (*Bangun*) (*Ketawa*) Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Arau, bila disebut jawatan Yang Di-Pertuan Agong ini adalah jawatan yang diwujudkan oleh rakyat. Oleh kerana jawatan itu diwujudkan oleh rakyat, apakah kalau diberi peluang melihat pada keadaan sekarang, Yang Berhormat bersedia kalau dicalonkan sebagai Yang di-Pertuan Agong?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak mahu sebab hari ini serius Yang Berhormat. Perkara lain tidak apalah. Tapi sebenarnya walaupun ada kawan-kawan bercerita macam-macam perkara, tapi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat boleh baca, tadi saya pinjam dari Tuan Yang di-Pertua, saya dapat satu - Undang-undang Malaysia, Akta 15, Akta Hasutan 1948.

Ahli-ahli Yang Berhormat baca Perkara 3(B). Kalau baca 3(B) ini

sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, semalam tidak payah sebut 38(4), sebab 3(B) ini kita boleh bincang. Yang menjadi hasutan ini kalau kita hendak merubah-rubah Kerajaan. Baca habis-habis.

"Bagi membangkitkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk-penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh Kerajaan supaya cuba mendapatkan, diubah dengan apa-apa cara lain daripada cara yang sah. Apa-apa jua yang tertubuh menurut undang-undang dalam wilayah Raja itu atau wilayah yang diperintah oleh Kerajaan".

Kita bukan hendak ubah Kerajaan. Kita bukan hendak menjatuhkan Kerajaan, tidak. Kita membincangkan pindaan. Jadi, maknanya kita tak payah

Seorang ahli: Ada lagi (f).

Tuan Shahidan bin Kassim: (f) lagi satu? Yang Berhormat Kuala Kedah akan bincangkannya. Saya hendak maksudkan bahawa di bawah Akta Hasutan sebenarnya kita boleh bincang ini, tak ada masalah. Jadi, seperti yang Yang Berhormat sebutkan tadi, walaupun okay, all clear, tetapi tak apalah, saya sebenarnya tak berminat benda-benda itu. Sebenarnya kalau orang cerdik, orang tak hendak jawatan itu, sebab jawatan itu adalah jawatan yang mengongkong kha. Tetapi kalau ada orang berminat, hendak keluar daripada kongkongan, dia mesii berbuat sesuatu yang membolehkan dia tidak lagi menjad: raja, seperti yang berlaku kepada King Edward, if I am not mistaken, yang dia terpaksa kahwin dengan janda mereka, dia terpaksa dan dia tak mahu jadi Raja. Jadi, dia keluar dari diri dia.

Kelmarin Perdana Menteri dalam ucapannya telah menyebutkan bahawa walaupun undang-undang ini kita tiru daripada England, cuma England tak bertulis, kita ambil dan kita tulis. Dan Raja-raja pada tahun 1955 - saya baca

Reid Commission dengan terperinci - takut sebab yang jadi wakil Reid Commission ini seorang India, seorang Pakistan, seorang Australia dan seorang British. British okay, ada Raja. India dengan Pakistan tak ada Raja. Australia pun tak ada Raja. Jadi, sebab ini Raja-raja tengok, "Reid Commission ini tak boleh jadi". Itu sebab dalam Reid Commission, dia tak sebut 181 (2). Tetapi bila kita hantar wakil-wakil pergi berunding di pejabat Colonial Office, mereka yang tambah. Sepatutnya Commission ini bukan boleh pinda-pinda. Dia mesti beri kepada Parlimen, ataupun Majlis Persekutuan pada masa itu yang patut pinda. Ini Colonial Office pinda dulu, tambah yang itu. Sebab kita hantar wakil, di antaranya ialah wakil-wakil Raja, tak apa, yang lepas biar lepas. Tetapi kita hendak sebutkan di sini bahawa kontrak ini sekarang ini telah dipecahkan oleh pihak istana sendiri.

Saya percaya tujuan kita ke sini pada hari ini bukannya untuk berkumpul secara spontan, tetapi kita berkumpul kerana hendak menyelesaikan segala masalah yang timbul dalam Akta Perlembagaan ini. Seluruh dunia berbagai masalah telah timbul melalui revolusi pemikiran, cara hidup, struktur masyarakat, peradaban sosial dan lain-lain lagi mengikut peredaran zaman. Rudolph Van Hering, seorang pakar sosiologi Jerman pernah berkata, ideologi yang berpendapat undang-undang itu adalah hasil perjuangan manusia bagi mencapai cita-cita mereka, maka undang-undang itulah yang akan mereka jadikan contoh untuk memimpin. Berbalik sekarang kepada sosiologi falsafah undang-undang, undang-undang merupakan isu yang berkait rapat dengan hasil pengaruh Perlembagaan atas sikap organisasi masyarakat, kuasa pemerintahan dan lain-lain yang terlibat dalam sesuatu masyarakat. Ini secara konsepnya, payah hendak faham, tetapi baca Hansard nantilah.

Teori keadilan pula adaiah mengenai penilaian sena kritikan undang-undang berdasarkan kepada ideologi atau cita-cita yang diidamkan. Survival itu merupakan hasil daripada cabaran dan maklumbaJas daripada masyarakat. Pada zaman ini perubahan dan adaptasi lebih disenangi dan tidak diingini oleh semua orang berbanding dengan peraturan-peraturan teiap yang tidak boleh diubah. Apa yang dikatakan oleh pembangkang bahawa perjanjian itu tidak boleh ditukar mengikut selera adalah lidak berasas sama sekali kerana peradaban manusia adalah berubah dari masa ke semasa. Bak kata pepatah: Sekali air bah, sekali pasir berubah. Tetapi yang berubah itu adalah untuk ke jalan keadilan -dan kesempurnaan.

Pertentangan pendapat di antara Dewan Rakyat dan Majlis Raja-raja tidak sepatutnya timbul kerana dalam sistem Raja Berperlembagaan, Majlis Raja-raja dan juga tindakan Raja-raja itu sendiri mestilah dengan nasihat pemimpin negara dan negeri. Perbahasan yang keras dan beremosi ini mestilah diputuskan walau bagaimana keadaan sekalipun. Pihak Pembangkang dalam ucapannya meminta untuk meminda tempoh keputusan kepada usul pindaan Perlembagaan ini tidak berasas sama sekali. Penangguhan yang diusulkan oleh Semangat 46 tidak akan mendatangkan apa-apa keputusan, tetapi akan menjadikan rakyat lebih kemelut dan kebingungan, yang akhiraya akan raembawa kepada kemarahan dan juga kekecewaan rakyat. Sanggupkah Raja-raja Melayu mengecewakan majoriti rakyat negeri ini yang diwakili oleh Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini? Penangguhan ini akhirnya akan mencetuskan ketegangan.

Maka saya menyeru kepada semua pihak supaya bersikap rasional dan melihat isu ini dengan teramat prihatin dan berhati-hati supaya keharmonian negara dan rakyat tidak diganggu-gugat.

Kenyataan yang menuduh Kerajaan tidak bertindak terdahulu daripada ini berhubung dengan isu-isu Raja-raja, seperti yang diusulkan di dalam pindaan kali ini, tidak tepat dan tidak berasas kerana Kerajaan telah lama mengkaji ketidakadilan dan bertindak pada masa yang sesuai. Pada ketika ini sampailah masanya untuk kita berbuat demikian. Kesabaran Kerajaan selama ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional amat teliti dalam melakukan sesuatu perubahan yang benar-benar berlandaskan perubahan serta peredaran masa serta tanggapan rakyat terhadap Raja.

Apa yang dimaksudkan Raja Berperlembagaan? Raja atau Sultan ialah orang yang mengetuai, di bawahnya diberi kuasa atau memiliki kuasa dan ditumpukan tanggungjawab memerintah sesuatu negara dan menjadi ketua yang diwarisi atau kepada mereka yang boleh melindungi orang-orang yang hidup di bawah naungannya. Sejarah telah membuktikan bahawa Raja itu sebenarnya didokong, diwujudkan, didaulatkan, dimuliakan dan dipertuankan oleh orang Melayu dan rakyat yang datang ke negeri ini yang mencari kehidupan. Sebenarnya rakyat itu adalah pakaian orang Melayu. Justeru itu, pakaian itu haruslah bersih, suci dan bebas daripada kekotoran. Pada maksud yang sebenar dan menjadi hakikat kepada usul pindaan perlembagaan ini yang dibuat atas dasar ingin menghormati dan mengekalkan kedudukan Raja.

Dalam istilah Raja Berpelembagaan, semestinya wujud perbezaan di antara personaliti Raja-raja dan personaliti institusi Raja-raja itu sendiri, kerana Raja harus menjadi contoh dan model kecemerlangan rakyat yang dinaunginya. Sementara itu, kuasa dan daulat yang diberikan kepada Raja-raja akan hanya bermakna sekiranya wujud perlatian di antara rakyat yang memberikan kuasa dan kuasa yang dimiliki oleh mereka yang dimandati dan diluhuri melalui segala rupa tindak-tanduk perilaku Raja itu, sendiri. Jadi, saya juga hendak maklumkan bahawa terdapat perbezaan,

malah perbezaan yang nyata di antara rakyat dengan Raja, oleh kerana rakyat ingin menjadikan Raja itu sebenar-benarnya mulia. Kita tidur, dia tak tidur, Kita makan, dia tak makan. Kita berjalan, dia tak berjalan. Kita mati, dia tak mati. Itulah Raja. Sebab, bila kita tidur, dia beradu, Bila kita makan, dia santap. Bila kita berjalan, dia berangkat. Bila kita mati, dia mangkat. (*Ketawa*) Jadi, samapai ke peringkat itu kita buat perbezaan.

Usaha untuk meminda 32(1) dan 181(2) Perlembagaan Persekutuan mengenai kekebalan Raja-raja merupakan satu langkah yang amat sesuai dengan arus peredaran semasa yang bertujuan untuk menegakkan kedaulatan rakyat, demokrasi keadilan dan juga institusi Raja Berperlembagaan. Jika ada mana-mana pihak menuduh bahawa tindakan ini bertujuan menghapuskan kedaulatan Raja-raja, tuduhan tersebut adalah tidak berasas sama sekali. Setiap tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional pastinya mencerminkan aspirasi harapan dan persetujuan rakyat jelata.

Saya juga hendak komen sedikit atas teguran oleh Ahli dari Nilam Puri semalam - dia sudah keluar - yang mana dia menyebut bahawa kita sebenarnya berpura-pura untuk mempertahankan institusi Raja. Saya sudah menyebutkan bahawa tuduhan itu ialah tuduhan yang berat dan tidak patut disebutkan di sini. Kalau sekiranya di Parlimen yang mulia ini dia menyebutkan kita sebenarnya berpura-pura untuk mempertahankan institusi Beraja, saya takut dia juga mengulangnya di luar, tak boleh sebut yang itu, sebab dia kawan saya dan saya harap dia akan pangkah. Sebab, dia kena ingat kadang-kadang kawan tetap kawan, tetapi bila sampai keadaan kritikal ini dia kena fikir kawan, jangan fikir parti sangat, dia kena ikut apa yang saya buat, sebab saya lebih tua daripadanya

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau sudah berucap lebih satu jam dan kita banyak lagi Ahli hendak memberi sumbangan yang bernas dan membina. Baik dia singkatkan dulu, kerana rampang-rampang ke sana, ke sini, tak tentu arah.

Tuan Yang di-Pertua: Arau, sila leruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ada 25 mukasurat, saya baru sampai mukasurat 10 (*Ketawa*), termasuk kes yang saya rasa orang akan dengar, DAP juga akan dengar. Sebab DAP semalam telah menyatakan bahawa dia berkecuali untuk menyatakan pandangannya, tetapi saya tengok wakil dari Jelutong dari masa ke semasa telah menimbulkan perkara-perkara yang melibatkan insiden istana. Kalau dia berkecuali, tak usah sebutlah. Saya akan sebut, sebab saya tak berkecuali di sini. Ini penting, 23 kes yang saya akan baca secara detail sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita ada hanya sehari sahaja

Tuan Shahidan bin Kassim: Ha, itulah. Saya pun faham itu.

Tuan Yang di-Pertua:dan di depan ini ada banyak orang hendak berucap. Kalau boleh, dipendekkan sedikit. Kalau sampai 15 mukasurat itu, saya rasa akan memakan masa yang panjang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Beri dia lajak sedikit, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak, susah sebab saya sudah menyediakan ini. Saya buat kajian dua bulan, Tuan Yang di-Pertua. Semua keratan akhbar, saya ingat saya yang paling terbanyak sekali ada. Saya kaji satu persatu dan ini adalah merupakan hasil yang saya buat selama dua bulan. Kasihanlah kepada saya daripada orang yang cuma mencedok di air keruh.

Saya akan membaca dan untuk membolehkan ada lajakan bagi membolehkan saya membentangkan temang kes ini, sebab ini bukan saya yang membuat seorang. Saya telah mengambil lima orang lawyer untuk menasihati saya (*Ketawa*), Kuala Kedah juga penasihat saya.

Rakyat sekarang sudah pandai menilai kebaikan dan keburukan seseorang pemimpin itu. Jadi, untuk membiarkan Raja-raja berada di atas undang-undang dan mempermainkan undang-undang adalah satu perkara yang tidak logik dan tidak dapat diterima.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa dalam buku cara Pemerintahan Tanah Melayu yang telah dituliskan oleh Abdullah ada menyatakan tentang cara Harold Mac Michael mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu tentang Malayan Union. Beliau telah menyiasat mana-mana Raja bersubahat dengan Jepun dan sebagainya, jika sabit kesalahan Raja-raja ini boleh diturunkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.....

Tuan Shaidan bin Kassim: Saya hendak beritahu di sini, Tuan Yang.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu telah disentuh oleh Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim:tetapi saya hendak sebut ini adalah satu perkara Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini saya hendak ungkit dengan surat layang yang sampai kepada saya.

Semasa Jepun 'kot' Tuan Yang di-Pertua lupa, saya hendak peringkatkan balik ya. Ada tiga negeri, saya belum tengok negeri lain, ada tiga buah negeri semasa Jepun, Raja lain memerintah dan ini telah berlaku di Terengganu.

Saya pergi ke Arkib Negara, tetapi dikatakan perkara ini tidak boleh dikeluarkan, sebab di masa Jepun Rajalah yang memerintah. Apabila British datang dia lantik Raja lain, demikian juga di Selangor di masa Jepun Raja lain juga memerintah, dan selepas datang British, British lantik Raja lain, juga di Perlis dan di Kelantan. Jadi, ini menunjukkan bahawa British boleh bermain-main, bukan sahaja dipermain-main, tetapi dia boleh hantar Raja Abdullah keturunan orang Perak ke Pulau Seychelles mengikut sesuka hatinya, kerana membunuh J.W.W. Birch, tetapi kita ada Raja yang terlibat dengan perkara-perkara seperti pembunuhan, kita tidak hantar ke negeri manapun, masih ada di Malaysia, terus memerintah dan terus boleh mengundi pula.

Tuan Yang di-Pertua hendak beri saya masa berapa lama, senang cerita?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kalau boleh Yang Berhormat tutupkan ucapan Yang Berhormat dalam masa 10 minit lagi.

Beberapa Ahli: Baca keslah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Beri saya 3 saat sebab itu sudah merosakkan saya punya ucapan. (*Kelawa*)

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sebagai Raja yang memegang syiar Islam, sebagai Ketua Agama kita lihat mereka telah bersumpah, mereka telah membuat jawatan 'Wallahi Wabillahi Watallahi'. Sumpah jawatan, sama ada Agong atau Raja, tetapi saya hanya membaca negeri Johor, negeri lain-lain saya tidak tengok ada sebui begitu, saya belum tengok lagi, bukan tidak tengok. Ada setengah negeri meletakkan Al-Quran di atas kepala, menegakkan keadilan, memastikan rakyat jelata dipertahankan dan sebagainya. Jadi, tiba-tiba mereka melanggar perkara ini. Oleh itu, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Marang, betulkah boleh buat macam ini,

orang yang telah bersumpah tiba-tiba membuat macam itu, boleh tak? Yang Berhormat tidak menjawab (*Ketawa*). Saya takut Yang Berhormat kata boleh, tetapi saya hendak tanya sebagai orang yang tidak mengetahui ini, saya hendak tanya boleh atau tidak—setelah bersumpah jawatan, menyebut perkara-perkara yang saya sebutkan tadi akhirnya mereka melanggar.

Lagi satu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, sayanglah ucapan yang begini panjang tidak dapat dibaca, ini mengenai Mahkamah Khas. Jadi, Mahkamah Khas sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Kerajaan, sebagaimana yang telah dipersetujui dalam kompromi di antara pemirhpin dan juga pihak Majlis Raja-Raja.

Saya berharap supaya Mahkamah Khas ini apabila mereka menjatuhkan hukuman, jatuhkanlah hukuman dengan seadil-adilnya. Kita tidak mahu hukuman itu diberikan berlainan di anjara rakyat jelata dan juga Raja-raja, seperti Lat melukis dalam kartunnya Hakim berada di bawah, orang yang dibicara di atas. Walaupun itu kita nampak kartun, tetapi saya takut benda yang macam itu terjadi, kalau ini terjadi mengapa hukumannya berlainan. Sebagai contohnya dalam mahkamah biasa pun benda ini terjadi, saya takut dalam Mahkamah Khas terjadi. Saya hendak nasihatkan Mahkamah Khas berhati-hati. Ada seorang Sultan semasa menjadi Raja Muda dia telah membuat perkara-perkara ini:

Saya baca dahulu terlaju cepat, sekarang saya baca perlahan-lahan.

Pada 15-3-1972—dengan sengaja mendatangkan cedera di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan, Laporan Polis Johor Bahru No. 1268/72 dan 1269/72 berkaitan. Mahkamah memutuskan ikat jamin di bawah Seksyen 173A(2b) Kanun Acara Jenayah selama satu tahun dan denda sebanyak RM300, dengan seorang penjamin bagi kesalahan pertama dan

keputusan yang sama bagi kesalahan yang kedua. Ini mendatangkan cedera tetapi dendanya RM300 sahaja.

Saya hendak baca, tolong tengok beipapa kesalahan yang besar, tetapi dendanya kecil. Ini saya hendak memberi makluman kepada Mahkamah Khas yang dicadangkan.

Pada tahun 1972—dengan sengaja mendatangkan kecederaan. Seksyen 323 Kanun Keseksaan, Laporan Balai Polis Johor Bahru No. 2205/72 berkaitan. Mahkamah memutuskan ikat jamin di bawah Seksyen 173A(2b) Kanun Acara Jenayah selama satu tahun dan denda sebanyak RM600 dengan seorang penjamin.

Pada 27-3-1972 - kesalahan Seksyen 9 Arms Act 1960, Seksyen 323 Kanun keseksaan, Laporan Balai Polis No. 2464/72, 2465/72 dan 2466/72. Mahkamah memutuskan ikat jamin di bawah Seksyen 173A (2b) Kanun acara Jenayah selama 3 tahun, denda sebanyak RM2,000 dengan seorang penjamin bagi kesalahan penama dan ikat jamin di bawah Seksyen 173A (2b) Kanun Acara Jenayah, selama satu tahun sebanyak RM1,000 dengan seorang penjamin bagi kesalahan kedua dan ketiga.

Pada 6-12-1975 - menyebabkan cedera parah, Seksyen 325 Kanun Keseksaan, Laporan Balai Polis Johor Bahru No. 10291/75 berkaitan. Keputusan mahkamah bahawa kompaun dengan kebenaran mahkamah, cedera parah bayar kompaun, ya.

Pada 15-10-1976-Seksyen304Kanun Keseksaan, Laporan Balai Polis Johor Bahru No. 10226/72 berkaitan. Di penjara 6 bulan dan denda RM6.000. Jemaah Pengampunan Negeri Johor pada 24-4-1977 mengampunkan Baginda mengikut perkara 42 Perlembagaan Persekutuan serta perkara-perkara 12 Perlembagaan Negeri Johor serta Seksyen 300 Kanun Acara Jenayah. Ini ialah insiden yang dilakukan oleh Sultan sendiri, ketika masih menjadi Raja Muda sebelum menjadi Sultan, sekarang sebagai Sultan.

Pada 12-4-1987 - Duli Yang Maha Mulia telah menampar dan menumbuk, saya sudah sebut yang itu Kaptain (U) Suhaimi dan Sarjan Mohd. Nor yang dikatakan telah melakukan penerbangan akrobatik helikopter tanpa mendapat titah Tuanku dan merbahaya. Mereka juga dititah membuat pumping sebanyak 20 kali seorang. Insiden berlaku di pentas Di-Raja di circuit perlumbaan Grand Prix Johor. Laporan ini merupakan laporan factual boleh dimaklumkan kepada umum.

Pada Julai, 1987 - semasa Duli Yang Maha Mulia memukul bola golf, di Kelab Golf Subang, bola telah melerek ke hadapan, ketika itu seorang budak caddie, dalam laporan ini disebut India, tetapi saya rasa dia berkulit hitam, yang baru bekerja telah ketawa, Baginda telah memanggil budak itu lalu menghayun kayu golf iron dan kena pada bahagian templenya, budak tersebut pengsan dan dihantar ke ICU, HBKL. Empat hari beliau dalam keadaan koma dan selepas itu meninggal dunia.

Laporan dari sumber tidak ada maklumat lain untuk mengesahkannya — tidak ada laporan Polis, bukan untuk makluman umum, tetapi sudah tersebut di Parlimen.

Pada 9-2-1988 - Duli Yang Maha Mulia semasa berlatih golf di Royal Johor Country Club (RJCC) telah didatangi oleh Tengku Abu Bakar bin Tengku Abdul Rahman anak Tengku Bendahara Johor dan Mohd. Shah Huari @ Rodari. Selepas Tengku Abu Bakar mencium tangan Baginda, Mohd. Shah telah cuba berbuat demikian tetapi Baginda tidak mengizinkannya. Ketika itu Baginda telah menghayunkan kayu golfnya di kepala Mohd. Shah, Mohd. Shah rebah kerana kepalanya berlumuran dengan darah di mana beliau telah mendapat rawatan 12 jahitan. Laporan dari sumber - tiada laporan Polis - bukan untuk makluman umum.

Jadi, yang bukan untuk makluman umum, tuan-tuan cuma dengar sahaja.

12hb Jun, 1991 di Dewan Tun Abdul Razak, Bangunan Sultan Ibrahim semasa upacara perasmian Dewan Undangan Negeri Johor, Duli Yang Maha Mulia telah menumbuk dan menampar Yang berhormat Tuan Phang Hock Leong, ADUN DAP Bekok dan Yang Berhormat Tuan Wong Peng Seng, ADUN DAP Jementah, Johor. Tiada laporan Polis dibuat. Maklumat adalah maklumal factual disahkan oleh tokoh DAP Pusat. Boleh dimaklumkan kepada umum. Itu pada 12hb Jun 1991. Jadi, saya hendak beritahu bahawa DAP memang rela ditampar lagilah kalau mereka tidak setuju pindaan Perlembagaan ini. *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan yang di-Pertua: Kepong bangun Yang Berhormat.

Tuan Shahidao bin Kasim; Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Penua, adakah Yang Berhormat Arau tahu di depan Ketua Polis Johor dan di depan Hakim Mahkamah perkara ini dilakukan. Dan juga pihak kami melalui Yang Berhormat dari Jelutong telah menulis kepada Yang di-Pertuan Agong untuk tindakan yang selanjutnya. *(Diganggu)*

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali); Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat daripada Arau adakah dalam penyelidikan beliau, beliau dapat tahu sama ada pihak DAP buat laporan Polis atau tidak? Kalau tidak buat laporan Polis bermakna DAP pun pengecut!

Tuan Shahidan bin Kassim: Laporan Polis tidak dibuat. Maklumat ini adalah merupakan factual yang disahkan oleh tokoh DAP Pusat. Dia telah sebutkan yang dia tulis surat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tulis

surat buat apa? Kita hendak laporan Polis. Tetapi raalangnya dia doktor kulit dia tidak tahu. *(Ketawa)* Dan saya percaya kalau DAP tidak bersetuju dan berkecuali, saya harap lebih banyak wakil-wakil DAP kena tampar, tempeleng, sepak dan sebagainya. *(Ketawa)* *(Tepuk)* Puas hati!

20hb Jun, 1991 di Istana Bukit Serene, Johor Bahru. Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menitahkan Yang Berhormat Tuan Phang Hock Leong, ADUN DAP Bekok. Bekok atau Bengkok?

Seorang Ahli Yang Berhormat: Bekok.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bekok? Bekak! *(Ketawa)*

Seorang Ahli: Bekok.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bekok. Yang Berhormat Tuan Wong Peng Seng, ADUN DAP Jementah dan Yang Berhormat Tuan Lim Wan Shou, ADUN DAP Maharani fce istana. Baginda telah menampar ketiga-tiga ADUN tersebut. Diperolehi daripada sumber dan tiada laporan Polis. Bukan untuk makluman umum.

16hb Julai 1991 jam 3-30 sampai 4.30, saya beri waktu.....

Dr. Tang Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun pula, Yang Berhormat.

Dr. Tang Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu andaian yang salah. Sebab bila mengadap di istana, itu satu layanan yang penuh dengan mesra. *(Ketawa)* Itu salah. Andaian yang salah. Dan maklumat yang didapati itu, salah. Dan saya pun tidak tahu mengapa kita mesti lapor kepada Polis walhal Ketua Polis ada duduk, tengok di situ. *(Diganggu)* Tidak, bohong langsung! Itu Ketua Polis berdiri di situ.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat. Saya tidak tahu kes mana, masa mana tetapi dua ahli DAP yang kena tampar itu memang pada mulanya bercadang hendak buat laporan Polis. Tetapi kemudian daripada itu mereka dipanggil ke istana untuk makan nasi. (*Ketawa*) Lepas makan nasi, tidak jadi report Polis. Bermakna DAP ini boleh beli dengan sepinggan nasi sahaja. (*Tepuk*) (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Betul. Itu pun ceritanya. Itu sebab di sini ditulis "diperolehi dari sumber. Tiada laporan Polis. Bukan untuk makluman umum." Kalau kita maklum kepada umum, dia orang malu! (*Ketawa*) Saya tahu Yang Berhormat dari Jelutong dia cukup bersetuju dengan saya. Dia seorang sahaja. Orang lain pada hari tersebut, dia memang bersetuju. Dan pada hari ini pun dia bersetuju dengan pindaan ini. Tetapi dia diarahkan oleh Ketua Pembangkang dan kawan-kawan supaya tidak bersetuju.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka bangun, Yang Berhonnat.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Arau, kalau kejadian yang berlaku itu berlaku di depan Ketua Polis Negeri Johor dan sebagai seorang anggota Polis tanggungjawabnya bukan sahaja untuk mengambil tindakan ke atas suatu laporan Polis (*Diganggu*) tetapi untuk mencegah sesuatu jenayah dari berlaku. Apakah gunanya Polis itu? lebih baik Polis letak jawatan! Kalau keadaan semacam ini saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Arau macam mana dan apa gunanya buat laporan Polis di depan Polis pun jenayah boleh berlaku! Itu yang saya tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka, cukuplah, cukuplah

Tuan Lim Guan Eng: TuanYang di-Pertua, jangan putar-belilkan keadaan ini. Penjenayah seperti ini kita mesti bersikap tegas.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.....

Tuan Lim Guan Eng: Jangan main-main di sini! (*Diganggu*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hairan. Saya hendak perjuangkan nasib rakyat dan juga wakil Rakyat DAP jadi saya keluarkan kes ini. Wakil Rakyat DAP tidak keluarkan benda ini. Saya keluarkan untuk rakyat mengetahui bahawa perbuatan Raja menampar Wakil-wakil Rakyat DAP ini tidak patut didiamkan. Ketua Polis bukan dia bawa balai Polis pergi ke istana. Dan kadang-kadang mungkin orang tengok sebab Sultan selalu tampar orang, dia ingat macam duduk pujuk kucing jadi dia.....(menunjuk cara menampar) (*Ketawa*) Perkara biasa sahaja. Jadi mungkin sebab Polis banyak yang selalu kenajadi dia ingat perkara biasa. Tetapi kita Wakil-wakil Rakyat muka kita lembut. Kena sekali pun bengkok, Sepatutnya kita pergi buat report. Sebab Ketua Polis dia tidak bawa balai Polis pergi ke istana. Pergi report di balai Polis dia akan tulis. Saya minla Wakil dari Jelutong bangkit tanya saya. Bukan doktor kulit dengan pegawai tadbir-tanya saya. Ketua Polis yang ada di depan itu mestikah kita pergi buat laporan. Kita kena buat laporan. Bangkit tanya saya, Jelutong, saya akan jawab.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Arau. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan bahawa pegawai Polis ada di tempat kejadian. Tetapi apa

kita hendak hairan pegawai Polis kalau mereka yang membuat undang-undang pun tidak mahu membuat report. Mereka yang membuat undang-undang, yang menggubal undang-undang hari ini cuba memutar-belit keadaan dan cuba bermain 'songlap', kata orang Gerik, kerana mereka tidak mahu meminda Perlembagaan dengan mengatakan bahawa mesti mendapat persetujuan Raja-raja baru boleh dipinda. Kalau beginilah permainan yang mereka mainkan, adakah Ahli Yang Berhormat dari Arau bersetuju bahawa perkara ini boleh diteruskan lagi tanpa lebih-lebih lagi ahli-ahli dari DAP ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebenarnya saya sudah mendapat berita tetapi saya tidak mahu sebut nama.

Dr. Tang Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong, nanti sekejap, beri dia jawab dulu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sekejap, sekejap, Kepong, saya hendak cerita. Ini penting. Tuan Yang di-Pertua pun hendak dengar. (*Ketawa*) Selepas kita berbincang semalam, ada Wakil Rakyat-saya ada nama, saya akan beritahu kepada Perdana Menteri sekejap lagi. Saya tidak hendak cakap siapa Wakil Rakyat yang sudah pergi ke istana. Saya tidak mahu sebut DAP, PASKah atau Barisan, bermesra-mesra dengan Sultan menyampaikan laporan. Hendak cuba bermain kayu tiga. Kalau DAP saya tahu, tujuannya supaya Raja boleh tampar kita. Hendak balas dendam cara itu sahaja, cara lain tidak boleh. Kalau daripada orang lain saya minta Perdana Menteri ambil tindakan. Perkara ini tidak boleh dibiarkan. Dalam masa sekarang untuk parti yang memerintah dan Kerajaan, kita mesti serius. Untuk rakyat Malaysia yang lain, jangan kita bermain api. Sebab ini bukan perkara yang main-main. Adakah kita

mahu terus bermain api dan melihat ekonomi kita terancam? Tidak. Ini rakyat yang lain. Orang Kerajaan mesti sokong. Orang yang bukan Kerajaan sebagai rakyat dan juga sebagai orang yang membangkang biarlah membangkang secara membina, jangan bermain api.

Wakil Jelutong bangun tanya saya. Doktor kulit saya tidak tahu sebab saya hendak tengok dari segi undang-undang boleh atau tidak depan Ketua Polis kita tidak report, kita kata mesti Polis ambil tindakan. Jawab kepada soalan saya!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya..... saya (*Ketawa*) Tidak, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Arau sebab ini kenyataan serius. Bila dia sebut kenapa Polis tidak mengambil tindakan bila berlaku di hadapan Polis. Adakah Yang Berhormat sedar, Polis pun takut kena tampar, (*Ketawa*) Kalau saya jadi Polis memang saya biar kena tampar dia orang ini. (*Ketawa*) Sebab kalau saya masuk campur nanti, Sultan pun sauk dengan saya sekali. Sebab tampar-menampar ini sakit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab Polis dia baca undang-undang. Dia tahu 181 (2). Polis dia baca undang-undang. Polis lebih cerdik daripada Wakil Rakyat ini-Wakil Rakyat DAPlah. Ketua Polis dia faham undang-undang. Dia tahu 181 (2), tidak boleh bawa mahkamah walau kena tampar, sungung dan sebagainya. Tetapi inilah yang kita hendak pinda pada hari ini Yang Berhormat semua. Jangan bermain-main api dan jangan berdolaldalik lagi. Walaupun mungkin bahasa saya kasar sedikit bukan bahasa istana sebab saya orang Tambun Tulang, tidak erti bahasa sungguh, cakap betul. Tetapi niat saya ikhlas macam Yang Berhormat dari Jerai, tidak erti bahasa tetapi niat saya ikhlas...

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Niat saya ikhlas, tidak erti bahasa istanalah Yang Berhormat Jerai....

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya dia tidak beri jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Niat saya ikhlas ialah untuk menjamin masa depan rakyat Malaysia.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, point of order 44(1).

Tuan Yang di-Pertua: 44(1).

Dr. Tan Seng Giaw: Tadi, Tuan Yang di-Pertua mengatakan dia diberikan 10 minit lagi. Tetapi sekarang sudah 20 minit digunakan. (*Ketawa*) Sudah 20 minit!

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Arau, minta gulungan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak gulung tetapi saya hendak baca. Kalau tidak ucapan saya ini tergantung, jadi susah. Saya hendak memberitahu Mahkamah Khas, Lembaga Pengampunah, Kerajaan dan juga rakyat jelata bahawa kes-kes jenayah bukanlah kes yang mati. Kes jenayah adalah kes yang hidup yang kita boleh mengambil tindakan. Yang tidak boleh dibawa ke mahkamah hanya seorang Raja, yang kedua, ketiga dan keempat hanya raenunggu masa. Ini yang saya hendak laporkan supaya kita semua fikir. Ini serius.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah lagi kes-kes itu? Bacakan bagi perhabiskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ada satu muka lagi, Tuan Yang di-Pertua:

16-7-91-(3.30 hingga 4.30 petang): Semasa mengada ujian moiosikal baru ke Pontian, Baginda telah melawat Rumah Persinggahan Pontian.

Sebelum berangkat pulang, Kadi Daerah, Haji Abdul Karim Mohd. Yusof sewaktu membaca doa telah tersilap menyebut nama Sultan Iskandar kepada Sultan Mahmud. Kemudian Baginda telah menunjjal kepala Kadi, malahan Tengku Mahkota Johor telah mengambil papan doa dan menepuk ke muka Kadi.

Saya hendak memberitahu ulama dan ustaz-ustaz semua, banguslah kalau dibiarkan perkara ini berterusan. (*Ketawa*) Tiada laporan polis, peristiwa ini berlaku di kalayak ramai dalam masjid boieh diumumkan kepada umum. Bagus, tidak apa, buat lagi.

9-10-91-(11.30pagi):

Selepas upacara penyampaian pingat di Muar, Sultan telah beristirehat di Istana Hinggap, Muar. Semasa itu seorang Cina telah masuk mengadap Baginda. Oleh kerana tidak puas hati dengan kawalan keselamatan, KPD Muar TPP Ali bin Muhamad dan Sarjan Abdul Rahman dari UKK Muar disuruh pumping 20 dan 40 kali seorang. Laporan factual. Tiada laporan polis boleh dimaklumkan kepada uraum.

26-4-92—(Jam 12.30 tengahari): semasa berada.....

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit mengenai kes di Muar itu. Adakah Ahli Yang Berhormat tahu, pblis terpaksa membuat pumping itu bukan kerana mereka penakut tetapi kadang-kadang descretion is the better

part valour, kerana Sultan selalu pergi dengan personal komandonya. Kalau hendak dilawan pada masa itu juga, tidak boleh. Jadi, itu sebabnya mereka terpaksa dihina.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, semua orang tahu bahawa orang-orang di sekeliling Baginda itu, bukan Sultan menyuruhnya sahaja tetapi disuruh dengan berpuluh mata lain yang sedang m mandang dengan serius seperti hendak memakan orang. Kalau Menteri-menteri pun ada di situ, saya ingat terpaksa kena pumping, kalau tidak saya tidak tahu apa akan jadi, sebab penumbuk kiri Baginda itu adalah penumbuk yang kadang-kadang boleh menghantar mangsanya ke kubur.

26-4-92—(12.30 tengahari):

Semasa berada di litar Pasir Gudang, Johor. Sultan telah membelasah Kopral 59615 Saad. Beliau telah dituduh membuat hubungan sulit dengan Tunku Nuraini Patimah (Tunku Titi), anak Baginda. Maklumat dari sumber-tidak laporan polis-bukan untuk makluman umum. Kalau bukan untuk makluman umum, tidak boleh tuliskah? Kalau boleh, minta tulis.

30-11-92—(1.00 tengahari), Istana Bukit Serene, Johor Bahru:

Douglas Gomez, Jurulatih Pasukan Hokey Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru telah dititah untuk mengadap dan beliau telah dititah supaya mengubah kenyataan akhbar yang dibuat sebelumnya iaitu mengecam tindakan Persatuan Hoki Johor oleh kerana mengarah pasukan hokey Maktab Sultan Abu Bakar menarik diri dari pertandingan separuh akhir kejohanan di antara juara sekolah-sekolah pada 25hb November, 1992 di Kuala Lumpur. Diperolehi daripada sumber-tidak laporan polis, bukan untuk makluman umum.

November, 1992 di Istana Bukit Serene:

Douglas Gomez sekaii lagi dititah mengadap Sultan. Baginda telah menuduh Gomez berbohong, kurang ajar kerana tidak menurut arahan Tengku Majid berhubung dengan isu penarikan Pasukan Hoki Maktab Sultan Abu Bakar. Baginda telah menumbuk Gomez di muka, rusuk dan perut. Laporan Balai Polis Central JohorBahru No. 26587/92 telah dibuat oleh Gomez pada 6-12-92.

Sekarang ini adalah insiden laporan tingkahlaku Tengku Mahkota:

15-2-86—(6.30 petang) di Jalan Lido Johor Bahru:

Kereta Mercedes 600 yang dinaiki oleh Raja Zarith Sofia, isteri Pemangku Raja Johor telah terlibat dalam kemalangan di kilometer 1 Jalan Pantai Lido, Johor Bahru. Dalam insiden ini kereta yang dinaiki oleh Raja Zarith telah melanggar oleh teksi SJ1034 di mana Raja Zarith telah mengalami dua jahitan di keningnya. Setelah dimaklumkan, Pemangku Raja telah bergegas ke tempat kejadian di mana pemandu kereta pendahuluan polis telah ditempeleng di kiri kanan pipinya dan topinya telah dilemparkan ke laut. Topi polis dilempar ke laut! Pemandu teksi ditumbuk, manakala di hospital pula, Pemangku Raja telah menampar muka Kopral 41419 dan menerajang bahagian kemaluannya. Tiada laporan polis, tetapi kejadian ini disaksikan oleh orang ramai. Boleh dimaklumkan kepada umum.

8-3-90—(2.30 pagi): Hotel Holiday-Inn Johor Bahru:

Seorang kapten coffee house di Holiday-Inn Johor Bahru - demi untuk kepentingan nama wanita, saya diberitahu oleh ustaz-ustaz supaya jangan menyebut nama wanita ini.

Biarlah saya sebutkan sebagai Miss Z binti Y (*Ketawa*) telah dirogol-oleh Tengku Mahkota Johor. Insiden ini berlaku di disko Millinium. Laporan dari sumber-tiada laporan polis, bukan untuk makluman umum.

20-6-91—Bangunan Sultan Ibrahim, Johor Bahru:

Semasa upacara perasmian Dewan Undangan Negeri, Tengku Mahkota telah menendang kaki Yang Berhormat Pang Hock Leong ADUN DAP Bekok, iatu selepas D.Y.M.M. Sultan menampar dan menumbuk Yang Berhormat, dan juga Yang Berhormat Wong Peng Seng, ADUN Jementah. Tiada laporan polis, maklumat factual, boleh dimaklumkan kepada umum.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, Insiden dan tingkahlaku orang yang ketiga-Tengku Majid.

31-10-91—Jalan Dobi, Johor Bahru: Seorang Pekerja Kelab Malam Ahmad Shukri bin Yusof semasa berjalan di Jalan Dobi, Johor Bahru telah ditahan oleh pemandu Jeep JWI. Setelah dipersoal-jawab beHau dipukul dengan kerusi pelapik pasu bunga. Laporan polis Johor Bahru No. 24077/91 untuk makluman umum.

10-11-91—(3.30 pagi) belakang Pacific Bank Johor Bahru:

Seorang pemuda Cina Chua Hua Chu telah ditahan di belakang Pacific Bank Johor Bahru. Beliau telah ditendang di muka sebanyak empat kali. Laporan balai polis Johor Bahru No. 24891/91, untuk makluman umum.

Akhir sekali, 10-7-92—Bilik persalinan berhampiran bilik VIP Kompleks Sukan Jalan Tebrau, Johor Bahru:

Selepas perlawanan akhir pertandingan hoki Sukan SUKMA Ke empat, Tengku Majid telah menempeleng dan menendang Mohd. Jaafar Selvarajah,

penjaga gol Pasukan Hoki Perak. Laporan polis dibuat di Perak pada 30hb Julai, 1992 dan dijadikan laporan polis di Johor Bahru No. 16917/92. Polis telah menjalankan siasatan dan kenas siasatan telah diserahkan kepada Peguam Negara untuk tindakan.

Pada 18-10-92 Jawatankuasa Disiplin Persaiuan Hoki Malaysia telah mengambil tindakan tatatertib ke atas Tengku Majid dengan menggantung beliau daripada menyertai sebarang perlawanan pertandingan anjuran PHN selama 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menggulung, oleh kerana terpaksa menghabiskannya, sebagai menggulung, saya ingin memaklumkan secara serius kepada pihak PAS dan juga pihak DAP, sekiranya perkara ini berterusan-fakta-fakta yang saya bacakan itu baru setengah, ini tidak termasuk laporan dari luar negeri-Yang Berhormat dari Bukit Bintang saya tahu ada banyak laporan mengenai turabuk tampar di luar negeri dan sebagainya. Kalau perkara ini dibiarkan berterusan maknanya kita menggalakkan Sultan menjalankan perilaku-perilaku yang diluar batasan kemanusiaan. Dalam hal tertentu, sampai Kadi di dalam masjid boleh dihantuk kepala kerana tersilap sebut nama. Saya hendak bertanya Ustaz dari Marang, semasa saya sembahyang di Muar, semasa khutbah dibaca doa minta panjang umur Sultan, Tengku Mahkota dan Tengku Majid. Rakyat diminta membaca doa panjangkan-umur tetapi kita tahu bahawa kes-kes jenayah ini belum habis lagi. Dalam Islam boleh atau tidak buat begini? Kalau tidak boleh, kita kena perbetulkan bersama. Bukan kita hanya bersyarah, Kerajaan skandal sana sini dan berbagai-bagai lagi. Ini perkara-perkara yang berlaku di depan mata. Ulama, PAS, dan DAP harus sama-sama kena bertanggungjawab dalam perkara ini.

Satu lagi, ini cukup sedih. Saya hendak sebut tiga perkara lagi, iaitu satu mengenai State Civil Service. Jadi,

perkhidmatan negeri ini, State civil service ini (JCS) dan negeri-negeri yang belum masuk lagi Pederal ialah Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu boleh masuk sama ke SDO ini. Jadi, empat negeri ini tidak masuk. Bila tidak masuk, mereka merupakan orang yang dijadikan permainan oleh pihak Istana. Setiausaha Kerajaan Johor sanggup marah dan maki Menteri Besar Johor di hadapan Raja, sebab dia tahu dia tidak boleh ditukar ke mana-mana. Saya minta KSN tolong fikir. Saya minta semua negeri sekarang masuk Pederal, habis cerita. Pegawai-pegawai yang cuba bermain kayu tiga, bermain politik dengan menggunakan Istana. Sebab Istana, kalau dia Raja seorang, Tuan Yang di-Pertua, dia baik. Tetapi orang yang dikeliling ini yang menyebabkan dia sudah tidak lagi menjadi orang yang sebenarnya Agong. Saya minta supaya State Civil Service ini diperhatikan dan saya minta tindakan keras diambil kepada Setiausaha Kerajaan Johor yang telah bertindak melulu termasuk juga pasukan pegawainya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Arau ini, selain daripada dia baca senarai mengenai jenayah-jenayah yang dilakukan oleh Sultan dan Tengku Mahkota dan anakandanya di Johor, apakah Yang Berhormat mempunyai senarai mengenai dengan kesalahan-kesalahan sivil, bukan sahaja membabitkan Sultan Johor tetapi di kalangan Raja-raja yang kita tahu ada Raja yang hendak kayu-balak dan ambil cara suka hati? Ada yang membaiki istana dengan harga yang begitu banyak dan suruh Raja bayar dengan suka hati. Ada yang minta itu, ada yang minta ini. Yang macam-macam memanglah lagi melibatkan seluruh rakyat. Bukan setakat tampar, lebih sakit daripada tampar. Ini ekonomi rakyat yang rakyat rata-rata

misikin, daif, papa kedana dan ada lagi Raja-raja yang buat kerja seumpama ini. Jadi, apakah Yang Berhormat tidak mahu mendedahkan perkara ini?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ada semua kes. Kalau saya hendak baca, ia akan metigambil masa 3 jam sekurang-kurangnya. Itu dalam bahasa yang paling cepat sekali. Saya ada kes. Tiap-tiap negeri ada kes sivil yang saya rasa patut rakyat tahu, terutamanya orang Melayu dan juga bumiputera. Apa sahaja yang mereka ambil dalam perangkaan akan dimasukkan penyertaan bumiputera, saya duduk kira-kira untuk tiga tahun yang kebelakangan, RMI billion. Makna kata, pencapaian bumiputera ini, siapa yang masuk dalam MPEN, saya tahu. DAP masuk, PAS masuk. Siapa lagi masuk dalam MPEN tahu. Angka bumiputera ini naik kerana ini, kerana tindakan Raja-raja. Jadi, mereka kerana bumiputera, angka dimasukkan kepada kita seolah kita telah mencapai ke tahap tersebut tetapi kalau kita pergi kepada keadaan sebenarnya, tidak ada! Tidak ada! Tuan Yang di-Pertua masuk MPEN tahu perkara ini. *(Ketawa)*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta satu lagi, Yang Berhormat. Yang Berhormat beri penjelasan sebab apabila Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama yang secara kebetulan beliau menjadi Menteri daripada keturunan kaum Tionghua. Bila beliau mendedah perkara-perkara masalah Pahang melebihi pembalakan, maka ada setengah-setengah pihak mengatakan macam mana ini? Menteri Perusahaan Utaraa, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik bercakap dan serang kepada Raja Melayu. Pada saya, itu tidak salah. Yang Berhormat Menteri menjalankan tugas amanah mandat yang diberi oleh rakyat. Jadi, apakah pandangan saudara Yang Berhormat Arau membetulkan keadaan tanpa mengira soal sentimen kaum? Soalnya perkara yang tidak betul, mesti kita dedahkan. Saya ucapkan tahniah kepada Menteri Perusahaan Utama kerana berani. *(Tepuk)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Kadangkadangkang mereka ini, kalau dia tengok dia tersepit, dia gunakan isu perkauman. Ini tidak boleh. Mesti orang Melayu yang cerita. Tetapi bila sampai ke peringkat yang dia hendak senang-senang sendiri, dia cari Tunku Wong. (*Ketawa*)

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi sampai kes ini, ini kira orang Melayu. Hak yang ini bila dia hendak berniaga seorang-seorang, ini tidak apa. Ini Tunku Wong, Dok kena tipu begitulah rakyat. Sekarang ini, Semangat 46 cuba memainkan isu ini, kononnya hendak pergi ke seluruh negara. Untuk apa, Yang Berhormat? Untuk apa, Yang Berhormat? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Dato' Menteri bangun.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya dengar ini—Tunku Wong. Orang Cina boleh jadi Tunkukah? (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Boleh! Ini yang betul. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Di bawah 181 (2) ini, apa dia buat pun boleh. (*Ketawa*) Hendak bubuh naraa Tunku Wong. Saya tahu, saya ada kawan-kawan yang tidak mendapat gelaran "Tunku", sekarang dipanggil "Tunku". Pada hal saya kenal dia mengaji di sekolah dulu, dia bukan Tunku. Tetapi tiba-tiba sekarang, kita telah dengar dia "Tunku". Bila dia menjadi Tunku? 181 (2). (*Ketawa*) Saya percaya saya mungkin akan dapat gelaran "Tunku Shahidankah" (*Ketawa*) sebab saya telah salasilah saya minta.....

Seorang Ahli: Duli Yang Maha Mulia,.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Tak ada! Saya minta. Bapa saya adalah Tok Wan daripada Sumatera hantar ke sini.. Saya tengok keturunan saya sudah pergi ke arah Johor. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Duli Yang Maha Mulia di atas, bukan di bawah.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab semasa.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun. Ya?

Dr, Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi peringatan kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa pada hampir satu jam yang lalu (*Ketawa*), Tuan Yang di-Pertua telah membuat ketetapan bahawa beliau disuruh berhenti pada pukul 3.40 petang. Pada pukul 3.40 petang, dia disuruh berhenti tetapi sekarang berlarutan lagi.

Beberapa Ahli: Tak apa!

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak gulung. Saya hendak gulung tetapi kawan-kawan bangun bertanya. Sebab semua orang hendak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya percaya rakyat pun tahu dan sekarang saya hendak gulung, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila gulunglah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tetapi sebelum saya gulung, saya hendak sebut supaya pertama, tindakan diambil kepada

State Civil Service ini untuk Kedah, Johor, Terengganu dan Kelantan. Ini sejarah tetapi.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya dari Johor, saya hendak tahu pula, pandangan Yang Berhormat. Apabila timbul satu konflik di antara Setiausaha Kerajaan dengan Ketua Eksekutif iaitu Menteri Besar, adakah ini tidak merupakan satu sabotaj kepada pembangunan negara? Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Memang lebih daripada sabotaj itu. Memang sekarang ini lebih teruk daripada sabotaj. Perbuatari ini sebenarnya mengancam keselamatan. Mana boleh Setiausaha Kerajaan pergi berpakat dengan Sultan untuk mengambil tindakan kepada Menteri Besar. Ini cerita apa? Ini semua orang pandang, tak apalah. Tak berlaku di Johor. Dan setengah orang, adiknya tak kena pukul dengan kayu golf, tak apalah. Mungkin kerana kepada Adam seorang, dia boleh duduk diam. Kerana anak sendiri barulah dia tahu ataupun DAP sendiri, bukan dia hendak tampar. Yang kena tampar ialah ADUN Johor. Jadi, kalau tidak kena anak kita ataupun saudara kita atau diri kita, kita kata tidak boleh buat tindakan itu dan ini. Sekarang kita kena fikir siapa pun yang kena tampar, kita juga sakit. Berapa banyak kayu-balak yang dicuri, taukeh-taukeh balak juga akan merasakan sakit. Sebab itu merupakan bahagian kita. Kalau dia buat sendiri, tak apa. Ini berangkaian sampai Setiausaha Sulit, Setiausaha Tidak Sulit, semua dapat hanya menggunakan istana.

Jadi, istana sekarang ini boleh dipergunakan untuk berbagai-bagai kepentingan—menukar nama, mencari kekayaan tidak sah, melakukan perbuatan-perbuatan yang melanggar dengan

tatasusila Melayu. Melanggar agama Islam. Di istana pun boleh digunakan. Adakah ini tempat agung, tempat mulia digunakan untuk segala sesuatu yang jelek, yang tidak diterima oleh adat dan juga agama? Ini persoalannya.

Jadi, Ttuan Yang di-Pertua, saya minta supaya perkara-perkara ini diambil perhatian. Saya bercakap ini walaupun sekarang PAS dan DAP telah membuat stand masing-masing. S.46 "biak-pilah". Mereka sudah terhayut-hayut dan terhayung-hayung dan mereka sekarang ini hendak cari fasal tetapi kita beri amaran. Kalau mereka bermain dengan api, saya mencadangkan Kerajaan supaya rewrite the Constitution, dengan izin.

Fasal itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagai menggulungnya. *Berikutnya,.....(Ketawa)* Saya dengan ini menyokong.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Shahidan bin Kassim:tanpa berbelahbahagi dan rasa curiga bahawa pindaan Perlembagaan Persekutuan yang dibincangkan pada hari ini diterima dengan penuh insaf dan rendah diri. Allah berfirman. Boleh tahan, saya sebut "Allah berfirman". Tak apalah. *(Ketawa)* Allah berfirman dalam Surah Ali-Imran, Ayat 135 yang bermaksud, "Dan juga orang-orang yang apabila mengerjakan perbuatan keji atau mengingatkan atau menganiaya diri sendiri, mereka ingat Allah lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka. Dan Siapa lagi yang dapat mengampuni dosa mereka selain daripada Allah dan mereka tidak meneruskan perbuatan keji atau menganiayai dirinya sendiri sedangkan mereka mengetahui". Dengan kata-kata tersebut, saya memohon ampun. Saya minta maaf, *(Ketawa)* Saya minta maaf kalau saya tersilap bahasa dan saya menyokong. *(Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.09 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun menyokong pindaan Perlerabagaan yang telah di bawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam memberi sokongan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada kes Public Prosecutor versus Tunku Mahmud Iskandar and anor, yang dihakimkan oleh Yang Amat Mulia Raja Tan Sri Azlan Shah, (Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong) pada Jun 3, 1963 yang saya menterjemahkan sebagai berikut:

"Hari ini bukan tertuduh yang sedang diadili tetapi keadilan itu sendiri." Dengan izin, "today it is not so much the respondent who are on trial but justice itself."

Setakat mana keadilan itu keadilan, dengan izin, how far justice is justice. Sekiranya mahkamah telah cuba hendak menimbang antara kepentingan tertuduh dan kepentingan masyarakat, maka boleh dikatakan bahawa keadilan itu adil. Dengan izin, "If the courts strive to maintain a fair balance between the two scales, i.e. the interest of the accused person and the interest of the community, then I must say justice is just." Hasrat keadilan mestilah seimbang dan adil dengan menunjukkan kelembutan kepada tertuduh tidak memungkinkkan kita mencapai hasrat keadilan.

Di sini saya ingin quote: "The concept of fairness must not be strained till it is narrowed to a filament. We must keep the balance through. It is against that background that we must consider the present appeals."

Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya Mahkamah Rayuan tidak suka mengubah hukuman yang telah dibuat oleh Mahkamah Rendah. Bagaimanapun, ia terpaksa berbuat demikian apabila ternampak keadilan tidak dilakukan. Di dalam criminal appeal, 30 dan 31/1972, Hakim berpendapat bahawa Mahkamah Rendah telah memberi keputusan yang menyebelahi tertuduh. Di dalam membuat keputusannya, Hakim Yang Amat Mulia Tan Sri Raja Azlan Shah-Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda-Agong sekarang - menyatakan sebelum menjatuhkan hukuman, Pendakwaraya menyatakan kepada mahkamah antara lain bahawa Hakim yang adil perlu mengutamakan kepentingan masyarakat dan kedudukan tertuduh mesti juga diambil pertimbangan oleh mahkamah "position of the accused", dengan izin. Dalam konteks ini hanya memegang status tertuduh seorang putera tertua kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, salah sebuah negeri dalam Malaysia dan memegang jawatan yang penting dalam Johor Military Forces. Dalam menjatuhkan hukuman ini. Hakim Mahkamah Rendah bertanggungjawab dengan provision Article 8, Perlembagaan negara kita yang menyatakan semua rakyat adalah sama di segi undang-undang, dengan izin, all persons are equal before the law. Ini membayangkan bahawa cuma ada satu sahaja undang-undang di negara ini yang perlu dihormati oleh semua rakyatnya. Kepada mahkamah setiap orang tidak kira kapasiti rasminya ataupun status sosialnya, adalah bertanggungjawab kepada semua perbuatan dan tingkahlakunya.

Dalam kes ini bukanlah triviality, dengan izin, of the injury yang dilakukan yang menyebabkan berlakunya offence. Oleh itu pada pendapat Hakim dan saya quote:

"In my judgement, the sentence imposed by the learned President did not reflect the gravity of the offence

and I here and now set aside the sentence imposed by the lower court in respect of these two appeals and substitute them as follows."

Tuan Yang di-Pertua, Hakim telah menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada tertuduh yang telah membuat rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong usul pindaan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya suka juga memetik the *Malayan Law Journal*, September 1982. Journal ini mengesahkan berkenaan dengan Yang Amat Mulia Tan Sri Azlan Shah, sekarang ini Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, telah dianugerahkan Ijazah Kehonnan Doktor Undang-undang, oleh Universiti Sains Malaysia, pada 28 Jun 1980. Pidato penghargaan diucapkan oleh Profesor Madya Mohamad dan saya pelik antaranya:

"Masyarakat keseluruhannya Jebih mengenang Raja Azlan Shah sebagai seorang Hakim yang jujur, berani, adil, tegas dan bijaksana dan yang senantiasa berpegang teguh pada prinsip menegakkan kedaulatan undang-undang, mewujudkan keadilan, kesaksamaan dan kebenaran. Sifat dan kepakaran istimewa yang terdapat kepada beliau telah lama disanjung tinggi, sehinggakan semasa beliau masih remaja lagi, iaitu berumur 37 tahun, beliau telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi dan, dengan itu, menerima keistimewaan sebagai Hakim yang termuda diantara Hakim-hakim Mahkamah Tinggi di negara-negara Komanwel. Ketibaan Raja Azlan Shah di kemuncak dunia kepeguaman sekarang ini memang diduga. Kajayaan gilang-gemilang yang diperolehi itu adalah hasil dari perkhidmatannya yang cemerlang dan kesanggupannya untuk bertungkus-lumus menyelidik dan meneliti. Kadang-kadang berminggu-minggu

untuk menentukan yang hukuman yang diberikan dalam tiap-tiap dari lebih seribu kes yang telah dibicarakan adalah adil dan saksama. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Raja Azlan Shah dengan sifat yang ada padanya merupakan salah seorang yang telah melahirkan kepercayaan terhadap dunia kehakiman di negara ini sebagai bebas dari segala tekanan dan desakan demi kepentingan masyarakat. Pada beliau, masyarakat dan hak asasi manusia adalah yang terpenting dan harus dipelihara dan dilindungi oleh kedaulatan undang-undang. Memang bertuah negara kita mempunyai seorang Hakim, seorang anak watan yang sanggup meletakkan kepentingan masyarakat lebih tinggi dari kepentingannya sendiri."

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan koiwensyen Yang Amat Berhormat Raja Tan Sri Azlan Shah menyarankan dan saya petik:

"Takhta dan Perlembagaan

Sesungguhnya takhta adalah merupakan suatu institusi yang dicipta dan diwujudkan oleh Perlembagaan. Sebelum Perlembagaan wujud, maka Raja yang bertakhtalah yang mewujudkan Perlembagaan dan undang-undang. Undang-undang Melaka dan Undang-undang 99 di Perak, telah digubal oleh Raja yang bertakhta satu kurun sebelum didatangi oleh penjajah Portugis. Di zaman silam takhta merupakan suatu institusi, suatu dalam semua dan semua dalam satu. Raja yang memerintah memainkan peranan sebagai pencipta dan pembuat undang-undang. Dengan lain-lain perkataan, Raja yang bertakhta adalah sebuah Parlimen yang membuat dan meminda undang-undang. Apa yang difikirkan perlu oleh Raja yang memerintah maka undang-undang itu akan diwujudkan tanpa memikirkan sama ada suatu perkara itu baik atau buruk.

Umpamanya, "Pasal yang pertama Undang-undang Melaka mengenakan hukuman bunuh ke atas sesiapa yang memakai pakaian warna kuning."

Tuan yang di-Pertua, saya petik lagi:

"Takhta juga menjadi pemerintah atau Kerajaan dan Raja mempunyai kata pemutus mengenai sesuatu perkara. Baginda kadangkala mewakilkan kuasa itu kepada Memanda Menieri atau Bendahara sekarang ini Menteri Besar - dan kadang-kala menjalankan tugas pemerintahan itu oleh Baginda sendiri. Di sinilah timbulnya istilah "Kerajaan" yang berasal dari konsep Raja yang bekerja. Takhta juga menjalankan peranan sebagai badan pengadilan di mana tiap-tiap kes itu dijalankan di hadapan Raja di dalam istana, dan Rajalah yang menjadi hakim dan memberi kata putus.

Sejarah Malayu telah menunjukkan bahawa Hang Tuah telah dihukum bunuh oleh Sultan Melaka atas sifat Baginda-sebagai hakim. Kemudian Baginda menyesal di atas hukuman itu. Tetapi nasib baik Hang Tuah tiada dibunuh tetapi hanya disembunyikan oleh Bendahara. Oleh kerana ketiga-tiga tugas yang amat berat itu, maka tidak dapat dilaksanakan secara berkesan oleh seorang Raja. Maka tugas itu telah diserahkan dan diwakilkan kepada orang lain untuk menjalankannya. Dalam konteks moden ketiga-tiga tugas itu dijalankan oleh Parlimen sebagai badan pembuat undang-undang. Pemerintah atau Kerajaan sebagai badan yang melaksanakan undang-undang dan badan kehakiman sebagai badan pengadilan. Di negara kita takhta masih kekal sebagai suatu simbol lambang perpaduan, sebagai punca dan tunggak keadilan, sebagai tempat memohon kasihan belas dan pengampunan dan sebagai gedung pengurniaan bintang-bintang kehormatan."

Tuan Yang di-Pertua, saya petik lagi:

"Sejarah telah menunjukkan juga bahawa di setengah-setengah negara, takhta telah dialih dah istana dan ditempatkan di muzium untuk dijadikan bahan sejarah budaya. Pada awal kurun kesembilan belas, ada lebih dari 900 buah takhta dalam dunia ini. Tetapi bilangan ini telah turun satu demi satu kepada 240 buah dalam abad yang keduaapuluhan. Pada hari ini, pada dekad kelapan abad keduaapuluhan, hanya terdapat sebanyak 40 buah takhta sahaja lagi. Takhta Merak Kayangan di Iran telah dialih dari istana ke muzium sejarah kerana rakyat Iran tidak lagi memberi kepercayaan dan taat setia kepada takhta. Kononnya Takhta Merak Pahlavi telah melebihi kuasa yang ada kepadanya. Sejarah juga telah menunjukkan bahawa takhta yang dialih dari istana ke muzium sejarah adalah hasil dari salah nasihat yang diberi oleh penasihat-penasihat istana yang tidak bertanggungjawab kepada rakyat.

Sebenarnya, penasihat-penasihat istanalah yang tidak bertanggungjawab kepada rakyat. Sebenarnya, penasihat-penasihat istana ini adalah terdiri dari mereka yang mencari keuntungan jangka pendek bagi kepentingan diri mereka sendiri tanpa memikirkan kepentingan rakyat dan negara."

Tuan Yang di-Pertua, saya petik lagi:

"Adalah setengah-setengah golongan manusia pula yang lebih takut kepada manusia dari takut kepada Allah. Golongan-golongan ini adalah terdiri daripada alim ulama yang tugasnya wajib memberi nasihat kepada takhta ataupun penasihat istana mengenai penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan terhadap jalan Allah. Mereka mengetahui sesuatu perkara yang tidak baik telah berlaku di dalam istana tetapi sengaja membisu-batu, takut-takut mereka akan kehilangan jawatan, dipecat atau dimurka."

Tuan Yang di-Pertua, saya petik lagi;

"Di Malaysia, di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri, hanya takhta sahaja yang kebal di mana takhta tidak boleh didakwa dalam apa jua kesalahan dalam mana-mana jua mahkamah. Yang lainnya, dari Perdana Menteri sehinggalah kepada rakyat biasa, tiada seorang pun yang kebal. Taraf mereka adalah sama, hak mereka adalah sama, dan mereka diberi perlindungan yang sama di bawah Perlembagaan. Sekiranya mereka melakukan kesalahan, maka mereka akan dihadapkan ke mahkamah tanpa memilih bulu dan roma, tanpa memilih darah jenis apakah yang mengalir dalam tubuhnya, tanpa mengenal Menteri aiau rakyat biasa. Tetapi walau bagaimanapun, walau seberapa kebal sekalipun takhta, naraun takhta tidak boleh lari dari hukuman Allah, hukum yang ditetapkan ke atas seluruh umat manusia tanpa mengira Raja atau rakyat. Di Malaysia, takhta akan terus dikekalkan selagi Perlembagaan tidak dipinda dan Perlembagaan tidak mungkin akan dipinda selagi rakyat masih taat setia kepada Raja. Rakyat akan terus memberi sepenuh taat setia kepada Raja selagi mereka dapat berteduh di bawah payung takhta. Kalaulah takhta dapat memainkan peranan mengikut lunas-lunas Perlembagaan tanpa dipengaruhi oleh anasir-anasir luar Perlembagaan, maka selama itulah takhta akan terus kekal bukan sahaja di istana tetapi juga di dalam hati dan sanubari setiap rakyat jelata."

Tuan Yang di-Pertua, saya petik lagi:

"Untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, aman dan makmur, bahagia dan sentosa, maka tiap-tiap satu komponen di dalamnya mestilah memainkan peranan masing-masing, sejajar dengan kehendak negara, samalah seperti sebuah-jentera yang

berkehendakkan sinkroni di antara satu sama lain. Jika sebuah skru yang kecil tidak berfungsi dalam sebuah jentera, maka jentera itu akan menjadi rosak. Bagi Malaysia, apa yang diperlukan ialah peranan yang dimainkan oleh tiap-tiap satu komponen itu mestilah seiring sejalan dengan kehendak dan kepentingan negara. Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dengan tugas membuat dan meminda undang-undang pemerintah, dan pemerintah melaksanakannya. Dan badan Kehakiman dengan tugas pengadilannya. Di atas kemuncak ketiga-tiga badan itulah terletaknyanya takhta yang menjadi simbol kebenaran, terletaknyanya takhta yang menjadi simbol kecekapan dan keadilan. Di bawahnya pula terletaklah suatu asas, iaitu masyarakat seluruhnya. Apabila kukuhnya asas itu, maka tegaklah bangunan itu, bangunan yang dikenal sebagai "Malaysia-merdeka dan berdaulat".

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kata-kata ini saya petik daripada ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa menjadi Ketua Hakim Besar Malaya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita baca perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi, saya ingin petik daripada *Hansard* ataupun makluman Parlimen, pada hari Khamis, 10hb Disember, 1992.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berada di Parlimen ini untuk sekian lama dan untuk beberapa penggal dan saya senantiasa melihat telatah DAP mempertahankan kebenaran dan keadilan dan saya bangga kerana pada 10hb Disember, 1992 yang lalu, Ahli dari Marang dan juga Timbalan Yang di-Pertua PAS telah menyatakan, dan saya quote daripada *Hansard*.

"Tuan Yang di-Pertua, peluang yang diberikan untuk membahaskan usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri,

marilah kita jadikan sebagai suatu peluang untuk memberikan keinsafan kepada kita, menyedari kelemahan-kelemahan yang ada di dalam Perlembagaan negara, dasar negara dan undang-undang negara. Seterusnya memberikan kesedaran kepada kita untuk membuat pindaan, apa yang perlu dipinda dan bukan sebagai satu peluang untuk mengecam sesiapa dan mana-mana pihak.

Sebagai parti yang bertanggungjawab memperjuangkan Islam, maka saya menyatakan tentang pandangan Islam berhubung dengan isu yang dikemukakan secara menyeluruh dan seterusnya marilah kita mengambil pengiktibaran untuk membuat perubahan-perubahan yang benar-benar berani, bukan kerana satu kes yang berlaku, bahkan kepada perkara-perkara yang banyak telah berlaku dan mungkin kalau diabaikan, banyak lagi akan berlaku."

Ini menunjukkan bahawa pada 10hb Disember yang lalu, PAS telah memberikan sokongan yang padu kepada Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya menyatakan perlunya Perlembagaan dipinda dan memberi kesedaran kepada kita untuk membuat pindaan kepada Perlembagaan negara.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, yang juga Timbalan Pengerusi DAP, menyatakan pada mukasurat 102, Laporan Parlimen, pada hari Khamis 10hb Disember, 1992, dan saya quote-beliau menyatakan bahawa:

"Perkara 181(2), tindakan mahkamah tidak boleh diambil kepada seseorang disebutnya Raja in his personal capacity. Itu bermakna dalam official capacity-boleh. Adakah Encik Gomez dipukul dalam official capacity? Adakah Ahli-ahli DAP dipukul oleh Sultan Johor dalam official capacity? Apa tindakan? Saya mahu dapat tahu."

Ahli dari Jelutong seterusnya membawa isi kandungan 181(2) iaitu:

"Tiada apa-apa perbincaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi sesuatu negeri atas sifat dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bacakan mukasurat 117, Laporan Parlimen yang bertarikh 10hb Disember, 1992 dan saya quote:

"Tuan Speaker, kewajiban, tugas Kerajaan-ini bukan saya cakap, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Ahli dari Jelutong-adalah untuk perlindungan seorang. Tidak kira pangkat. Dan dalam kes ini, apa yang boleh dibuat oleh Kerajaan adalah langkah yang baik untuk memperindungi Douglas Gomez. Ini baik oleh kerana ia jadi satu perkara prinsip dan saya harap dalam kes ini, apa yang saya katakan tadi, Tuan Speaker, adalah banyak masalah dari segi undang-undang untuk ambil tindakan ke atas Sultan of Johore."

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan saya cakap, ini Ahli dari Jelutong yang bercakap:

"Tetapi perkara ini tidak boleh dibiarkan begitu juga. Satu jalan harus didapati untuk menentukan Sultan of Johore ini ada didakwakan. Itu boleh dibuat, Perlembagaan ada di sana. Dalam masa dahulu, kerap kali Perlembagaan adalah bukan sahaja dipinda tetapi juga ada di'backdated'. Ini boleh dibuat untuk memperkuatkuasakan dahulu daripada kejadian ini. Tetapi ada peruntukan untuk membolehkan ampun diri sendiri dan jangan lupa itupun harus dipinda."

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan dicakapkan oleh Ahli-ahli Barisan Nasional, tetapi ini dicakapkan oleh Ahli daripada Jelutong, Timbalan Pengerusi

DAP. Selepas mendengar hujah-hujah yang telah ditonjolkan oleh Ahli dari Marang, Ahli dari Jelutong, maka saya beranggapan bahawa kedua-dua pemimpin Pembangkang ini menyesali kejadian yang berlaku di Johor dan menyokong Kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri untuk bersikap tegas, berani dan bertanggungjawab untuk membuat pindaan kepada Perlembagaan negara. Semoga kejadian yang tidak diingini ini tidak berlaku lagi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai pemimpin yang dihormati dan disegani di dalam dan di luar negara, sudah tentu merasa yakin bahawa rakyat berkehendakkan satu perubahan, satu pindaan kepada Perlembagaan Negara untuk memastikan kejadian yang berlaku di Johor tidak berulang lagi di negeri itu ataupun di negeri-negeri lain di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa kejadian ini tidak berulang maka perlulah dibuat pindaan kepada Perkara 181(2). Untuk menjelaskan lagi perenggan ini, bukan kita hendak buang, hendak hapuskan, untuk menjelaskan lagi perenggan ini. Maka ianya akan menghindarkan kejadian yang berlaku di Johor tidak berulang.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang mengatakan bahawa Perkara 181(2) ini, kita hendak hapuskan kekebalan Raja-raja. Sebenarnya tidak, Tuan Yang di-Pertua. Kerana sewaktu Perlembagaan ditulis, 181(2) ini dimasukkan supaya Raja-raja kebal di atas tindakan mereka sebagai Raja. Tidak ada langsung maksud Perlembagaan untuk memberikan kekebalan Raja-raja daripada sifat persendirian mereka. Bermakna apa yang kita buat hari ini bukan meminda Perlembagaan tetapi hanya untuk menyatakan dengan lebih terang Perlembagaan itu sendiri.

Nampaknya pandangan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong diketepikan dengan sewenang-wenang oleh Ketua Pembangkang. Kalau dalam Parlimen 10hb Disember 1992 yang lalu, penyokong Kerajaan bersama-sama dengan Ahli DAP, termasuk saya memberikan tepukan yang gemuruh kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Malang seribu kali malang, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong berkokok. Bak kata pepatah, "ayam jantan berkokok berderai-derai, ekor bergelumang dengan najis". Laungan DAP hanyalah laungan yang merupakan laungan politik. Tindakan DAP tidak selari dengan niat perjuangan DAP. Laungan PAS mahu menegakkan keadilan kononnya. Sistem keadilan yang ada perlu diubah kepada sistem perundangan Islam seperti melaksanakan hukum hudud. DAP dan PAS memainkan sandiwara dengan PAS mahu mengambil hati rakyat, dalam masa yang sama mahu berjinak-jinak dengan istana.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab. Apabila Kerajaan membuat keputusan untuk mengambil tindakan, ianya terpaksa berhadapan dengan halangan dan rintangan. Perdana Menteri merupakan seorang pemimpin yang tegas. Kepada beliau, "menyeluk pekasam biarlah sampai ke pangkal lengan. Alang-alang mandi biar basah". Hari ini saya telah melihat telatah PAS dan juga DAP. Dalam undang-undang, UMNO mempertahankan Sistem Beraja di Malaysia. Tidak mungkin UMNO akan menyingkirkan Raja-raja Melayu. Mungkin setahun, dua ini kita tidak dapat melihat sejarah tetapi anak cucu cicit kita akan dapat melihat sejarah dan pada masa itu akan terbukti siapa sebenarnya yang mempertahankan kedudukan dan kemuliaan Raja-raja Melayu-UMNOkah, PASKah atau DAPkah? Hari ini UMNO mungkin dianggap sebagai bertentangan dengan istana tetapi sejarah akan membuktikan bahawa UMNOlah yang

akan menjadi pelindung kepada istana, pelindung kepada bangsa Melayu. Hari ini DAP telah bermuka-muka dan berjinak-jinak dengan istana. PAS pula tidak mahu menunjukkan pertentangan dengan istana. 46 pula menjadi penasihat ala si Kitol, Raja Mandaliar. Insya Allah, sejarah akan dapat membuktikan UMNO sebenarnya panglima Raja, hulubalang Raja dan rakyat yang setia kepada Raja. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani isu ini, ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa Perdana Menteri kita tidak berunding dengan istana. Saya ada beberapa keratan—"Sultan Selangor pertama setuju pindaan hapus kekebalan Raja-raja", disambut pula oleh DAP; "DAP urges Rulers to give their consent", "Sultan Terengganu sambut baik cadangan tamatkan kuasa kekebalan Raja-raja", "Regent of Perak—No one beyond purview of the law". Lagi satu, "No one is above the law—Raja Nazrin", "Regent prays for open approach".....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Nilam Puri bangun.

Dato* Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, nanti sekejap, saya akan beri jalan. "Nazrin gesa hak asasi dan hak kebebasan rakyat dipertahankan".

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan dan membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berunding dan ada sesetengah Raja-raja yang telah bersetuju tetapi oleh kerana adanya si Kitol Raja Mandaliar yang menghasut Raja-raja (*Tepuk*) maka itulah yang membuatkan Raja-raja tidak setuju.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada laporan akhbar, bolehkan kami rakyat biasa, rakyat cembel ini dapat mengetahui tentang kenyataan Raja itu. Sebab kita tidak dengar dia membuat kenyataan sendiri—semuanya berdasarkan laporan akhbar. Jadi, bagaimana kami hendak pegang laporan akhbar? Sedangkan laporan akhbar selama ini banyak yang tidak betui—6:3 jadi 9:0. Selain daripada laporan akhbar, saluran apa yang kami boleh tahu tentang pendirian Raja-raja ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah misalnya akhbar-akhbar ini telah membuat silap, sudah tentulah Raja-raja akan menafikan. Kalau mereka tidak boleh menafikan melalui akhbar, mereka boleh menafikan melalui *Harakah*, mereka boleh menafikan melalui *Roket* (*Tepuk*) tetapi kita tidak pernah baca daiam *Harakah* atau *Roket* penafian daripada Raja-raja. Tetapi oleh kerana ada.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Untuk penjelasan Timbalan Menteri, *Harakah* tidak ada saham Raja mana pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak minta penjaslankah alaupun bendak beri penjelasan?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak minta boleh.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kita tahu bahawa akhbar-akhbar ini kepunyaan parti pemerintah. Jadi, *Harakah* dia tidak ada share langsung dari mana-mana Raja. Jadi, kalau laporan dari akhbar itu kita tidak boleh pegang sebagai yang betul, saya tanya lagi satu, laporan mana? Kenapa Raja tidak diinterview secara terus-menerus dalam televisyen uniuik kami dapat pegang?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bincang yang lain tetapi kenyataan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak, Raja Nazrin dibuat dalam ucapan Baginda merasmikan mahkamah baru di Taiping di hadapan Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Omar dan Pemangku Hakim Besar Malaya, Dato' Anuar Dato' Zainal Abidin. Tidak mungkin akhbar ini akan menyelewengkan berita, tetapi PAS tetap PAS. *(Tepuk)*

Saya beranggapan pada 10hb Disember yang lalu bahawa kali pertama PAS dan DAP bersama-sama dengan Kerajaan menangani satu isu yang sensitif—keadilan, kebebasan untuk rakyat tetapi rupa-rupanya-Tuan Yang di-Pertua, saya mimpi di siang hari. *(Tepuk)* Biarlah mimpi saya buruk asalkan niat saya baik menyokong pindaan Perlembagaan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *(Tepuk)*.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Samarahan.

4.37 ptg.

Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud (Kota Samarahan): Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Semasa membentangkannya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun mengupas dengan latarbelakang sejarah perjalanan politik kita. Sebab-sebabnya yang memaksa beliau mencadangkan pindaan Perlembagaan ini untuk menghapuskan kekebalan Raja-raja di luar daripada tindakan menjalankan tugas rasmi Baginda dan juga untuk membolehkan rakyat dan Dewan ini memberi teguran kepada tingkahlaku Raja-raja.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyatakan bahawa peristiwa yang berlaku di Johor baru-baru ini hanya merupakan "the last straw on the camel's back", dengan izin, dan bukan sebab utama yang mendorongkan pindaan Perlembagaan dilakukan. Banyak faktor-faktor lain telah timbul sebelum itu yang" telahpun mengubah sikap rakyat terhadap konsep kekebalan Raja-raja. Sikap rakyat begitu kencang arusnya sehingga kalau tidak diambil perkiraan awal tentu sekali akan menimbulkan ancaman kepada institusi Raja Berperlembagaan pada masa akan datang. Pada hal, pemimpin-pemimpin politik yang ada sekarang ini yang masih lagi mempunyai kesedaran mengenai adanya kebaikan Institusi Raja, masih lagi komited untuk mempertahankan Institusi itu. Oleh sebab itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat bahawa satu penyesuaian yang sejajar dengan public opinion yang sudah berubah mestilah diambil untuk menjamin supaya Institusi Raja akan dapat terus kekal wujud.

Sebagai wakil daripada negeri Sarawak, saya tidak boleh mengakui bahawa kami di Sarawak faham betul cara Raja-raja. Namun demikian, sejak kami masuk dalam Malaysia sebagai sebahagian daripada negara yang beraja, kami juga cuba untuk turut menunjukkan bagaimana kami juga mahu menghormati institusi Raja sebagai lambang perpaduan dan kemegahan negara kita. Oleh sebab itu, pada tiap-tiap kali ada lawatan DiRaja ke negeri kami, rakyat Sarawak telahpun cuba memberikan penghargaan kami atas mertabat DiRaja dengan sambutan yang meriah.

Sebagai Ketua Menteri Sarawak, saya juga tidak boleh mengakui bahawa saya ada pengalaman sama seperti Menteri-menteri Besar yang berkhidmat di bawah naungan Raja. Namun demikian, saya boleh memahami bagaimana seorang manusia yang duduk di kemuncak negerinya boleh terharu dengan perasaan

ada banyak kuasa. Saya juga boleh memahami bahawa sesiapa yang ada banyak kuasa boleh terkena dugaan untuk menggunakan kuasanya dengan sewenang-wenangnya kalau ianya tidak diwajibkan bertanggungjawab kepada orang ramai tentang cara menggunakan kuasa.

Kuasa dalam pemerintahan sebuah negara atau negeri adalah besar sekali dan kalau seorang yang menjalankan kuasa itu tidak menyedari bahawa ianya sentiasa dalam perhatian orang ramai, kemungkinan penggunaan kuasa itu tidak akan tertakluk kepada Undang-undang. Dengan izin, "Exercises of power must be accompanied by the concept of public accountability". Konsep akauntabiliti itu berjalan baik apakala ada saluran teguran yang boleh mengawal dan memandu cara-cara kuasa itu patut digunakan.

Dalam dunia moden ini, khasnya dalam negara yang mengamalkan demokrasi, public accountability merupakan satu cara hidup untuk menjamin agar pihak yang memegang kuasa itu mengikut hasrat orang ramai. Semakin maju sebuah negara itu, semakin bertambahlah kegiatan rakyatnya. Semakin bertambah kegiatan rakyatnya, semakin luaslah kebebasan yang dikehendaki oleh rakyat. Semakin makmur sesebuah negara, semakin banyaklah peluang yang terbuka untuk rebutan dan semakin tinggilah nilai penaruhan dalam apa-apa rebutan.

Dalam keadaan demikian, rakyat tentulah menganggap sebagai sebahagian daripada perjuangannya untuk mencapai semakin lebih luas kebebasan bagi dirinya. Rakyat yang tidak lagi terpaksa dikongkong oleh keperluan mengais pagi untuk makan pagi ataupun mengais petang untuk makan petang menjadi manusia yang akan mencari lebih luas kebebasan dan akan menuntut semakin banyak macam hak dan nikmat hidup. Mereka inilah yang menentukan bahan

politik kita daripada satu masa ke satu masa dan menggerakkannya ke arah mana yang mereka fikir menguntungkan mereka dan negara mereka.

Dari bentuk pemikiran mereka inilah akan timbul isu-isu yang akan menentukan arah perjuangan politik dalam negara kita ini. Dengan kata pendek, suara rakyat atau public opinion yang menzahirkan hasrat rakyat inilah yang patut diperkirakan oleh sesiapa sahaja yang bertuah mendapat peluang memegang kuasa dan menentukan dasar-dasar tindakan atau perjuangan negara.

Kita tidak dapat menafikan bahawa Malaysia telahpun mengalami perubahan yang memberi bertambah banyak kesenangan kepada rakyat dan oleh sebab itu memperluaskan kebebasan bagi rakyat untuk bertindak. Rakyat Malaysia selama ini sudah mempunyai lebih upaya untuk membentuk body of public opinion, dengan izin, daripada generasi yang dahulu. Di samping kebebasan yang bertambah luas yang mereka sudah punyai, rakyat Malaysia sekarang ini juga mendapat kemudahan yang bertambah luas daripada mass media yang boleh mencabar pula cara pendapat mereka, mencantumkan buah pemikiran mereka dengan buah pemikiran orang lain dan memberi saluran tindakan bagi mereka mencapai tujuan dan hasrat mereka. Tambah pula, paras pendidikan yang dinikmati oleh generasi rakyat Malaysia sekarang ini adalah lebih tinggi daripada dahulu dan ini memperlengkapkan mereka untuk membincang dan memperjuangkan pendapat mereka menerusi mana-mana saluran yang mereka pilih termasuk saluran badan pertubuhan-pertubuhan dan pertubuhan politik.

Oleh sebab itu, konsep Kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat telahpun berubah daripada amalan mendapat pandangan dan sokongan daripada segolongan kecil, misalnya pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh rakyat,

kepada amalan yang lebih luas, iaitu menduga pendapat rakyat secara langsung di samping mendengar pendapat dan nasihat pemimpin-pemimpin yang mewakili mereka. WakiJ-wakil Rakyat pun terpaksa menduga pendapat pengikut-pengikutnya, bukan sahaja pada masa pilihan parti ataupun pilihanraya, tetapi hampir sepenuh masa.

Datam keadaan penibahan demikian, bentuk public opinion atau suara rakyat itu perlu diperkirakan dalam perjalanan memerintah negara ini. Public opinion pula beredar daripada satu generasi ke satu generasi dan mungkin menimbulkan keperluan unruk menyesuaikan bentuk institusi-insdtusi dalam negara kita ini.

Selepas tahun 1969, misalnya, institusi Parlimen dan cara perjalanan politik kita terpaksa diubahsuaikan untuk mengenaJkan dengan lebih nyata lagi sensitiviti corak masyarakat kita yang berbilang kaum dan meminta kita semua menghormati pantang-larang yang boleh menjenskaji perhubungan di antara kaum. Parlimen sendiri telahpun memilih untuk menyekatkan kebebasannya membincang kepada perkara-perkara yang sensitif ini.

Sekarang, selepas satu generasi kemudian, sikap rakyat pula menggambarkan kecenderungan mereka untuk memperjuangkan sebagai isu utama soal social justice dan soal hak asasi manusia. Tambah pula, dalam zaman bila mana peristiwa yang berlaku di mana-mana pun di dunia ini boleh disaksikan oleh rakyat di Malaysia ini menerusi saluran mass media, isu human rights dan isu environment, misalnya, makin sehari menduduki tempat yang semakin popular dalam proses pembentukan public opinion.

Isu-isu ini telahpun mendapat sokongan banyakpertubuhan-pertubuhan dan pergerakan-pergerakan di seluruh dunia lermasuk di Malaysia ini, Social justice and discrimination before the law, dengan izin, adalah soal yang mendapat

perhatian yang bertambah kuat di Malaysia ini, kbasnya di kalangan generasi muda kita yang menganggap hak kebebasan mereka icu sama dengan apa yang dinikmati oleh rakyat dalam negara Barat yang sudah lama berkurun-kurun mengamalkan demokrasi.

Kesan'pembangunan politik yang demikian tentu sekali menimbulkan lagi hebatnya tekanan public oinion ke atas sistem politik kita, khasnya kepada orang yang memegang kuasa. Raja-raja yang menjadi sebahagian daripada insticusi pemerintahan tidak boleh terlepas daripada tekanan public opinion seperti ini. Cara Perlembagaan di Malaysia ini cuba mengurangkan tekanan ini daripada membebankan kedudukan Raja-raja ialah dengan memisahkan pemegang kuasa negeri atau negara daripada peranan menjalankan kuasa-kuasa itu, Raja-raja disifatkan oleh doktrin ini sebagai, dengan izin, "repository of sovereign powers" dan penjaga kuasa ini supaya ada "continuity of the sovereign powers of the state".

Raja-raja mestilah perlu diletakkan aras controversy of actual governing, dengan izin, dan peranan untuk menjalankan pentadbiran diserahkan kepada orang-orang politik yang dipilih oleh rakyat.

The Rulers do not exercise the powers vested in rhem. It is ihe admimstration that is charged with the duty to exercise - those powers, dengan izin. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-menteri Besar dan Menteri-menteri yang' dilantik oleh Raja-raja sekalian adalah orang-orang yang ditugaskan unruk menjalankan kuasa yang berpunca daripada Raja-raja sekalian. Dengan cara ini ahli-ahli poliak yang dipilih oleh rakyat yang didedahkan kepada teguran dan kritik rakyat jelata atas baik-buruknya cara mereka memerintah negara ataupun negeri. Malah pemimpin politik inilah yang bertanggungjawab kepada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dan orang

ramai jikalau ada cara pemerintahan yang sumbang ataupun melanggar undang-undang. Mereka inilah yang boleh dihadapkan ke mahkamah atas apa-apa kesalahan yang ada kaitan penggunaan kuasa negara ataupun kuasa negeri. Dengan cara inilah Raja-raja dilindungi oleh Perlembagaan kita daripada akibat baik-buruknya pentadbiran negeri atau negara. Semua Hability yang berbangkit daripada penggunaan kuasa dalam menjalankan pentadbiran akan ditanggung oleh Menteri-menteri atau anggota-anggota pentadbiran awam yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan demikian tidak meliputi perbuatan Raja-raja yang tidak ada kaitan dengan perjalanan kuasa mentadbirkan negeri atau negara. Perlembagaan kita cuba untuk memberi kekebalan umum untuk melindungi Raja-raja mengenai perbuatan personal mereka berasaskan konsep yang menegahkan rakyat mengambil tindakan apa-apa di hadapan mahkamah yang sebaliknya dilantik oleh Raja. Perlindungan kekebalan ini berasal daripada konsep feudal di Eropah yang telahpun dianggap sebagai kuno dan telah digugurkan daripada sistem undang-undang kebanyakan negara-negara yang raengamalkan demokrasi kerana ianya dianggap sebagai bertentangan dengan konsep "the rule of law".

Di Malaysia ini juga, public opinion telah mulai menganggapkan konsep kekebalan Raja sebagai satu cara meletakkan mereka di atas undang-undang negara. Rakyat berpendapat semua warganegara patutlah mempunyai taraf yang sama di sisi undang-undang, sebab itulah asas demokrasi dan sistem keadilan kita. Di kalangan rakyat Melayu khususnya walaupun mereka masih lagi berpegang kepada tradisi taat setia kepada Raja, konsep kekebalan juga disedari sebagai bertentangan dengan konsep keadilan dalam Islam. Nabi Muhammad s.a.w. dan Khalifah-khalifah Rashidin telahpun menolak konsep pengecualian Ketua Negara daripada takluk undang-

undang Islam. Sekarang ini pada masa kita berusaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam cara hidup kita orang Islam di negara ini, konsep kekebalan sukar dapat diterima. Oleh sebab itu, alangkah baiknya kalau Raja-raja boleh dengan sukarela menggugurkan kekebalan mereka ini sebagai sumbangan mereka kepada usaha kita orang Islam untuk menerapkan lebih banyak lagi nilai-nilai Islam dalam cara pentadbiran negara kita ini.

Kalaulah institusi negara seperti Parlimen dan institusi-institusi lain telah dapat berubahsuai dengan edaran zaman dan terus kekal menjadi cara hidup kita, tidak akan inslitusi Raja Berperlembagaan tidak dapat berubahsuai dan juga terus menjadi cara hidup kita seterusnya.

Contoh-contoh di negara yang masih ada Raja telah menunjukkan bahawa ini boleh berlaku. Sementara banyak negara Eropah menukar sistem mereka menjadi republik, negara seperti United Kingdom, the Neiherlands dan Denmark telahpun berjaya mengekalkan sistem Raja Berperlembagaan sehingga ke hari ini. Ini adalah disebabkan institusi ini sudahpun menjadi sensitif kepada perubahan yang dihadapi. Pakar undang-undang yang menyokong konsep Raja Berperlembagaan berpendapat bahawa ada lebih baiknya mengekalkan Raja kerana institusi Raja itu boleh memberi eiwironment yang paling baik untuk mendidik dan melatihkan bakal Raja yang boleh memahami rakyatnya dengan lebih mendalam dan boleh menyumbang kepada Kerajaan mencapai keputusan yang lebih bijak menerusi perundingan di antara Raja dan political government.

Sekarang ini kita boleh saksi di United Kingdom bagaimana bila keadaan recession menekan ekonomi negara itu, Ratu Elizabeth II telahpun memilih dan membuat keputusan untuk membayar cukai secara sukarela sebelum rakyat di negara itu menimbulkan soal pengecualian ataupun exemption Raja

daripada membayar cukai menjadi isu. Sikap sensitif kepada perasaan orang ramai dan kebijaksanaan untuk memahami public opinion merupakan sifat yang sangat perlu untuk mengekalkan institusi Raja Berperlembagaan di United Kingdom. Tentu sekali ini adalah iktibar yang baik yang boleh diperhatikan di Malaysia ini, di mana kita masih lagi berazam untuk mengekalkan Institusi Raja Berperlembagaan sebagai cara pemerintahan kita.

Dalam sebuah negara demokrasi seperti Malaysia ini, tiap-tiap seorang yang mempunyai kuasa yang boleh menyentuh kehidupan orang lain, khususnya orang yang berkuasa dalam pemerintahan tidak dapat terlepas daripada tekanan arus pemikiran rakyat. Oleh sebab cara Raja-raja, cara kehidupan Raja-raja menarik minat orang ramai, mustahil institusi Raja akan boleh bebas daripada semua perubahan ini.

Oleh sebab itu, sebagai langkah untuk mengekalkan Institusi Raja Berperlembagaan dan untuk menjamin supaya generasi muda daripada Kerabat DiRaja akan terjamin mewarisi institusi ini, eloklah institusi ini dibebaskan daripada kurungan immuniti yang mungkin memencil mereka daripada peredaran masa dan perubahan yang berlaku di sekitar negara kita. Biarlah generasi muda ini mendapat pengalaman yang baik daripada interaksi mereka dengan masyarakat awam tanpa kekebalan agar mereka akan dapat memperolehi serba-sedikit daripada kebijaksanaan perhubungan yang berasas kepada kejujuran dan bukan artificial barrier.

Tuan Yang di-Pertua, atas sebab-sebab yang saya sebutkan dalam ucapan saya ini, saya merasa memanglah menjadi kewajipan bagi saya untuk menyokong Rang Undang-undang meminda Perlembagaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bintulu.

4.59 *ptg.*

Datuk Amar James Wong Kim Min (Bintulu): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi saya peluang berucap memperbahaskan pindaan kepada Perlembagaan ini. Saya berucap bagi pihak diri saya dan parti saya SNAP—Sarawak National Party. Saya ingin merakamkan sokongan kami terhadap pindaan yang dicadangkan oleh Kerajaan bagi meminda Perlembagaan yang dibentangkan kelmarin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah merdeka lebih kurang 35 tahun sudah. Semenjak ini masyarakat Malaysia sudah lebih berpelajaran, lebih liberal dan lebih berpengetahuan. Oleh kerana itu, mereka lebihlah mementingkan keadilan dan kesaksamaan. Mereka tidak lagi boleh menerima dengan bulat-bulat sesuatu yang berlaku pada diri mereka. Mereka sudah matang dan boleh berfikir sendiri. Mereka sudah pandai memilih yang baik dan menolak apa yang tidak membawa kebaikan kepada mereka. Dalam lain-lain perkataan, mereka sudah pandai sensitif terhadap perubahan. Ini adalah suatu kemajuan yang mereka capai hasil kemajuan yang telah dibawa oleh Kerajaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak sepatutnya hairan dengan apa yang berlaku hari ini. Ini adalah perubahan zaman. Kita perlu menyesuaikan diri dengan perubahan ini, sama ada untuk diri kita sendiri ataupun untuk negara kita. Contohnya, adat, kebudayaan, selera pada satu masa dahulu dan yang diterima sebagai normal as a norm, dengan izin, 50 tahun dulu tidak lagi diterima hari ini, kecuali diubah sedikit. Perasaan dan selera makanan pun sebagai muzik dan makanan antara bapa dan anak pun ada perselisihan, sebagaimana yang orang tua-tua sekarang ini suka muzik yang old songs, old music. Tetapi anak-anak kita sekarang ini dia mahu muzik pop, fast

music atau rock. Dan makanan pun yang tua-tua ini suka makan proper food, tetapi budak-budak sekarang ini dia mahu fast food. Jadi, itulah sudah ada perubahan juga. Jadi, dunia sudah maju ke hadapan. Malaysia sebagai negara yang merdeka perlu juga maju ke hadapan seiring dengan lain-lain negara supaya? tidak ketinggalan. Sekiranya ketinggalan, kemunduran mungkin melanda semula negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia ini sungguh bertuah kerana masih dapat mengekalkan sistem Raja Berperlembagaan kita hingga ke hari ini. Banyak negara luar telah menghapuskan sistem Beraja ini. Perlembagaan kita pula memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong, iaitu Raja Ketua Negara dipilih dari kalangan Raja-raja Melayu 5 tahun sekali. Kita sayang kepada sistem ini. Kita mahu sistem ini berterusan.

Sultan itu diibaratkan payung negeri dan Yang di-Pertuan Agong itu payung negara. Sekiranya begitu, rakyat bolehlah berteduh di bawah payung-payung ini. Dalam kata-kata lain, rakyat dilindungi oleh payung-payung ini. Dalam kata-kata lain, rakyat dilindungi oleh payung-payung ini apabila rakyat tidak kira kaum, bangsa, keturunan dan agama dapai berteduh di bawah payung ini, sudahlah pasti mereka dapat sesuatu oleh kerana mereka bernaung di bawah payung yang sama. Perpaduan ini telah menyambung terhadap menjadikan negara ini satu negara yang stabil dan kestabilan itu telah membawa kepada kemajuan yang telah memberi kita kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengekalkan semua itu, maka adalah perlu bagi Raja-raja menjaga kedudukan mereka sebagai payung negeri aiaa negara. Kelakuan dan perbuatan mereka perlu berada di satu tahap di mana tidak ada apapun pada mereka yang boleh dipersalahkan. Dengan izin, Raja-raja itu mestilah above and beyond suspicion like Ceaser's wife.

Perlembagaan itu sendiri telah menetapkan cara mana mereka perlu memelihara kedudukan ketuanan dan kedaulatan mereka. Itulah sebabnya mereka itu dikatakan Raja Berperlembagaan. Sekiranya mereka mahu beraja di hati dan ditakluk oleh nafsu-nafsi, maka runtuhlah payung yang menjadi tempat berlindung rakyat. Dengan izin, unless the Raja-raja acts responsibility as a Constitution Monarchy, they will erode respect for the monarchy system.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa Raja-raja kita itu adalah juga manusia biasa dan tidak sunyi dari melakukan kesilapan atau kesalahan. Kesilapan atau kesalahan ini boleh dibetulkan dengan syarat mereka mengaku kesilapan itu dan sanggup menerima teguran dari penasihat-penasihat mereka. Sekiranya nasihat yang diberi tidak diterima, maka kita perlu berbalik kepada Perlembagaan negara atau negeri yang juga memberi perlindungan kepada mereka selain daripada rakyat dan negara.

Sepertimana saya kata awal tadi bahawa rakyat sekarang ini sudah boleh berfikir dan sudah pandai memilih mana yang baik dan mana yang buruk. mereka juga sudah tahu hak mereka untuk dilindungi. Sekiranya mereka tidak boleh mendapat perlindungan lagi dari Raja-raja mereka, maka mereka terpaksa berbalik kepada perlembagaan negara yang memberi perlindungan mutlak kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu kita berkumpul hari ini di dalam Dewan yang mulai ini untuk meminda perlembagaan. Tujuan ialah untuk mendapatkan semula naungan tujen dari Raja-raja dan bukan untuk menyingkir atau mengguling atau menjatuhkan mereka ini. Inilah membuktikan bahawa kita masih sayang dan cinta kepada Raja-raja kita.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Sarawak tidak beraja tetapi rakyatnya dapat merasakan selama ini kesejukan bernaung di bawah Ketua Negeri dan juga di bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Pani SNAP khasnya dan rakyat Sarawak amnya sangat-sangat berharap bahawa isu berhubung dengan pindaan kepada Perlembagaan ini akan dapat diselesaikan secepat mungkin dengan cara baik demi kepentingan rakyat, negara dan Raja-raja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini bukan dibuat, dengan izin, dengan malice or ill will, tetapi dengan ikhlas untuk membaiki kedudukan raja-raja dan kebaikan rakyat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas segala usaha yang telah beliau buat bagi meneruskan perkara ini sehingga terbentangnya Rang Undang-undang perlembagaan ini.

Parti SNAP, Tuan Yang di-Pertua, menyokong sepenuhnya usaha-usaha dan inisiatif beliau dan akan teras menyokong sehingga isu ini dapat diselesaikan dengan baik. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong.

5.11 pttg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang Ahli Parlimen dari negeri Johor di mana perspektif Kerajaan Negeri Johor telahpun diberi ulasan dan tafsiran yang panjang lebar, mulai daripada 10hb Disember, 1992 sehingga kepada hari ini. Inilah sebabnya yang meletakkan kita semua berada di dalam satu dilema. Keadaan inilah yang

mempercepatkan seluruh rakyat Malaysia hari ini sedang berhadapan dengan satu persimpangan peristiwa yang amat significant kepada seluruh sejarah bangsa di masa akan datang, apabila semalam 9/9 dari barisan istana di negara ini tidak memperkenankan usaha Kerajaan meminda Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan hal ehwal mereka. Ini bermakna bahawa pihak Raja-raja kini seolah-olah mencabar kewujudan Demokrasi Berparlimen di negara ini. Kepada saya, keputusan pihak istana yang 9/9 itu adalah satu manifestasi bahawa Raja-raja nampaknya seolah-olah mahu terus mempertahankan kelangsungan institusi Raja berperlembagaan, tetapi pada waktu yang sama Raja-raja juga seolah-olah tidak lagi mahu menghormati Sistem Demokrasi Berparlimen. Kepada saya, keputusan Raja-raja itu tidak keterlaluan kalau ditafsirkan sebagai satu perutusan Diraja kepada rakyatnya bahawa mulai 18hb Januari 1993 ini iaitu semalam, Raja-raja seolah-olah mahu memutuskan persetiaan bersama antara rakyat dan Raja yang telahpun wujud zaman berzaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal dan saya amat sedih kerana Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia telahpun mengeluarkan satu kenyataan semalam dan mengatakan, saya quote:

"Bahawa Raja-raja berpandangan bahawa pindaan dalam bentuknya sekarang sepertimana yang dipersembahkan kepadanya, sekiranya dikuatkuasakan akan membawa perubahan yang radikal kepada kedaulatan, kedudukan dan martabat Raja-raja Melayu".

Saya juga kesal kerana pada saat-saat terakhir baru pihak Raja-raja mengatakan bahawa satu kajian lebih mendalam mengenai pindaan ini perlu dijalankan. Keputusan ini saya katakan tadi tidak keterlaluan, jika kita tafsirkan dan ditafsirkan oleh seluruh rakyat jelata sebagai satu manifestasi dolak-dalik,

dolak-dalik, sorong-tarikh oleh pihak Raja-raja. Keputusan ini juga bolehlah ditafsirkan oleh kita dan seluruh rakyat jelata sebagai satu usahamahu membuli, mahu mempermain-mainkan Kerajaan yang memang selama ini amat prihatin, amat bersedia untuk terus mensejahterakan Raja-raja itu sendiri.

Kita semua harus insaf bahawa Perlembagaan Persekutuan lahir bersama dengan teriakan "Merdeka", yang amat gemuruh disambut oleh seluruh rakyat dari seluruh pelusuk tanah air. Ia telah diiktiraf oleh pihak Raja dan perlembagaan ini juga telahpun diterima oleh rakyat sebagai satu undang-undang yang agung, sebagai satu undang-undang yang supreme.

Perlembagaan Persekutuan ini wujud atas prinsip, dengan izin, liberty and justice, prinsip kebebasan dan keadilan. Perlembagaan ini diterima oleh pihak Raja dan oleh pihak rakyat supaya menjadi satu khazanah yang sentiasa menjadi sumber perabadian bangsa, menjadi sumber ketenteraman, menjadi sumber kebahagiaan serta kesejahteraan seluruh rakyat jelata. Ia sentiasa diterima oleh pihak Raja dan pihak rakyat bahawa Perlembagaan ini akan menjadi sumber identiti nasional, menjadi tunjang kepada ketahanan bangsa, yang menjadi teras kepada perpaduan negara. Oleh itu, berdasarkan perkembangan yang paling mutakhir semalam, saya harap pihak Raja-raja akan menerima hakikat di atas dan pada waktu yang sama saya harap Raja-raja akan insaf bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah dilahirkan atas kehendak dan citarasa rakyat. Semangat dan nurani Perlembagaan Persekutuan adalah lambang supremacy kuasa rakyat, semangat dan nurani ini pula adalah mercu kekeramatan kuasa dan perjuangan rakyat.

Saya harap Raja-raja juga akan terus insaf, sebagaimana kita terus meriginsafkan diri kita, bahawa supremacy dan kekeramatan perjuangan

rakyat inilah yang merelakan penciptaan satu jawatan dan institusi Kepala Utama negara bergelar 'Yang di-Pertuan Agong', satu jawatan yang termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu keinsafan dan kesedaran terhadap latarbelakang yang mencipta dan mewujudkan jawatan Yang di-Pertuan Agong ini hendaklah disaingi oleh satu kesedaran serta keinsafan terhadap hakikat bahawa Perlembagaan adalah satu living document, dengan izin. satu dokumen yang tidak statik dan rakyat jelata juga adalah kumpulan manusia yang dinamis, tidak beku dan tidak juga mundur ke arah kekunoan.

Oleh itu saya harap semua pihak termasuk Raja-raja, biarpun termasuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Darul-Takzim, supaya seluruh barisan Istana ini insaf bahawa Perlembagaan dan kemerdekaan negara akan menjangkau usia 36 tahun tidak lama lagi. Sepanjang tempoh itu rakyat telah melalui beberapa proses evolusi mental, evolusi nilai, persepsi minda pemikiran dan juga tindakan. Begitu juga halnya dengan Perlembagaan Persekutuan, dokumen yang supreme ini telahpun dipinda buat beberapa kali supaya sesuai, supaya serasi, supaya relevan dengan segala evolusi ke arah kemajuan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau hari ini kita membahas dan meminda Perkara 31 (2) yang khusus membabitkan Yang di-Pertuan Agong, perbahasan dan pindaan ini adalah atas kehendak rakyat dan dilakukan dengan niat yang amat murni lagi suci, dengan niat untuk meneruskan kelangsungan, kewujudan institusi Raja Berperlembagaan dan jawatan Yang di-Pertuan Agong.

Pindaan ini dilakukan selaras dengan apa yang saya katakan tadi evolusi pemikiran mental persepsi rakyat dan negara. Ini mencerminkan dinamisma semasa, dinamisma waktu, dan dinamisma sezaman dan juga dinamisma generasinya.

Pindaan ini mencerminkan progress. Pindaan ini mencerminkan perubahan struktur nilai yang telahpun dipilih oleh rakyat jelata ke arah kesejahteraan yang lebih bermakna di tahun 2020. Atas hakikat ini, saya ingin menyangkal dakwaan pihak Raja-raja -yang mengatakan kononnya pindaan ini sekiranya berkuatkuasa kelak, saya quote, "akan membawa perubahan yang radikal kepada kedaulatan, kedudukan dan martabat Raja-raja Melayu seluruhnya". Ini adalah satu kesimpulan, pandangan yang kurang tepat dan mungkin juga sempit. Kedaulatan, kedudukan dan martabat Raja-raja dalam konteks sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen datangnya dari kita semua—dari rakyat yang menentukannya. Kedaulatan Raja-raja datangnya dari keyakinan rakyat yang sukarela dan terbuka hati bersedia untuk mendaulatkan Raja-raja itu. Tanpa kesanggupan dan kesukarelaan rakyat untuk berbuat demikian, Raja-raja pastinya hilang daulat.

Begitu juga dengan kedudukan Raja. Ia ditentukan oleh Perlembagaan yang ditentukan pula oleh rakyat yang melahirkan Perlembagaan itu. Tanpa persetujuan rakyat, hal ini tidak akan wujud langsung. Masalah martabat pun begitu juga. Martabat bukanlah sesuatu yang diwarisi oleh Raja-raja. Sebaliknya ia adalah suatu nilai yang ditentukan dari rasa kasih sayang rakyat kepada Rajanya.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak seharusnya pindaan ini ditentang oleh mana-mana pihak, walaupun pihak istana sekalipun. Selaras dengan adat resam dan budaya orang Melayu, pihak Raja-raja hendaklah mendalami kata-kata hikmat bahawa "jika sudah berjanji untuk menanam tebu, janganlah tanam tebu di bibir sahaja. Jika kata sudahpun dilafazkan, kata itu mesti dikota." Oleh itu, setelah bertemu dan berunding buat beberapa kali dengan Perdana Menteri, dengan Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Peguam Negara,

walaupun atas kapasiti personal ataupun rasmi, Raja-raja tidak harus berdolak-dalik. Tidak sewajarnya Barisan Nasional dan UMNO terus-menerus dipermainkan dengan kedolak-dalikan pihak Raja-raja. Jika ini berterusan pastinya ia boleh menjejaskan kredibiliti Kerajaan. Jika kredibiliti Kerajaan terjejas maka kredibiliti Raja yang didukung oleh Kerajaan juga akan terjejas. Bila kredibiliti Raja-raja terjejas.....

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Bayan Baru minta jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti saya beri jalan, Minta maaf sekejap. Jika kredibiliti Raja-raja terjejas, maka akan tercemar samalah seluruh rakyat jelata yang selama ini menyandarkan, yang selama ini dididik oleh nilai dan adat resam untuk menjadikan Raja sebagai sumber perpaduan, sebagai sumber identiti dan peradaban bangsa itu sendiri. Silakan.

Tuan Ahmad bin Nor: Terimakasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhonnat Parit Sulung. Oleh sebab Yang Berhormat Parit Sulung telah membuat berbagai-bagai tuduhan terhadap Raja dan pendirian raja pada hari ini dan andainya Raja atau Majlis Raja-Raja berterusan, tidak akan memberi kerjasama, tidak akan menerima ataupun tidak memberi perkenan kepada pindaan Perlembagaan ini walaupun selepas perbincangan dan diluluskan di Parlimen, apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan Barisan nasional, khususnya UMNO, jika begitu tegas sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat? terima kasih.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya, Tuan Yang di-Pertua, apabila orang-orang yang abstain, yang pada 10hb berapi-api sokong Kerajaan, semalam dia umumkan bagi pihak parti, dia kata

abstain, saya tidak layan cakap dia. Oleh kerana kalau soal daripada UMNO, UMNO adalah sebuah parti akan terus mendaulatkan institusi Raja. Itu UMNO. Dari segi Kerajaan, Kerajaan akan mencari kebijaksanaan dan saya serahkan kepada kepimpinan Kerajaan yang saya amat hormati.

Jadi, saya harap selepas ini jangan ganggu lagi, Bayan Baru. Jangan sampai jadi "Tiong tua". Mengapa saya kata dia "Tiong tua" ialah oleh kerana dulu dia cakap lain, hari ini dia cakap lain - being programmed, dengan izin, oleh orang yang baru dapat kesempatan masuk ke dalam Dewan.

Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada seluruh pihak Raja-raja termasuk kepada Raja saya sendiri iaitu Sultan Johor Darul Takzim, demi manfaat rakyat dan Raja demi manfaat kita bersama, nasihatkanlah pihak-pihak yang lain terus-menerus menyerang UMNO dan pihak yang kini terus-menerus menyerang Barisan nasional dengan berbagai-bagai fimah dan macam-macam tuduhan liar supaya pihak ini insaf akan realiti yang sebenarnya.

Saya harap pihak istana akan menasihatkan mereka, termasuk pihak yang baru-baru ini berusaha menghuruharkan Istana Besar di negeri Johor, nasihatkanlah orang-orang ini iaitu orang Semangat 46 paling khusus, supaya mereka pada saat dan ketika ini tidak seharusnya wujud sebagai pihak yang bertungkus-lumus menghasut rakyat kononnya pindaan Perkara 32(1) ini adalah untuk menghapuskan institusi dan kedaulatan Yang di-Pertuan Agong. Nasihatkanlah kepada pihak tersebut—saya sebutkan sekali lagi—paling khusus Semangat 46 bahawa adalah satu fitnah untuk menuduh kononnya Perdana Menteri sedang berusaha mewujudkan sebuah republik Malaysia. Kepada pihak istana yang masih lagi terus-menerus meragui niat mumi pindaan ini seharusnya insaf bahawa pindaan ini bertujuan untuk

memperjelaskan dan memperincikan lagi peruntukan dalam Perlembagaan, ataupun paling khusus 32(1), yang memang telah dikatakan oleh kawan-kawan saya terbukti samar-samar sehingga menimbulkan berbagai-bagai taksiran dan percanggahan di dalam pengurusan undang-undang.

Pihak yang kebelakangan ini cuba menanggung di air keruh. Saya sebut sekali lagi paling khusus Semangat 46 wajarlah insaf. Jangan hawa nafsu dijadikan landasan perjuangan. saya percaya Presiden Semangat 46 sendiri tidak mahu dituduh sebagai seorang pemimpin yang nafsu oriented. Saya percaya orang-orang Semangat 46 masih ramai lagi yang mahu diabadikan dalam sejarah sebagai kumpulan pemimpin yang 'principle centred' yang berpegang kepada prinsip kebenaran bukannya prinsip ke songsangan perjuangan.

Oleh itu, hentikanlah segala tuduhan bahawasanya pihak yang mendukung pindaan ini sedang membunuh diri dengan berbaris di atas landasan keretapi. Tuduhan itu meleset, Tuan Yang di-Pertua. Kerana kalau hari ini adalah orang yang sedang baring atas landasan keretapi, adalah orang yang dekat dengan stesen keretapi. Mungkin juga orang daripada Gua Musang. Orang im mungkin Presiden Semangat 46. Mereka baring ramai-ramai di landasan keretapi Gua Mudang oleh kerana mereka rasa terpedaya dengan pancaran "parta morgana". Untuk benefit Ahli dari Jelutpng, "parta morgana" is a mirage—bayang-bayang yang selalunya penuh dengan kepalsuan bukannya kebenaran. Golongan ini cuba meraberi gambaran yang mereka amat prihatin kepada isu raja, tetapi golongan ini telah terbukti bagaimanapun di negeri Johor adalah enggan menerima hakikat. Semalam, selepas Presiden Semangat 46 berucap, dia keluar Dewan tetapi luar Dewan dia kata, "akulah jaguh isu Raja." Dalam Dewan dia ajak berunding. Dia keluar—boycott. Inilah orang yang bertanggungjawab dalam konteks orang yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berharap kita akan sama-sama insaf bahawa penggubalan dan pindaan Perlembagaan adalah dibuat berfalsafah murni, iaitu untuk mentadbirkan rakyat dan negara secara aman, tenteram dan sejahtera. Oleh itu, jika setelah kita cerakini—untuk Yang Berhormat Kepong, sayaberikan maknanya. Setelah kita cerakini, setelah kita analisis secara tuntas, secara mendalam dan juga rinci, kalau kita dapati sesuatu peruntukan di dalam Perlembagaan itu tidak lagi relevan dengan zaman dan tidak lagi relevan dengan evolusi pemikiran rakyat sezaman, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memindanya.

Pindaan yang kita bahaskan hari ini contohnya, dilakukan untuk melindungi rakyat yang memang dijamin oleh Perkara 81 Perlembagaan yang mengatakan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Maka atas landasan hakikat inilah pihak Kerajaan mengemukakan satu lagi pindaan iaitu perkara 181(2). Perkara ini dipinda supaya serasi dengan semangat dan nurani Perkara 81 yang melandasi prinsip-prinsip, dengan izin, natural justice dan equality. Ia dipinda supaya selaras dengan falsafah undang-undang yang mengasaskan prinsip-prinsip keadilan asasi dan moraliti. Prinsip-prinsip ini pula menuntut supaya setiap undang-undang termasuk Perlembagaan hendaklah bermatlamatkan usaha mentadbir sesuatu negara dan bangsa secara aman, tenteram dan damai. Ia juga mensyaratkan bahawa sesuatu undang-undang itu wajar selaras dengan nilai moraliti yang melandasi keadilan dan kesaksamaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 181(2) dipinda supaya dictum undang-undang yang mengatakan, "the King can do no wrong" sebenar-benarnya dijadikan sendi pertakhtaan seseorang Raja. Kata-kata "the King can do no wrong" bukan suatu prerogative yang membenarkan mana-

mana Raja untuk bermaharajalela. Kata-kata "the King can do no wrong" adalah, dengan izin, satu prerogative of perfection yang seharusnya menuntut seseorang Raja ataupun seluruh Raja yang ada di tanah air ini untuk menjadi seboleh-bolehnya seorang yang sempurna. Kalau di sisi Islamnya seorang yang kamil, seseorang yang menjatuhkan diri daripada kemungkaran. Itu dictum "the King can do no wrong".

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan perkara ini kerana misconception di kalangan istana. Mungkin silap kita sewaktu selepas merdeka dahulu apabila Raja-raja memilih sistem Raja Berperlembagaan, kita harus educatekan mereka semua. "The King can do no wrong" bukan bermakna "kamu boleh bermaharajalela". "The King can do no wrong" bukan bermakna "kamu boleh tampar" sebagaimana yang telah diuraikan oleh sahabat saya dari Arau tadi. Itu ertinya "The King can do no wrong". Kalau kata-kata yang amat mumi ini dijadikan satu sanctuary, satu perlindungan, satu tembok untuk kita menyembunyikan diri dari perilaku yang benentangan dengan adat, nilai dan Islam, ini adalah satu perkara yang amat mungkar untuk sesiapa menyokongnya.

Tuan Yang di-Pertua, dictum "the King can do no wrong" bukannya satu keistimewaan yang membolehkan seseorang Raja ataupun mana-mana Raja untuk mewujudkan "reign of terror", dengan izin, kepimpinan yang menimbulkan rasa takut, rasa kecut, rasa macam hendak masuk perut emak kembali. Tuan Yang di-Pertua, "the King can do no wrong" bukan satu passport emas, bukannya satu golden passport untuk menghalalkan mana-mana Raja atau seluruh Raja untuk berperilaku ganas, kejam dan zalim.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, perkara 181(2) ini mesti dipinda sekarang supaya Perlembagaan Persekutuan ini benar-benar mencerminkan keluhuran undang-

undang ataupun the Rule of Law dengan sewajar-wajarnya. Saya berpendapat perkara ini mesti dipinda sekarang supaya ia benar-benar menjamin ketenteraman, menjamin kedamaian, kebahagiaan dan kesejahteraan atau yang paling khusus lagi, rakyat dari negeri Johor Darul Takzim. Oleh itu, setiap golongan rakyat dan istana hendaklah insaf bahawa Perkara 181 (2) perlu dipinda sebagai satu langkah mencegah, sebagai satu deterrent kepada kelunturan moraliti, kepada further decadence of morality, kepada kelunturan digniti, kemuliaan maruah dan martabat Raja. Inilah yang bertelagah dengan keputusan Raja-raja semaiam.

Pindaan ini dibuat untuk mencegah supaya moraliti, digniti, kemuliaan, maruah dan martabat Raja itu tidak akan terus tercemar dan dicemarkan oleh mana-mana pihak. Pindaan ini dilakukan supaya keselamatan, sebagai balasan setiakasih sayang rakyat kepada Raja, Raja harus memberi keselamatan kepada rakyatnya, bukan menzalimi rakyatnya. Sebab itu Perkara 181(2) ini harus dipinda dengan seberapa segera. Dari segi politiknya, pindaan ini adalah satu manifestasi kasih dan sayang UMNO dan Barisan Nasional terhadap Raja. Ini adalah lambang persetiaan Raja dan rakyat yang akan berterusan. Ini adalah simbol political will, dengan izin, ataupun iltizam politik rakyat yang mahu terus menjaga kelangsungan Institusi Raja itu sendiri. Ini adalah hakikat nurani rakyat untuk terus mengawal kemuliaan serta kemuliaan institusi tersebut.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, segala-segala yang saya sebutkan tadi adalah bukti bahawa UMNO yang menulangbelakangi Barisan Nasional adalah parti yang terus menerus perihatin terhadap kemuliaan institusi dan sistem Raja Berperlembagaan di negara ini. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Perdana Menteri di Perhimpunan Agung UMNO lalu, tidak sampai setahun lagi, katanya, saya quote:

"Jika kita mengkritik gerak-geri mana-mana Raja, sebabnya ialah supaya

gerak-geri yang tidak menyenangkan itu akan dihentikan dan dengan itu juga sokongan terhadap sistem Beraja tidak akan terjejas".

Tuan Yang di-Pertua, atas semangat yang sama, jika Perkara 181(2) ini diubahsuaikan, ini bukannya manifestasi benci, manifestasi derhaka ataupun manifestasi marah rakyat kepada Raja. Ini adalah manifestasi kasih sebagaimana saya kasih, ini adalah manifestasi sayang kepada Raja dari rakyat yang memang sentiasa menjalani, saya ulang lagi, evolusi nilai, persepsi, minda dan pemikiran selaras dengan kemajuan zaman. Pindaan ini adalah secocok dengan Wawasan 2020 yang antara cabang strateginya adalah mewujudkan masyarakat penyayang dan melahirkan umat yang seimbang. Naluri kasih dan sayang yang akan diwujudkan melalui Wawasan 2020 akan merangkumi bukan sahaja antara rakyat sesama rakyat, tetapi juga diharapkan antara rakyat dengan Rajanya secara tulen dan sejati.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhirinya, saya ingin mengatakan bahawa menerusi pindaan ini diharapkan akan tersimpullah ikatan taat setia dan kasih sayang dari rakyat kepada Raja dan dari Raja kepada rakyatnya dengan lebih murni dan lebih sejati. Inilah ertinya Raja Berperlembagaan yang amat kita sanjung dan junjung. Inilah ertinya demokrasi berparlimen yang paling unggul. Inilah huraianya kepada falsafah yang mengatakan, dengan izin, "the Rulers reign, the people rule". Inilah ertinya kata-kata hikmat Melayu kuno, bahawasanya Raja itu rakyat dan rakyat itu Raja. Dengan sepenuh hati, saya menyokong, terima kasih.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekejap, Yang Berhormat-Yang Berhormat. Ada Usul dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang. (Tepuk)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri Undang-undang dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan tidak akan ditangguhkan pada hari ini sehingga telah selesai semua perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993, sebagaimana yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan selepas daripada itu, Dewan hendaklah di tangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Kbalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya kemukakan masalah dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan seperti yang dicadangkan, hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Diputuskan.

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan tidak akan ditangguhkan pada hari ini sehingga telah selesai semua perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993,

sebagaimana yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan selepas daripada itu, Dewan hendaklah di tangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1993

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) Yang Berhormat Menteri Undang-undang.

5.42 prg.

Menteri Undang-undang dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam dan hari ini, kita menyaksikan berbagai hujah mengenai Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan. Persoalan Pindaan ini boieh ditinjau dan dilihat dari berbagai sudut dan perspektif Tetapi dari apa sudut sekali pun, kita tidak dapat lari bahawa persoalan sebenarnya dan yang paling utama sekali di hadapan Dewan yang mulia ini merangkumi soal hak asasi, kebebasan dan keadilan. Soal tersebut bukan sahaja menjadi satu amalan sejagat yang sudah diterima umat manusia tetapi bagi negara ini, ia dimasukkan sebagai Perkara-perkara 5 hingga 10 dalam Perlembagaan Persekutuan.

Justeru itu, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Nibong Tebal. Kita bukan sahaja menerima "Rule of Law" sebagai asas kepada kedudukan dan kebebasan negara tetapi dijadikan sebagai asas utama Perlembagaan negara. Saya bersetuju yang Perlembagaan kita amat unik tetapi perlu disedari ia unik bukan kerana undang-undang

membenarkan ataupun memberikan immunity ke atas Raja-raja tetapi kerana negara kita sebagai sebuah Persekutuan yang mengamalkan sistem memilih Raja di peringkat Persekutuan setiap 5 tahun dan dalam masa yang sama, mengekalkan kesembilan Raja Melayu. Di negeri-negeri beraja tujuannya adalah sebagai; satu lambang dan identiti sejarah negara ini. Di masa yang sama, dalam Perlembagaan diperuntukkan bahawa cara memerintah, yang digunapakai bagi negara adalah demokrasi berparlimen dan Raja Perlembagaan. Teras kepada kedua prinsip ini adalah "Rule of Law" yang diperjelaskan di bawah Peruntukan 5 sehingga 10, Perlembagaan Persekutuan. Ini dengan sendirinya memberikan jaminan undang-undang kepada semua rakyat terhadap keselamatan dirinya, hartanya, kebebasannya sama ada untuk bersuara ataupun bertindak mengikut lunas-lunas undang-undang. Sekaligus ia memberikan perlindungan undang-undang dan keadilan. Sistem kebebasan mahkamah sebagai tempat bagi merumuskan segala bentuk pertikaian sama ada sivil ataupun jenayah juga termaktub di dalam Perlembagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan mendaulatkan sistem ini dan mengelakkan perselisihan, maka perkara-perkara utama tentang sistem Raja Berperlembagaan dimuatkan dalam Perlembagaan. Sistem ini perlu dilihat, diterima dan difahami dalam konteks Demokrasi Berparlimen.

DaJam undang-undang dan Perlembagaan, Raja tidak lagi memerintah sebagaimana Raja mutlak di masa yang lampau. Saya suka mengambil satu kes yang diputuskan oleh mahkamah yang memberikan pentafsiran kehakiman. Dalam kes *Madhevan Nair dan Kerajaan Malaysia*, tahun 1975, 2 MLJ yang dilaporkan di mukasurat 289, Hakim Chang Meng Tat mengatakan, dengan izin:

"Emergency rule which passes the legislative power from Parliament to the Yang di-Pertuan Agong has not

displaced his position as the constitutional monarch bound by the Constitution to act at all times on the advice of the Cabinet."

Tuan Yang di-Pertua, pemerintahan diambilalih oleh rakyat melalui sistem perwakilan di peringkat negeri dan Persekutuan. Ini jelas dinyatakan di dalam Perlembagaan mengikut Bahagian VIII, Perkara 113 sehingga 120. Perkara 4 meletakkan Perlembagaan Malaysia sebagai undang-undang tertinggi. Dengan jelas, ia mengatakan bahawa jika ada apa-apa percanggahan di antara Perlembagaan dengan undang-undang yang lain, maka undang-undang tersebut dengan sendirinya terbatal setakat ianya bercanggah dengan Perlembagaan. Sementara itu, apabila terdapat percanggahan di antara undang-undang Persekutuan dengan undang-undang negeri, maka undang-undang negeri tersebut juga menjadi batal dan tidak sah setakat perkara-perkara yang mensabitkan percanggahan tersebut juga. Ini terus diperkukuhkan dengan Perkara 71(3), Perlembagaan yang memberikan kuasa kepada Parlimen untuk menentukan bahawa semua undang-undang tersebut hendaklah dipatuhi. Korwensyen dan amalan Raja Berperlembagaan tidak dimuatkan dalam Perlembagaan secara bertulis kerana dalam sistem Raja Berperlembagaan, amalan atau konvensyen diiktiraf sebagai sebahagian daripada undang-undang, sekiranya ianya tidak bertentangan dengan undang-undang bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, amalan atau konvensyen hendaklah diterjemahkan dan dilaksanakan mengikut undang-undang. Apabila undang-undang mengatakan ungkapan seperti "shall Act", dengan izin, "on advice", ia tidaklah memberi maksud bahawa ada kebebasan memilih tetapi mestilah berteraskan kepada amalan yang telah diterima di seluruh dunia iaitu realitinya raja itu perlu mematuhi nasihat.

Sebagaimana yang diperkatakan dalam kes Merdeka University Berhad dan Kerajaan Malaysia yang dilaporkan pada tahun 1981 di dalam 2 MLJ, mukasurat 358, dengan izin:

"First, the Yang di-Pertuan Agong is a constitutional monarch and is required under Article 40(1) of the Federal Constitution in the exercise of his functions accept on certain matters that do not concern this proceeding to act in accordance with collective or individual ministerial advice, not on his own initiative."

Kehendak rakyat walaupun tidak disukai terpaksa dipatuhi sejajardengan konsep Raja Berperlembagaan. Walaupun tidak disebut secara bertulis bahawa "advice" patut dipatuhi secara universal, maksudnya tidak dipertikaikan lagi. Undang-undang tidak lahir dalam keadaan vacuum ataupun kekesongan. Ia disokong dan didukung berasaskan konsep Raja Berperlembagaan yang disendikan kepada "Rule of Law". Tafsirannya perlu dilihat sebagai rangkaian amalan dan konvensyen dan undang-undang bertulis.

Walaupun perlantikan Perdana Menteri ataupun Menteri Besar disebut dalam Perlembagaan Budibicara tetapi tidak pernah terjadi di mana-mana negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan, perlantikan dibuat mengikut kehendak Raja sendiri. Perkataan "budibicara" di bawah Perkara 40(2) mesti dibaca dan ditafsirkan mengikut amalan Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen yang digunakan di seluruh dunia dalam keadaan yang sama.

Persoalan yang sering ditimbulkan ialah apa jadi jika ianya tidak dipatuhi? Soal ini perlu dilihat dari aspek budaya dan "Rule of Law" sebagai asas yang tindakan sedemikian tidak boleh berlaku. Jawapannya ialah perkara ini tidak boleh terjadi kerana kekuasaan negara dan negeri dijalankan di atas nama Raja. Justeru itu, tidak perlu disebutkan apa

jadi jika tidak dipatuhi kerana prinsip yang digunakan, ia patut dilaksanakan dalam mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Sebab itulah dalam menafsirkan perkataan yang digunakan dalam bahasa undang-undang, ianya tidak boleh diberikan makna semata-mata berasaskan kepada perkataan itu sahaja. Mengikut maksud biasa tetapi ia perlu difahami, diteliti.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong minta jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang pertama, sebagai Menteri Undang-undang, memanglah beliau yang bertanggungjawab untuk mewujudkan dan menggubalkan satu Rang Undang-undang ini. Dan dengan itu, huraian dan sebagainya, patutlah diberi peluang kepada orang-orang lain untuk berucap di dalam Dewan. Ini pertama.

Yang kedua, adakah dengan maksud penjelasan ini ialah untuk menafikan keabsahan ucapan Yang Berhormat dari Nibong Tebal semalam?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan, saya mempunyai hak untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Dan di dalam hal ini juga, saya juga memberi pandangan yang tidak bertentangan dengan pandangan Kerajaan.

Kalau Yang Berhormat dari Kepong teliti ucapan saya, ianya adalah "expansion to what has been said", dengan izin, oleh Yang Berhormat daripada Nibong Tebal, untuk menerangkan dan menjelaskan keadaan yang saya faham berkenaan dengan kedudukan undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan di dalam sistem Raja

Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Jadi, tidak ada perkara yang salah yang saya lakukan ini. Sabar Yang Berhormat. Kalau semua perkara hendak dimuatkan di dalam penjelasan, maka Rang Undang-undang itu akan menjadi tebal. Sebab itulah dalam tafsiran sebagaimana yang saya katakan, kita perlu mengambilkira perkataan itu mempunyai nyawa dan rohnya tersendiri dan sejajar dengan fahaman dan amalan negara lain yang menganut cara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada terkandung di dalam undang-undang atau Perlembagaan yang memberikan absolute immunity kepada Raja-raja. Perkara 1S1 (1) membuka kata dengan "tertakluk kepada Perlembagaan". Ini bermakna dalara membincangkan berkenaan Raja pun, Raja tetap tertakluk kepada perlembagaan dan undang-undang. Raja sendiri dalam konsep dan falsafah undang-undang negara, tidak mengatasi undang-undang kerana Perlembagaanlah yang menentukan penerusannya dan peruntukan mengenai hak dan kuasa Raja. Konsep Raja di atas undang-undang dan Raja tidak boleh buat salah sudah tidak boleh dibaca mengikut tafsiran lama, tetapi dalam keadaan Perlembagaan bertulis, ia semestinya selaras dengan Perlembagaan dan undang-undang. Perkara 8 Perlembagaan yang menyebutkan bahawa, dengan izin, "All persons are equal before the law and entitled to equal protection of the law" dengan sendirinya menggugurkan apa-apa persepsi yang menunjukkan ada golongan yang mengatasi undang-undang atau tidak boleh buat salah.

Konsep ini pada masa ini perlu dibaca secara dikemaskinikan iaitu seorang Raja tidak boleh dibawa ke mahkamah di atas nama Raja kerana sebagai Raja Berperlembagaan, tindakannya seharusnya di atas nasihat dan mematuhi kehendak Kerajaan. Pindaan ini hanya menjelaskan apa yang seharusnya menjadi amalan biasa. Tidak ada mana-mana undang-undang yang mengatakan pihak

Raja boleh melakukan apa sahaja sama ada kesalahan sivil ataupun jenayah dalam negara yang mengamalkan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Dengan sendirinya, dengan izin, "check and balance" akan menurunkan akan memberhentikan kemungkaran tersebut dari terus berlaku. Justeru itu, pertikaian tidak timbul.

Di Amerika sekalipun, walaupun Presiden itu immune, tetapi immunity tidak mengizinkan perilaku jenayah. Presiden boleh dituninkan melalui proses impeachment sebagaimana dalam kes Richard Nixon, rata-rata amalan sejagat memberi maruah dan mertabat yang diiktiraf oleh undang-undang dalam kes yang sebegini rupa.

Tuan Yang di-Pertua, konsep Raja yang tidak boleh melakukan kesalahan adalah bermula ataupun dikatakan bermula dengan konsep yang disebut oleh Bracton. Adalah dikatakan Bracton, saya ambil quotation, dengan izin:

"The King must not be under man but under God and under the law, because it is the law that makes the King. This maxim that the King can do no wrong has not been truly interpreted."

Mengikut Professor Wade, dia mengatakan:

"Its true meaning is that the King has no legal power to do wrong. His legal position, the powers and prerogatives which distinguish him from an ordinary subject, are given to him by the law and the law gives him no authority to transgress."

Bermakna, ini tidak bermaksud mengizinkan atau membolehkan seseorang Raja melakukan kesalahan sama ada sivil ataupun jenayah. Jika ia melakukan kesalahan sivil ataupun jenayah, ia terkeluar ataupun tersisih daripada perlindungan undang-undang yang diberikan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lampau mungkin seorang Raja itu dianggap terkeluar langsung daripada undang-undang seolah-olah ia wujud dan hidup sendiri kerana ia mempunyai kuasa mutlak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan berkenaan dengan peruntukan 32(1) dan Perkara 181(2) Perlembagaan Malaysia yang tidak juga menggunakan perkataan imuniti. Apa yang dikatakan di dalam Perkara 32(1) setelah memperkatakan terhadap kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Supreme Head of the Pederation" dan menetapkan panggilan nama yang digunakan untuk Yang di-Pertuan Agong ia terus bersambung dengan mengatakan, dengan izin, "and shall not be Hable to any proceedings whatsoever in any court". Dari segi tafsirannya, bolehlah dikatakan ini tidak bermaksud imuniti bahkan boleh dikatakan bertujuan untuk menerangkan bahawa walaupun ia adalah "Supreme Head of Pederation", tindakan undang-undang tidak boleh diambil ke atas namanya secara sendiri kerana ia bertindak berpanduan nasihat Kerajaan.

Dalam sistem Raja Berperlembagaan, Yang di-Pertuan Agong bertindak di atas nasihat bukan mengikut kemahuan dan kehendaknya sendiri. Justeru itu, penafsiran yang mengatakan peruntukan ini tidak bermaksud untuk memberikan imuniti tetapi melindungi Yang di-Pertuan Agong daripada diheret ke mahkamah di atas namanya sebagai Yang di-Pertuan Agong adalah munasabah. Kerana sudah lahir pada masa ini kekeliruan tentang maksud sebenar Perkara 32(1) dalam soal kekebalan, perlulah ianya diberikan penjelasan sebagaimana pindaan ini melakukannya!

Pindaan ini menjelaskan bahawa sistem Raja Berperlembagaan apa yang ada pada masa kini dikatakan sebagai kekebalan. Kita ambil perkataan, dengan izin, "shall not be liable to any proceeding whatsoever in any court." Ini bermakna,

Yang di-Pertuan Agong dalam urusan rasminya, yang dengan sendirinya tidak termasuk kesalahan sivil dan jenayah. Pindaan dibuat supaya maksud 32(1) yang sebenarnya dari segi amalan dan undang-undang-tidak lagi kabur. Oleh kerana jelas sekali sudah timbul kekeliruan tentang penafsirannya, maka perlulah ianya dijelaskan supaya sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen itu dapat dilaksanakan mengikut kehendak dan semangat Perlembagaan.

Begitu juga, dengan perantukan dalam Perkara 181 yang memberikan, dengan izin, sovereignty, prerogatives powers and jurisdiction tetapi tertakluk kepada undang-undang. Di sini perlulah ianya dibaca dalam konteks Perlembagaan secara keseluruhan dan khususnya peruntukan Perkara 5 dan 8 dalara Perlembagaan. Perkara 181(2) jelas memberikan perlindungan terhadap Raja sebagai dirinya untuk tidak boleh dibawa ke mahkamah. Sekali lagi Perlembagaan tidak menggunakan perkataan imuniti tetapi ianya setakat mengatakan tidak boleh dibawa ke mahkamah.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepeng minta jalan lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan apa yang saya dengar tadi termasuk petikan dari Bracton, iaitu "The King has no legal power to do wrong" dan sebagainya termasuk tafsiran Yang Berhormat tadi, mengenai 32(1) dan sekarang 181(2) dan sebagainya. Ini bermakna Yang Berhormat sendiri mempercayai apa yang dilakukan oleh Kerajaan sejak kemerdekaan itu tidak constitutional kerana mengikut Constitution, mengikut apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kekebalan tidak wujud. Jadi, nasihat yang diberi kepada Perdana Menteri itu tidak

betul kerana kesalahan salah laku oleh Raja tidak diambil tindakan kerana nasihat yang salah kepada Yang Amat Berhormat. Ini bermakna Peguam Negara tidak memberi nasihat yang betul setakat ini.

Dato' Syed Hamid bin Jaafar Albar:

Tuan Yang di-Pertua, saya memang tahu Yang Berhormat akan pusing apa yang saya katakan tadi. Yang saya jelaskan di sini ialah dalam konteks pindaan Perlembagaan yang ada pada masa ini dan kita jangan heret balik sejarah. Kalau kita melihat, pada masa lampau perkara-perkara itu mungkin dianggap sebagai tidak tepat dan tidak betul, tetapi pada masa ini kita menentukan bahawa tafsirannya tidak lagi menimbulkan kekaburan dan salah faham. Mahkamah sendiri telah menafsirkan bahawa itu bermaksud sebagai imuniti. Oleh itu, ini ada pertikaian. Apa saya katakan ialah dengan pindaan ini, ia dapat mengelakkan daripada pertikaian untuk memperjelaskan kedudukan di dalam Perlembagaan. Itu yang saya sebutkan tadi. Jadi, jangan Yang Berhormat bawa perkara-perkara yang lain. Jangan lagalagakan orang, tidak baik Yang Berhormat. Saya ingat pada hari ini dia baik sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, jika dibaca bersama 181(1) yang meletakkan semuanya tertakluk kepada Perlembagaan serta Perkara 5 dan 8, maka jelaslah bahawa pindaan ini hanya menjelaskan maksud Perkara 5 dan 8. Perubahan struktur tidak berlaku terhadap Perlembagaan. Ia sejajar dengan peruntukan "Rule of Law" dari Artikel 5 sehingga 10. Oleh itu sebenarnya, pindaan yang ada di hadapan kita bukanlah membawa peruntukan baru, tetapi semata-mata menjelaskan amalan Raja Berperlembagaan dan apa yang dimaksudkan oleh Perkara 32 dan 181(2). Adakah benar bahawa peruntukan untuk meminda Artikel 32(1) dan 181, menyentuh soal keistimewaan, kemuliaan, kedudukan dan kebesaran Raja-raja sebagaimana yang terkandung dalam

Perkara 38(4)? Pada pandangan saya, jika kita membaca pindaan kepada Perkara 32(1) dan 181(2) bersama peruntukan di Perkara 5, 8, 44 dan 71, bahawa Parlimen adalah berhak berkuasa membuat undang-undang tanpa rujukan selagi ia tidak menyentuh secara peribadi keistimewaan, kedudukan, kebesaran dan kemuliaan Raja.

Jika ia semata-mata bertujuan bagi menjelaskan kedudukan Institusi berbeza dengan peribadi Raja, ia tidak diperlukan untuk mendapat persetujuan Raja-raja. Jelas sekali ia tidak langsung menyemuh tentang keistimewaan, kemuliaan, kedudukan dan kebesaran Raja. Pendapat ini mendapat sokongan apabila dibaca bersama sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pendapat berkenaan dengan Perkara 181 dengan Perkara 5 dan 8, yang menjadikan semua tindakan tertakluk kepada Perlembagaan, oleh kerana Perlembagaan itu dianggap undang-undang utama, maka segala perilaku seseorang, sama ada Raja ataupun rakyat tertakluk kepadanya dan tidak dikecualikan. Semestinya ia menjelaskan skop sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan tidak memerlukan persetujuan dari Majlis Raja-raja kerana undang-undang utama menjelaskan peruntukan konsep "Rule of Law" sebagaimana yang terkandung di dalam Artikel 5, 6, 7, 8, 9 dan 10. Justeru itu, imuniti yang digunakan di dalam penjelasan kepada Rang Undang-undang ini mungkin dianggap tidak tepat dan tidak menerangkan maksud sebenar undang-undang ini digubal.

Tuan Yang di-Pertua, jika Raja-raja mendukung sebagai pelindung kepada negara yang berasaskan "Rule of Law", mereka perlu memberi sokongan sepenuhnya apabila dipinda. Apakah salah atau irregular Rang Undang-undang ini dibentangkan atau dibahas di Parlimen sebelum atau jika ia tidak mendapat persetujuan Majlis Raja-raja kerana,

selain daripada Artikel 32(1) dan 181(2), ia juga mengandungi pindaan kepada Perkara 42, 63(4) dan 72(4), sesuai dengan kehendak Perkara 159(5). Pada pendapat saya, Undang-undang yang memerlukan kepada persetujuan Majlis Raja-raja sama ada di bawah Perkara 38(4) atau 159(5), tidak menyebut bahawa persetujuan terdahulu mesti didapati sebelum sesuatu Rang Undang-undang mengenalnya boleh dibentang dan dibahaskan. Jika ia bertujuan demikian, maka sudah tentu akan dimasukkan peruntukan "prior written consent" diperlukan sebelum ianya boleh dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi adalah tidak logik menyaikan bahawa kita memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja atau persetujuan sebelum Parlimen boleh membincangkan berkenaan pindaan kepada Rang Undang-undang ini, jika kita melihat peruntukan di bawah Perkara 44, yang mengatakan bahawa kuasa perundangan di dalam negara ini adalah terletak kepada Parlimen.

Justeru itu tidak ada kuasa yang lebih tinggi dari Parlimen yang boleh menahan, Parlimen dari membentang dan membahaskan sesuatu Rang Undang-undang. Amat janggal sekali dalam sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen untuk mempunyai sekatan yang demikian. Ini termasuk perkara-perkara yang melibatkan Raja-raja yang memerlukan kepada persetujuan Majlis Raja-raja. Persetujuan ini boleh diperolehi sebelum undang-undang itu diluluskan atau selepas ianya diluluskan, termasuk setelah ditandatangani. Pada saya, adalah jelas bahawa Yang di-Pertuan Agong, kerana ianya dianggap sebagai sebahagian daripada Parlimen, mungkin terpaksa dianggap menandatangani Rang Undang-undang ini. Jika gagal berbuat demikian, maka Peruntukan Artikel 66(4) dan peruntukan berikutan dengannya berkuatkuasa. Apa yang akan berlaku ialah jika setelah ditandatangani, ia tidak

dipersetujui oleh Majlis Raja-raja, bermakna hanya pelaksanaan Rang Undang-undang ini tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan mengenai pengampunan dalam Perkara 42 dan penubuhan Mahkamah Khas, kesemuanya adalah selaras dengan prinsip "Rule of Law". Pertamanya, tiada sesiapa yang boleh dihakimkan di dalara mahkamahnyanya sendiri. Maka adalah wajar dan munasabah untuk menentukan bahawa kedudukan pengampunan adalah dijalankan oleh orang yang lain. Ia akan memberikan keyakinan kepada rakyat yang "justice is not only done, but is seen to be done". Begitu juga, walaupun pada mulanya Kerajaan tidak anggap perlu diadakan pindaan ini, tetapi di atas pandangan dan penghormatan kerana permintaan Raja sendiri, maka Kerajaan bersetuju mewujudkan Mahkamah Khas sebagaimana dibawa dalam pindaan ke atas pindaan. Nyatalah sikap kerjasama, berunding yang berpegang kepada prinsip "my word is my bond" yang menyebabkan pindaan baru dibuat, walaupun ianya diminta di saat terakhir, tetapi janji tersebut telah tidak ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat dikesali bila akhirnya ditolak pindaan itii oleh mesyuarat Raja-raja, bukan sebagai Majlis Raja-raja kerana ketidak-hadiran Perdana Menteri dan Menteri-menteri Besar seraasa membincangkan soal kepentingan negara. Pada pandangan saya, ia boleh dipertikaikan sama ada mesyuarat tersebut sebenarnya mesyuarat Majlis Raja-raja yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, sama ada undang-undang ini dianggap sah atau tidak, adalah terletak kepada budibicara mahkamah. Kepada kita, kuasa Parlimen membuat undang-undang adalah tidak terikat selagi ia tidak bertentangan dengan Perlembagaan. Kita percaya dan yakin bahawa pindaan ini tidak bertentangan. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin): Yang Berhormat. Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

6.06 ptg.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong pindaan Perlembagaan yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia pada petang ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau semasa membentangkan Pindaan Perlembagaan ini, telah menjelaskan dengan cukup terang akan perlunya menghadkan kekebalan Raja-raja untuk mewujudkan keadilan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini institusi Raja sememangnya telah mendapat penghormatan, serta pengiktirafan dari rakyat dan Kerajaan hingga ke hari ini. Kerajaan masih bertegas di dalam Pindaan ini untuk mengekalkan sistem Raja Berperlembagaan dan menghalang sesiapa juga yang cuba mengusulkan penghapusan sistem Raja Berperlembagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak negara yang dahulunya mengamalkan Sistem Beraja telahpun menyingkirkan Raja mereka seperti negara China, India dan Iran, malah ada negara yang menganggap Raja sebagai musuh. Namun demikian, kita di Malaysia ini masih menghormati keraulian dan kedaulatan Raja-raja. Selaras dengan itulah, maka Kerajaan berhasrat mengubahsuai perlaksanaan sistem Raja Berperlembagaan supaya institusi Raja-raja akan dihormati oleh semua golongan rakyat. Kita sedar, bahawa Perkara-perkara di dalam Perlembagaan yang menyentuh Raja-raja hari ini mempunyai ruang untuk disalahgunakan. Walaupun demikian, Pindaan Perlembagaan pada kali ini bukanlah semata-mata diasaskan kepada satu insiden, tetapi juga untuk tujuan

pengawalan bagi perkara-perkara negatif yang mungkin boleh dilakukan oleh pihak Raja-raja di masa yang akan datang. Kita yakin ini akan memantapkan lagi keyakinan rakyat kepada Sistem Beraja, kerana nanti akan ada satu bentuk kawalan yang dapat memelihara sikap serta perlakuan Raja-raja sebagai lambang kedaulatan serta kemuliaan.

Tuan Yang di-Pertua, alam dan manusia sentiasa berubah kecuali Atlah s.w.t. yang kekal. Oleh kerana itu manusia dan budaya juga berubah. Apa yang wajar 50 tahun dahulu, mungkin tidak lagi wajar pada hari ini. Misalnya antara fakta kekuatan Raja dahulu kala adalah kekuatan fizikal para pahlawan-pahlawannya di istana atau dalam negerinya. Tetapi sejarah itu sudah berlalu. Kekuatan Institusi Beraja hari ini ialah terletak kepada kemampuan Raja untuk mewujudkan pemerintahan yang adil, menegakkan kebenaran, beriktikad serta dapat menyelami jiwa rakyat yang akhirnya dapat penghormatan balas daripada rakyat jelata.

Inilah hakikat yang mesti diterima oleh pihak Raja-raja Melayu iaitu masyarakat kita makin sensitif terhadap haknya dari segi undang-undang, dari segi hak mendapat layanan yang baik dan malah sensitif dari segi hubungan dengan orang lain termasuk hubungan dengan pihak atasan. Masyarakat semakin kritikal dan akan menyoal sesuatu yang difikirkan tidak kena dan tidak munasabah. Kalau tidak ada elemen kawalan dalam bentuk prosedur perundangan di kalangan Raja-raja, kita bimbang akhirnya rakyat akan sentiasa hidup di dalam kebimbangan dan ketakutan kerana terdedah kepada perlakuan yang tidak boleh dikawal oleh undang-undang. Di samping itu, kita takut rakyat akhirnya menentang Institusi Beraja dan ini akan memberi kesan yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa sedih kerana pihak istana telah menolak pindaan ini di saat-saat akhir walaupun Kerajaan

yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengadakan usaha dan berunding dan telah bersetuju untuk membuat pindaan kepada cadangan asal menurut kehendak Raja-Raja. Kita juga sedih dengan penolakan ini di saat-saat sokongan rakyat yang semakin memuncak menyokong kepada pindaan ini dan setelah isu yang sama disuarakan oleh banyak pihak dalam berbagai forum sejak lama dahulu.

Kita dapati hari ini, kajian-kajian menunjukkan majoriti rakyat termasuk para cendekiawan, ahli-ahli profesional dan malah anggota dari pihak Pembangkang pada mulanya juga telah menyokong pindaan ini. Saya percaya semua ini adalah kandungan isi hati rakyat jelata terhadap Raja-raja Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap Raja-raja Melayu akan memikirkan semula keputusan mereka dan raenunjukkan rasional dan sikap positif bagi kebaikan rakyat dan negara kita. Kalaulah muafakat dapat dicapai sudah tentu kita dapat menumpukan tenaga dan perhatian kepada soal-soal pembangunan negara kita untuk kemakmuran dan keamanan rakyat kita seperti yang ingin kita capai menjelang tahun 2020.

Saya juga cukup yakin, jika pihak istana bertolak ansur sudah tentu kemuliaan serta kedaulatan Raja-Raja akan semakin dihormati. Dalam sebuah negara demokrasi seperti Malaysia, suara rakyat adalah kuasa dan sangat perlu diambilkira. Kalau satu perkara itu mendapat sokongan majoriti sudah tentu di situ wujud kebenaran dan kebenaran ini adalah daripada Allah S.W.T. dan perlu semua pihak akur kepadanya. Pindaan ini juga adalah selaras dengan konsep persamaan dalam Islam yang menyatakan semua umat manusia adalah sama di sisi Allah S.W.T. kecuali orang-orang yang bertakwa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah berusaha untuk membawa pindaan Perlembagaan ini dan untuk mewujudkan keadilan di negara kita Malaysia. Walaupun saya berasal dari negeri yang tidak beraja, saya rasa saya membawa suara rakyat Sabah yang saya yakin ingin melihat supaya pindaan ini dapat dipersetujui untuk kepentingan semua pihak tanpa banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelutong.

6.75 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): • Terima kasih Yang Arif Tuan Speaker. Tidak sangka boleh mendapat peluang, sudah dapat *sekarang*. (Ketawa)

Tuan Speaker, saya ada meneliti semua seksyen-seksyen dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita hari ini dan tidak ada keraguan dalam fikiran saya bahawa apa yang dibentangkan adalah bagi kepentingan orang ramai dalam negara ini. Tidak ada. Oleh kerana apa yang dibentangkan baik bagi semua - bagi Raja dan bagi rakyat.

Tuan Speaker, Raja-raja dalam negara kita haruslah bersyukur kepada Tuhan¹ kerana boleh wujud Institusi Raja-raja di dalam negara kita di zaman ini sekarang. Di antara 40 Raja-raja dalam dunia ini, Yang Arif, 1 1/4 ada dalam negara kita - satu negara yang kecil apabila berbanding dengan negara-negara besar dalam dunia ini.

Daiam satu Jamuan Makan Malam selepas merdeka, masa itu saya masih bersekolah, bukan saya yang menghadiri

makan malam itu tetapi di antara Menteri-menteri dalam Kabinet pada masa itu, seorang Menteri ada menghadiri satu jamuan makan malam yang telah diberi oleh Duta India ke Malaysia. Duta India ini ada berkata kepada Menteri ini, dengan izin, "You come to India, we'll treat you like a Maharaja". Jawapan Menteri itu adalah ini, "The way you have treated your Maharaja I will not come to your country". (Ketawa)

Raja-raja dalam negara kita barangkali tidak faham apa terjadi kepada Raja-raja feudal, Raja-raja yang telah dihapuskan dalam dunia ini. Saya hairan mengapa Raja-raja kita tidak beri persetujuan - bukan perkenan, itu tidak perlu. Persetujuan kepada apa yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, saya pegang keras kepada apa yang saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini pada 10hb Disember [Tepuk] apabila parti DAP melalui Ahli-ahli Parlimen bagi DAP berucap, beri sokongan penuh kepada Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita. Saya pegang apa yang saya cakap pada hari itu, dengan perkataan-perkataan, perenggan-perenggan, full stops and commas and everything else. Saya pegang keras dan tidak ada dan tidak boleh diperalatkan oleh sesiapa. Tidak diprogramkan apa yang dituduh tadi. Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru ada diprogramkan, tidak siapa pun boleh programkan saya. (Ketawa)(Tepuk) Dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru. Oleh kerana jikalau apa yang dibentangkan di sini bagi kepentingan orang ramai, bagi kepentingan rakyat dalam Malaysia, kewajipan saya adalah ini. Dan bukan juga kewajipan saya, kewajipan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti DAP di sini untuk memberi sokongan. (Tepuk) Oleh kerana apa yang saya katakan tadi ini bagi kepentingan orang ramai.

Tuan Speaker, saya beri jaminan parti DAP tidak membantah Rang Undang-undang ini. (Tepuk) Tidak membantah! Ada sedikit technicality yang saya (Disampuk) tak berapa puas hati. Saya beri satu jalan, barangkali boleh ikut itu jikalau ikut dahulu boleh berjaya. (Ketawa) Peguam Negara tidak memberi nasihat yang baik yang berhasil, oleh itu banyak kesilapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dapat penasihat yang tidak berapa jujur dan berkualiti. (Ketawa)(Tepuk)

Tuan Speaker, tadi apabila Ahli Yang Berhormat dari Arau berucap dengan panjang lebar mengambil kesempatan untuk menghentam DAP, saya mahu jawab ini. Apabila dua ADUN DAP dipukul oleh Sultan Johor pada bulan Jun 1991, tidak ada apa yang dibuat oleh parti DAP khususnya. Tidak ada laporan yang ada dibuat dalam Balai Polis.

Yang Arif Tuan Speaker, apa yang sebenarnya adalah ini; apabila parti DAP mengetahui apa yang terjadi di luar Dewan Undangan Negeri Johor di Johor Bahru pada masa itu. Bukan parti DAP tidak membuat report, masa itu Tuan Speaker, ada larangan oleh kerana dalam kes saya juga; Karpal Singh versus Sultan of Selangor, apa yang diputuskan oleh Tun Abdul Hamid, Hakim Besar Malaya iuu, (sekarang Ketua Hakim Negara) ada imuniti. Jikalau ada imuniti, walaupun saya ada keraguan mengenai soalan itu, adakah jalan untuk membuat report?

Apa yang kami buat Yang Arif Tuan Speaker, adalah ini dan masa itu... (Ketawa) Tuan Speakerpun sebagai Yang Arif. (Ketawa) Dalam satu Mesyuarat CEC parti DAP, satu keputusan dan keputusan itu adalah satu keputusan yang dibuat untuk menulis satu surat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Apa yang saya katakan di sini atas tajuk ini, saya tidak mahu bercakap lebih daripada perlu. Satu petisyen ada dihantar kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dalam fikiran saya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak menjalankan tugas dan kewajipannya dengan baik apabila tidak menjawab. Adakah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong masa itu takut Sultan Selangor? Oh, Sultan Johor, silap sebut Selangor oleh kerana ada satu kes masa dahulu dengan dia.

Mengenai laporan, apa yang dikatakan oleh rakan saya dari Kota Melaka tadi, jikalau Ketua Polis Negeri Johor ada di sana, ramai anggota Polis ada di sana, Hakim Mahkamah Tinggi pun ada di sana, anggota-anggota atasan tentera pun ada di sana. Tidak ada apa yang ada dibuat oleh sesiapa. Terus-terang Tuan Speaker, Undang-undang di atas ini, terus-terang, Tuan Speaker.

Mengenai kelakuan dan peranan yang dimainkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam tahun 1988. Ini undang-undang, saya beritahu apa kedudukannya apabila tidak bertindak dalam sesuatu keadaan. Apa yang saya bangkitkan di sini dan ini ada dibangkitkan oleh Ahli-ahli lain ialah apabila Sultan Johor, apabila beliau menjadi Yang di-Pertuan Agong, beliau ada membunuh seorang caddy. Tuduhan itu ada dibuat di sini dan ada dilaporkan dalam Asia Week dan akhbar-akhbar lain. Tidak dinafikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Adakah Yang Amat Berhormat pada masa itu sedar pembunuhan itu ada berlaku? Saya mahu mendapat tahu; bukan sekarang, apabila menjawab malam ini.

Adakah Ahli-ahli Jemaah Menteri sedar apa yang terjadi? Menteri itu ketawa di sana! Timbalan Menteri dari MCA. *(Ketawa)* Apabila kedua-dua ADUN DAP ini dihentam oleh Sultan Selangor.....

Beberapa Ahli: Johor!

Tuan R. Karpal Singh: Johor. Saya difahamkah dia pun ada di sana. Ada di sana! Saya difahamkan, tidak boleh dinafikan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun ya.

Tuan Chua Jui Meng: Macam kucing, nampak di sana, tetapi pandang dari belakang, tetapi bercakap mengenai siapa?

Tuan R. Karpal Singh: Right target! *(Ketawa)* *(Tepuk)* Menafikan? Menafikan atau bersetuju ada di sana? *(Disampuk)* Jikalau ada satu kesalahan yang dilakukan oleh.....*(Disampuk)* *(Ketawa)*

Tuan Chua Jui Meng: *(Bangun)*

Tuan R. Karpal Singh: Ada atau tidak? *(Disampuk)* MCA tak berani jawab, tak payah! *(Ketawa)* *(Disampuk)*

Tuan Chua Jui Meng: MCA beri, MCA tak ada kena hentam. ADUN-ADUN DAP kena hentam!

Tuan R. Karpal Singh: Ya, dalam.....

Tuan Chua Jui Meng: Tetapi apabila pergi ke Istana, kena hentam lagi!

Tuan R. Karpal Singh: Itu lain, itu lain!

Tuan Chua Jui Meng: Tetapi tak berani buat laporan Polis.

Tuan R. Karpal Singh: Itu siapa?

Tuan Chua Jui Meng: Itu DAP!

Tuan R. Karpal Singh: No point talking to the creature like him! (*Ketawa*) (*Tepuk*)

Balik kepada Yang Arif Tuan Speaker. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ahli-ahli Jemaah Menteri sedar? Saya tahu semua mereka termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar. Jika sedar ada satu kesalahan yang dilakukan dan tidak membuat apa-apa dan di sini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak membuat apa-apa walaupun sedar, itu bermakna ada kesalahan di bawah Seksyen 13, Kanun Acara Jenayah. (*Disampuk*)

Saya membacakan apa yang ada di sini, dengan izin:

"Every person, aware of the commission of or the intention of any other person to commit any offence punishable under the following sections of Penal Code shall, in the absence of reasonable excuse the burden of proving which shall lie upon the person so aware, forthwith give information to the officer in charge of the nearest police station, or to a Police Officer or to the nearest Penghulu of such commission or intention".

Di sini commission. Apa seksyen?

"Every person aware of the commission of any offence punishable under any of the following sections. Section 302-Pembunuhan; 304 pun pembunuhan tetapi manslaughter. So apabila caddie ini ada dibunuh...

Datuk Dominic Joseph Puthuchear: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Nibong Tebal minta jalan.

Datuk Dominic Joseph Puthuchear: Saya mahu tanya Yang Berhormat dari Jelutong, adakah dia buat report police atas soal ini?

Tuan R. Karpal Singh: Another bodoh! (*Ketawa*)

(Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) mempengerusikan Mesyuarat)

Datuk Dominic Joseph Puthuchear: Tuan Speaker, adakah dia buat police report?

Tuan R. Karpal Singh: Saya tidak sedar, oleh kerana itu tidak boleh buat. Tidak sedar.

Datuk Dominic Joseph Puthuchear: Yang Berhormat berani datang cakap sini, tapi kenapa tidak buat laporan polis?

Tuan R. Karpal Singh: Di sini ada kita "A person aware of".

Saya tidak aware.

Datuk Dominic Joseph Puthuchear: You are aware!

Perdana Menteri: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkataan "aware" ini, mengikut Ahli Yang Berhormat sendiri, saya aware cuma kerana dia tulis surat. Jadi, apakah dengan itu saya mesti report kepada Penghulu sedangkan dia lebih aware daripada saya. Sebab itu dia tulis surat kepada saya. Tetapi dia tidak buat laporan kepada polis. (*Tepuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Ini pembunuhan caddie. Itupun tidak faham. (*Tepuk*) (*Ketawa*) Pembunuhan caddie, saya beri penjelasan, butir-butir mengenai apa terjadi. Sekarang dia cakap saya tulis sepucuk surat kepada dia. Mengenai pembunuhan caddie. Adakah sedar? Jawab!

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini mempunyai masalah. *(Ketawa)* Dia seorang sahaja yang sedar. Yang lain semua tidak sedar. Apa yang dia cakap pun orang tidak faham. *(Ketawa)*

Tuan R. Karpal Singh: Sedar. Masa itu sedar. Tetapi tidak mahu membuat apa-apa. Ada tujuan. Sultan Johor membunuh caddie, jangan buat apa-apa. Ada tahu, ada sedar? Pemimpin utama dalam negara ini tahu. Ketepikan-oleh kerana apa? Tahu Tuan Speaker oleh kerana apa? *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan soal Kerusi, Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Ya saya tahu. Mahu tanya dulu. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Oleh kerana jadi ahli Kerabat Diraja Johor. *(Ketawa)* Bolehkah menafikan itu? Belakang nama ada D.K. Johor. *(Ketawa)* Apa D.K. Johor? Ini adalah dianugerahkan kepada satu commoner. Dia bukan royalty tetapi dia dapat D.K. Boleh nafikan ada dapat D.K.? So, bila boleh peralatkan seseorang, pembunuhan boleh diketepikan. Itu kaliber Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *(Tepuk)* Tetapi walaupun apa yang saya kata tadi kena bayar cukai hiburan, tidak takut ada kesalahan. *(Ketawa)* Dia tidak tahu ada peruntukan undang-undang. *(Sambil menunjuk kepada seorang Menteri MCA)* You can't joke without paying entertainment duty *(Ketawa)* and you are doing it all the while. *(Ketawa)* *(Tepuk)* Dia tidak faham apa yang saya cakap oleh kerana dia "he, he, he" cakap macam itu. *(Ketawa)* *(Tepuk)* Tetapi dalam perkara ini apa yang terjadi, biarlah dia sudah dapat D.K. Tapi tidak berapa lama boleh tarik balik saya ingat. *(Ketawa)*

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yaik): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat hendak bagi jalan kepada Dato' Menteri? Hendak bagi?

Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yaik: Boleh saya tanya...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia belum bagi lagi.

Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yaik:...oleh sebab Yang Berhormat dari Jelutong sedar dan dia tidak mahu lapor sebab dia harap dia boleh dapat D.K., bukankah begitu? *(Ketawa)*

Tuan R. Karpal Singh: Sudah membuktikan dia satu joker. *(Ketawa)* *(Tepuk)* Tetapi itu boleh dimaafkan. Perdana Menteri boleh dimaafkan oleh kerana dia berani sekarang, berani membentangkan Rang Undang-undang ini. Tuan Speaker, apa yang ada dikatakan, dibongkarkan oleh Yang Berhormat dari Arau, 23 laporan atas Sultan Johor dan anak-anaknya khasnya Tengku Mahkota dan Tengku Majid, Tengku Bendahara. Saya hairan apa yang saya berbangkit pada satu masa, Tuan Speaker, 22hb November 1984; dia hentam dua ahli Kerabat DiRaja Pahang dan dua bodyguardnya—not very much of bodyguard. Ada dihentam. Saya berbangkit perkara ini. Perkara itu kecil apabila berbanding dengan apa yang ada dibongkar hari ini. Jikalau keadaan itu itu Tuan Speaker, dulu daripada Sultan Johor menjadi Sultan Johor hentam, tahun 1972 bermula, hentam termasuk adik Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal—hentam dia juga. Tahun 1977 membunuh seorang bernama Teo Ah Ba, tahun 1987 atau 1988 tak berapa tepat—membunuh caddie. Selepas itu bila balik ke Johor sebagai Sultan Johor, hentam lagi sampai tahun 1992. Bolehkah rekod hitam begitu dibiarkan dengan tidak ada apa-apa tindakan? Apa yang dibuat oleh Kerajaan

baik, saya bersetuju hundred percent, bukan hundred and three percent sebagai dikatakan oleh pemimpin MCA. Hipokrasi—tidak ada one hundred and three. Tidak ikhlas. (*Tepuk*)

Tuan Speaker, apa yang saya ada di sini, decision of the Special Meeting of the Conference of Rulers on the 18th of January 1993. Saya mahu dapat tahu, ini ada bertarikh kelmarin, Monday 18th January 1993—ada ditandatangani oleh The Keeper of the Ruler's Seal. Tidak ada nama. Tidak tahu ini palsu atau tidak, saya pun tidak tahu. Jikalau ini benar, kenapa terjadi dalam mesyuarat yang tidak khas suatu hari dulu daripada itu, adakah keenam-enam Raja-raja ini bersetuju. Bersetuju dengan cadangan yang ada dibuat oleh Kerajaan untuk meminda pindaan—itu ada atas meja, walaupun tidak dibentang. Untuk menubuh satu Mahkamah Khas. Jikalau persetujuan ada diberi oleh Raja-raja dan selepas itu Raja-raja buat seperti ini-9-0. Itu jadi Raja-raja ini tidak ada maruah.

Oleh kerana jikalau seorang Raja, your word is your bond, lebih daripada bohong dalam perkara seperti ini, tetapi adakah itu benar? Adakah persetujuan diberi oleh Raja-raja ini? Barangkali dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menjelaskan perkara ini.

Dalam mukasurat 2, perenggan 4, isi kandungannya ada saja seperti ini:

"No Ruler has the right to hurt or cause harm to another person. The Conference of Rulers agrees to the formation of an effective mechanism to hear the rakyat's grievances against them. It is in total agreement with the view that these cannot be two systems of justice in the country."

Jikalau itu pendirian Raja-raja, dengan nada apa boleh mencadang bagi mengadakan satu mahkamah khas? It is in total agreement with the view that

there cannot be two systems of justice in this country. Tidak boleh ada. Oleh kerana apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju untuk mengadakan satu mahkamah khas? Jikalau semua equal before the law and entitled to the equal protection of the law, oleh kerana apa beri cadangan seperti ini?

Dalam fikiran saya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ahli-ahli Kabinet, termasuk Menteri Kewangan, saya ingat, semua takut. Takut oleh kerana semua Raja-raja sudah ambil satu pendirian untuk hentam Kerajaan. Dia mahu lawan, tetapi bila sudah berdekat, dia mahu selesai. Perkara ini tidak boleh diselesaikan. Apa yang ada dalam Rang Undang-undang asal harus dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan ini.

Dalam soal itu, kami di sebelah sini, Tuan Speaker, beri persetujuan. Sepertimana yang saya kata tadi, kita tidak membantah. Satu perkara yang penting ialah mengenai persetujuan, bukan perkenan, it is not assent, tetapi consent. "Consent" dan "assent" tidak serupa, ada perbezaan besar. Apa yang penting ialah jikalau Dewan ini meluluskan Rang Undang-undang ini, selepas itu Dewan Negara buat demikian, dan selepas itu Rang Undang-undang ini diberi kepada Yang di-Pertuan Agong untuk tandatangan. Saya ingat dalam perkara ini Yang di-Pertuan Agong tentu akan enggan untuk menandatangani Rang Undang-undang ini. Itu bermakna bahawa di bawah Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang ini kembali ke Dewan di sini dengan pandangan Yang di-Pertuan Agong. Itu bermakna ada lagi satu mesyuarat. Selepas itu apabila diluluskan semula, Rang Undang-undang ini kembali kepada Yang di-Pertuan Agong, dan setakat itu jikalau Yang di-Pertuan Agong menandatangani ataupun tidak dalam 30 hari selepas Yang di-Pertuan Agong menerima Rang Undang-undang itu, Rang Undang-undang itu menjadi undang-undang (law).

Selepas itu, sepertimana yang terkandung dalam Perkara 38(4), no law shall be passed without the consent of the Conference of Rulers where it affects their privileges, positions and dignities. Bolehkah ada dua badan: satu, Parlimen yang mengandungi Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Yang di-Pertuan Agong, jikalau satu undang-undang sudah diluluskan, habis, apa lagi? Adakah perlu bagi persetujuan dari 9 Raja ini? Ini tidak ada perkaah berbangkit dalam sejarah negara kita sampai sekarang, tetapi kini sudah berbangkit.

Saya ada beri pandangan dan perhatian saya dengan teliti kepada keadaan ini. Ada sedikit keraguan di sini. Rakan saya dari Nibong Tebal ada beri pendirian kelmarin dan hari ini. Dalam pendirian itu, apa yang boleh dinampak adalah tidak harus untuk dapat persetujuan daripada Raja-raja. Tetapi kes Karpal Singh versus Sultan of Selangor ada di sini. Jikalau apa yang ada diputuskan di sini imuniti, nami di sini pun dengan umumnya Peguam Negara sendiri ada menyatakan persetujuan adalah perlu.

Datuk Dominic Joseph Puthucherry: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Nibong Tebal bangun.

Datuk Dominic Joseph Puthucherry: Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Jelutong, atas prinsip keadilan ataupun tafsiran undang-undang, sama ada dia bersetuju atau tidak, kewajipan mahkamah ialah untuk beri satu makna kepada sesuatu undang-undang dan dia mesti ikut kemahuan ataupun the intention of Parliament. Mahkamah tidak ada satu pendirian yang bebas dari Parlimen, dia mesti implement the intention of Parliament. Kalau hakim buat satu keputusan dan keputusan itu tidak ikut the intention of Parliament, Parlimen ada berhak untuk clarifikan apa dia punya intention. Jadi,

apa Parlimen buat sekarang tidak salah. Cuma clarifikan iaitu Artikel 181 tidak memberi imuniti. Bersetuju atau tidak?

Tuan R. Karpal Singh: Ini bukan soal bersetuju atau tidak. Ada kes saya sendiri. Baca ini jikalau mahu sekarang. (*Ketawa*) Di mana mahkamah ada memutuskan....

Datuk Dominic Joseph Puthucherry: Kalau tak boleh jawab, cakap tak boleh jawab. Ataupun kalau dia tidak tahu, cakap tidak tahu. Jangan, tak payah maki.

Tuan R. Karpal Singh: Inipun diti hibur (*Ketawa*), lagi satu kesalahan. Di sini ini sudah diputuskan oleh Hakim Besar, Tun Abdul Hamid pada 16hb September 1987, sebagai imuniti apabila saya bawa Sultan Selangor ke mahkamah. Ini satu authority yang ada dalam jalan. Dengan izin, there is an obstacle in the way. Saya pun cakap ini ada keraguan, bukan saya bercakap ini ialah lurus-terang, ada keraguan. Jikalau kita baca Artikel-artikel dalam Perlembagaan, dan ini saya ada beri pandangan saya kepada umum, apa-apa yang tidak diketahui oleh rakyat ialah, walaupun Perkara 181 ada dalam mukasurat terakhir Perlembagaan Persekutuan, Perkara 181 ini tidak ada dalam draf Perlembagaan. Article 181 tidak ada dalam draft Constitution. Ini boleh diteliti. Dalam laporan Reid Commission Artikel ini tidak ada. Selepas itu, ini telah dimasukkan dalam Perlembagaan. Apabila Artikel 181 ini dimasukkan dalam Perlembagaan, it was worded "Subject to the provisions of this Constitution, the Sovereignty, the prerogatives powers and jurisdiction of the Rulers shall remain unaffected"—subject to the provisions of this Constitution. Bukanlah seperti 153(2) mengenai hak keistimewaan orang-orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Saya baca itu, Tuan Speaker, dengan izin, "Notwithstanding anything in this Constitution, the privileges of the

Malays and the Natives of Sabah and Sarawak" Perkataan (phrase) "Notwithstanding anything in this Constitution" ada dimasukkan dalam Perkara ini. Oleh kerana jikalau perkataan-perkataan ini tidak ada dimasukkan dalam Perkara 153(2), ini adalah bertentangan dengan Perkara 8(1), iaitu "All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law."

Di sini "Notwithstanding anything" ini adalah sah, oleh kerana walaupun bertentangan dengan 8(1), ini boleh wujud. Tetapi Article 181(1) says, "Subject to the provisions of this Constitution"

Article 181(2) says:

"No proceedings whatsoever shall be brought in any court against the Ruler of a state in his personal capacity."

Itu bertentangan dengan Perkara 8(1)—semua orang sama rata—yang mengatakan, "All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law." So, ada jalan di sini, ada keraguan, barangkali. Dan apa yang harus dibuat adalah untuk bertindak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh bertindak di bawah Perkara 130 Perlembagaan yang berterus-terang. Saya baca Perkara ini, dengan izin:

"130. The Yang di-Pertuan Agong may refer to the Supreme Court for its opinion any question as to the effect of any provision of this Constitution which has arisen or appears to him likely to arise, and the Supreme Court shall-mandatory-pronounce in open court its opinion on any question so referred to it."

Di bawah Perkara 41, Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak atas nasihat Kabinet juga. Dalam kes Teh Cheng Poh yang telah diputuskan oleh Majlis Privy pada 11hb Disember, 1978—dan di sini, Tuan Speaker, saya baca apa ada dalam mukasurat 51, ada dilaporkan dalam majalah MLJ-I 1979, iaitu

mengenai tafsiran Perkara 150(2)—adalah tersebut seperti di bawah ini:

"Although this, like other powers under the Constitution, is conferred nominally upon the Yang di-Pertuan Agong by virtue of his office as the Supreme Head of the Federation and is expressed to be exercisable if he is satisfied of a particular matter, his functions are those of a constitutional monarch and except on certain matters that do not concern the instant appeal, he does not exercise any of his functions under this Constitution on his own initiative but is required by Article 40, Clause (1), to act in accordance with the advice of the Cabinet."

Di sini Perkara 130 kuasa ada diberi kepada Yang di-Pertuan Agong untuk merujuk soalan mengenai tafsiran perkara-perkara dalam Perlembagaan ini yang boleh dirujuk atas nasihat Kabinet. Dan ini adalah satu jalan, Tuan Speaker. Ini boleh dibuat sekarang. Undang-undang ini boleh diluluskan oleh Dewan Rakyat, Dewan Negara serta Yang di-Pertuan Agong dan boleh dirujuk kepada mahkamah. Ada dikatakan tadi oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat di sini, mahkamah boleh memutuskan sama ada pindaan ini sah dan Raja-raja boleh membawa ini ke mahkamah selepas Rang Undang-undang ini ada diluluskan dan mereka boleh pergi ke mahkamah untuk mendapat satu keputusan.

Tuan Speaker, dalam perkara ini undang-undang adalah terus-terang. Sesiapapun tidak boleh pergi ke mahkamah, mengambil satu undang-undang dan minta, "Saya mahu tafsiran undang-undang ini." Jikalau itu berlaku, saya ingat Hakim tidak boleh buat apa-apa kerja lain kerana hari-hari hendak memberi tafsiran sahaja (*Ketawa*) melainkan jika ada satu life issue, bolehlah mahkamah memberi satu keputusan. Jika satu perkara akademik,

tidak ada kuasa, ada banyak authorities dalam majalah undang-undang. Raja-raja boleh buat demikian selepas Rang Undang-undang ini diluluskan.

Tuan Speaker, apabila perkara ini diluluskan, tidak boleh dibuat apa-apa sehingga sampai satu kes ada berbangkit. Barangkali ada masalah di sana iaitu Sultan Johor boleh menghentam satu orang lagi, boleh dibawa ke mahkamah, dan apabila kes itu berada di mahkamah, satu objection awal boleh dibangkitkan, bahawa undang-undang ini tidak sah. Barangkali bukan menghentam, tetapi membunuh satu orang lagi-lagi susah. Jadi apa yang perlu dibuat, Tuan Speaker, adalah untuk Kerajaan bertindak di bawah Perkara 130. Jadi apa masalahnya? Adakah Kerajaan takut untuk mendapat satu keputusan daripada mahkamah? Keadilan dalam mahkamah, keadilan bagi semua, bagi Raja-raja, bagi Kerajaan, bagi parti Pembangkang semua boleh mendapat satu keputusan. Bolehkah jalan itu digunakan? *(Ketawa)*

Tidak payah ketawa *(Ketawa)* Yang Arif.

Seorang Ahli: Tidak Arif!

Tuan R. Karpal Singh: Tidak arif? *(Ketawa)* Itu terpulang kepada Yang Amat Berhormat. Jikalau tidak arif, saya tidak boleh berbuat apa-apa. *(Ketawa)*. So pendirian DAP dalam perkara ini, Tuan Speaker, tidak berubah, tidak ada apa-apa perubahan dengan apa yang ada dinyatakan umumnya oleh DAP pada 10hb Disember.

Tidak payah hantam Bayan Baru. *(Ketawa)* Hantam saya, "Oh, Jelutong." Bila pun saya keluar, "Eh, bila mahu cakap?" Semua mahu dapat tahu apa pendirian saya. Sudah diprogrammekankah, diperalatkankah oleh Ketua Pembangkang atau pihak-pihak lain? Dalam DAP tidak ada itu, barangkali dalam Barisan Nasional semua program. Di sini tidak ada. *(Tepuk)*

Dalam perkara ini, Tuan Speaker, bukan satu mesyuarat tetapi dua mesyuarat oleh parti DAP-tiga, untuk mendapat pendirian semua ahli-ahli dalam CEC. Saya ada beri pendirian saya. Ahli-ahli lain pun ada beri pendirian mereka. Semua sokong bukan seorang tidak sokong isi kandungan Rang Undang-undang ini. Tetapi saya hairan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah make about turn. Mahkamah istimewa atau khas. Apa mahkamah ini? Jikalau seorang pembunuh masuk dalam mahkamah atau masuk penjara gantung dia. *(Ketawa)* Jikalau mahkamah keistimewaan, bila mahu gantung dia, gantung pun dengan keistimewaan. *(Ketawa)* Ini satu perkara yang serius.

Apa yang ada dibuat dan ramai rakyat ada-bertanya, "oh ini, satu kesilapan oleh Sultan Johor." Dia hot, bila-bila pun dia hot juga. Hot-hotlah, jangan membunuh sesiapa.. *(Ketawa)* Oleh kerana dia, Raja-raja lain pun dihantam. Apabila Sultan Pahang ada di airport untuk datang ke sini, dia berkata "my hair is white" so as so many others including the Minister for Education. *(Ketawa)* "Saya..." beliau cakap. "Saya, Sultan Ahmad Shah, I will not be played out", tambah lagi "this time." Oleh kerana dia telah diplayed down daiam tahun 1983 sewaktu berlakunya Constitutional crisis.

Kami mengakui bahawa ada Sultan yang baik. Majoriti baik. Johor, tidak payah. *(Ketawa)* Rekod hitam seperti apa yang sayakatakan tadi. Disenaraikan oleh Yang Berhormat dari Arau di mana dia dapat semua maklumat itu saya tidak tahu. *(Ketawa)* 23 laporan right up to date! DAP pun tidak ada maklumat mendalam seperti itu. Kerajaan beri kepada dia untuk mengumumkan di sini. *(Ketawa)* Bukan dia cari sendiri. *(Ketawa)* *(Tepuk)*

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai merangkap Menteri Dalam Negeri dia beri maklumat kepada

dia. (*Ketawa*) Oleh itu, Tuan Speaker pun beri peluang kepada dia untuk senaraikan semua hari ini. Jikalau tidak, tidak boleh masuk dalam akhbar besok. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tidak boleh melibatkan Kerusi, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan, Tuan Speaker sendiri tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kerusi.

Tuan R. Karpal Singh: Saya faham di zaman dulu di India ada maharaja. Yang Amat Berhormat kelmarin menyatakan Raja-raja di India dan Pakistan; Pakistan tidak ada raja-raja. Mana ada raja-raja! (*Ketawa*) Apabila dapat merdeka pada bulan Ogos 1947, terus jadi republik. Mana ada raja? Dalam India dui, Pakistan pun sebahagian India pada masa itu. Sejarah pun tidak tahu! (*Ketawa*)

Apa yang perlu adalah ini, yang akhirnya kepentingan rakyat itu perlu. Bukan kepentingan kuda-kuda yang tinggal dalam bilik berhawa dingin. Bukan kuda tempatan tetapi kuda dari Argentina. Jikalau kuda tempatan pun tidak apa. (*Ketawa*) Keadaan seperti itu tidak boleh dilepas begitu sahaja. Sultan, Raja dan Yang di-Pertuan Agong harus jadi teladan kepada semua rakyat. Apa teladan Sultan Johor?

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kelmarin menyatakan di antara lain, kes Gomez broke the camel's back. What kind of camel was this, and only now its back broke! (*Ketawa*)

Berapa kes dulu, tahun 1972 pembunuhan ada. 1988 caddie di bunuh. Camel ini kuat lagi. (*Ketawa*) (*Tepuk*)

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Baling bangun.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya Yang Berhormat dari Jelutong, boleh kita tambah satu joker. Tadi kata sudah ada dua.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payahlah ada banyak yang menyertainya. No, morale of the story is too thick to understand. (*Ketawa*) Morale of the story adalah ini, dengan izin. Camel itu bukan the proverbial camel, camel itu adalah Kerajaan. Bila boleh diperalatkan seseorang termasuk raja; menggunakan dia. Camel ini ada tahu, bukan sekarang juga, tetapi tidak mahu buat apa-apa sampai sekarang. Sekarang boleh buat apa yang saya kata dulu dalam Dewan yang mulia ini. Sekarang bukan Yang di-Pertuan Agong. Sudah dapat D.K. (*Ketawa*) Sekarang. Sekarang boleh...

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya cuma hendak minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat. Saya memujilah ketegasan beliau untuk menyokong apa yang sedang dibincang di Parlimen. Cuma ada sedikit problem teknikal iaitu untuk mendapat interpretasi yang boleh dipegang tentang consent from the Council of the Rulers. Dan Ahli Yang Berhormat menyatakan consent itu patut dibuat satu judgement mengenai decision oleh Supreme Court patut diperolehi sekarang. Ataupun kita ada satu pilihan lagi iaitu apabila the life case pada masa itu kalau mereka the other side perlu boleh juga mendapat satu decision. Jadi apa salahnya oleh sebab objektif Rang Undang-undang ini semua pembangkang sokong, apa salahnya kita sokong sahaja

Rang Undang-undang ini. Kerana tujuan suatu Rang Undang-undang khususnya Rang Undang-undang ini bukanlah untuk menghukum atau punish Raja-raja tetapi preventive. Jadi sekurang-kurangnya apabila undang-undang ini sudah lulus dan kalau ia berjaya untuk prevent Rulers commit criminal act, bukankah itu satu faedah kepada rakyat? Itu kalau boleh diberi sumbangan oleh DAP menyokong undang-undang kita telah mencapai hasrat rakyat.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, tujuan undang-undang ini baik. Itu kami tidak nafikan, bagus, baik. Tetapi ini satu technicality. Bukan preventive juga saya ingat apa yang harus diadakan barangkali dari segi retrospective pun, Jikalau seseorang sudah membunuh seorang lain, tidakkah keadilan untuk menjatuhkan ke atas seorang seperti itu? Dan 23 reports. Bukan preventive juga, tetapi saya ingat ini satu perkara yang penting, Tidak boleh dibiarkan seperti itu, di mana caddie sudah mati, Teoh Ah Ba sudah mati jugatah payah. Itu jadi satu sikap very selfish motives untuk membentangkan Rang Undang-undang ini dan menelitikan apa yang perlu dibuat mengenai apa yang terjadi terdahulu daripada ini.

Tuan Speaker, pihak kami fikir tidak susah untuk memenjarakan—boleh. Tetapi yang penting ialah, jikalau ada keraguan, apakah susahnya untuk mendapatkan satu keputusan daripada mahkamah, bukan susah. Jikalau ada apa-apa masalah atau kesusahan untuk mengemukakan, saya boleh menderafkan satu permohonan.

Datuk Dominic Joseph Puthuchear: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Nibong Tebal bangun lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Dia ini tidak faham, bertanya perkara yang tidak bersangkutan, menyusahkan saya. Tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak bagi?

Datuk Dominic Joseph Puthuchear: Penakut.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan takut, dia tidak faham, nanti dia bercakap lain, menyusahkan lagi. Bukan saya hendak mencari fasal tetapi dia langsung tidak faham apa yang saya cakapkan.

Tirabalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak apalah, teruskan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan R. Karpal Singh: Saya sudah beri apa maknanya tadi, dan saya rasa itu adalah soalan yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Taiping bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Saya belum lagi menjawab penanyaan ini, Taiping pula bangun.

Oleh kerana apa tunggu sampai seorang Raja melanggar undang-undang dan selepas itu saya juga mendapat tahu ditanyakan adakah undang-undang ini sah? Perkara 130 adakah pemntukan di sini:

Perkara yang saya katakan ini adalah penting dan lebih baik kita buat sekarang supaya Raja-raja akan tahu bahawa ini sah. Mungkin Sultan Johor ada yang niemberi nasihat, "Don't worry, ini bukan sah, you can carry on". Oleh itu, lebih baik every law must be certain in its content. And that certainty boleh didapati melalui Mahkamah Agung.

Tuan Speaker, dengan itu sekali lagi saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi pertimbangan kepada cadangan saya tadi. Ini dengan ikhlas...

Tuan Kerk Choo Ting: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Taiping bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Jelutong, di dalam undang-undang ini ada dua cara kita membuat undang-undang, Satu, daripada Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dan cara yang satu lagi ialah case law iaitu undang-undang yang ditafsir dan ditetapkan oleh Yang Arif Hakim. Di sini apa-apa keraguan, kenapa kita tidak boleh meluluskan pindaan Perlembagaan pada masa sekarang ini? Kenapa kita mesti tunggu sampai kita merujuk perkara ini kepada mahkamah? Minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Oleh kerana ada keraguan mengenai perkara 38(4), Peguam Negara sendiri telah menyatakan ada keperluan untuk mendapatkan persetujuan. Bolehkah Peguam Negara besok menyatakan apa yang telah diumumkan oleh beliau? Tidak boleh? Sebenarnya Peguam Negara adalah penasihat kepada Kabinet, bukan terbalik. Bukan Perdana Menteri menjadi penasihat kepada Peguam Negara, Jikalau itu sudah diumumkan, persetujuan Raja-raja perlu—walaupun dalam fikiran saya ada keraguan—barangkali tidak perlu. Mungkin ada satu jalan, jalan yang.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Artikul 130 Perlembagaan, advisory jurisdiction of the Supreme Court, dengan izin:

"130. The Yang di-Pertuan Agung may refer to the Federal Court for its opinion any question as to the effect

of any provision of this Constitution which has arisen or appears to him likely to arise, and the Federal Court shall pronounce in open court its opinion on any question so referred to it."

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, mengikut Perlembagaan ini kita boleh refer perkara ini kepada Supreme Court dan Supreme Court akan memberikan judgement sama ada kita boleh raembawa bil ini ke Parlimen ataupun tidak dan hari ini kalau kita hendak membawa kes ini ke mahkamah akan memakan masa yang panjang. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Marang minta kepada Perdana Menteri, kalau boleh undang-undang ini dipinda semalam. Bukan besok.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Jelutong, apakah salahnya perkara-perkara yang kita buat hari ini, iaitu meluluskan undang-undang ini di Parlimen dan biarlah pihak yang tertentu, apabila timbul kes-kes macam mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kita test di mahkamah? Kalau kita kalah kita akan bawa di sini dan kita akan pinda undang-undang mengikut cadangan Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan test. Jikalau mahu test, kita kena tunggu sehingga ada pembunuhan?

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pandangan yang Berhormat dari Jelutong bercanggah. Beliau kata mengapa tunggu. Kita sepatutnya pergi cepat-jangan tunggu lagi. Mengapa tidak boleh menyokong cadangan kita untuk meluluskan Rang Undang-undang ini dahulu. Semalam pun Yang Amat Berhormat ada mengatakan jika Rulers' Conference tidak menerima pindaan ini, kita boleh rujuk kepada Supreme Court. Itu cara yang cepat,

jangan beri peluang orang bunuh lagi. You bercanggah sendiri dengan pendapat you, apa you mahu cakap dan apa yang you cakap, you sendiri pun tidak faham. Siapa joker? You joker number onekah atau siapa? *(Ketawa)*

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, bolehkah saya dapat tahu mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rhengekalkan beliau dalam Kabinet? *(Ketawa)*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Yang Berhormat boleh masuk Barisan dan mungkin Yang Berhormat boleh jadi Menteri dan saya boleh keluar. Masuk Barisan dahululah, boleh? Macam you punya kerja, macam joker sahaja, mahu jadi Menteri? *(Ketawa)*

Tuan R. Karpal Singh: Ini apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris, perangnya "self-explanatory". *(Ketawa)* Saya menjawab apa yang ditanyakan tadi—bukan oleh beliau. Beliau orang gila. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tidak baik sebut perkataan "orang gila".

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau benar, apa mahu buat. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, benar atau tidak benar, bukan terpulang kepada Yang Berhormat untuk menentukannya.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah saya menjawab?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak.

Tuan R. Karpal Singh: Saya akan menjawab apa yang ditanya dengan serius tadi, satu soalan ada ditanyakan tadi....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu. Yang Berhormat Jerai bangun, saya nampak dari sini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta dia tarik balik perkataan itu sebelum dia hendak menerangkan lebih lanjut dan saya minta kalau boleh, Yang Berhormat jangan membuang masa. Ini isu serius. Jangan jadi bapa joker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya nasihatkan supaya menarik balik perkataan "orang gila" itu.

Tuan R. Karpal Singh: Oiang itu ada sejarah untuk menggunakan satu perkataan "four letter word" di sini. Dia berani.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat,.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Bapak bai, jaga sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, saya akan buat keputusan.

Tuan R. Karpal Singh: Itulah standard Barisan Nasional. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada di sini dan beliau boleh lihat hari ini standard, calibre.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan pergi jauh sangat. Saya nasihatkan Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu jawab apa yang ditanya secara serius tadi.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat kena tarik balik perkataan.....

Tuan R. Karpal Singh: Orang gila. Saya tarik balik. Ini tidak mengapa. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tarik balik.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, walaupun saya tarik balik, fakta tetap fakta. Dia gila juga. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau sudah tarik balik, teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Fakta tidak boleh ditarik balik, perkataan boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Janganlah buat ulasan macam itu!

Tuan R. Karpal Singh: Okay, saya mahu serius. Dia yang mulakan tadi hiburan ini. (*Ketawa*) Soalan yang saya ingin bertanya tadi. Jika kita menunggu, tidak dapat tahu bila kes itu boleh wujud untuk mahkamah beri keputusan. Itu masalah. Dan. Raja-raja pun tidak tahu apa keadaan sebenarnya. Dan bagi imej negara, dalam kacamata antarabangsa, dalam perkara yang penting seperti ini, Tuan Speaker, bolehkah karai ada satu keadaan yang fluid. Walaupun ada peruntukan dalam Perlembagaan kita untuk dapat satu keputusan yang muktamad. Supreme Court (Mahkamah Agung) tidak ada apa-apa rayuan selepas keputusan inJ- Keputusan ini boleh harus diterima oleh Raja-raja dan rakyat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia bangun lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Ya?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari

Jelutong. Seandainya, kita mengikut nasihat dan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dan kita ikut Seksyen 130 Perlembagaan, bila sampai ke Supreme Court, Supreme Court kata "No" apa yang kita patut buat?

Tuan R. Karpal Singh: Jangan bimbang. Harapan besar. Saya ingat Supreme Court tidak cakap "No". (*Ketawa*) Dalam perbicaraan, you must take a chance, mengapa takut? Jika Barisan Nasional melalui pakar-pakar dalam Barisan Nasional sudah menentukan persetujuan tidak perlu.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Soalan penghabisan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, boleh.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi mengatakan "we should take a chance" I think the Prime Minister is taking a chance, dengan izin. Dan saya rasa Ahli-ahli Pembangkang pun patut menyokong and take a chance. (*Tepuk*) Why not?

Seorang Ahli: Betul!

Tuan R. Karpal Singh: We take a chance in court. (*Ketawa*) Mahkamah—tempat di mana ada keadilan. So, beri peluang kepada mahkamah. Full Bench of the Supreme Court (Mahkamah Agung)—sembilan! Jangan takut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bukan kes yang dahulu itu. Sembilan—Tun Salleh Abbas kena. Itu lain. Di sini lain. (*Ketawa*) Sembilan hakim. Full Bench dalam perkara seperti ini. Barangkah boleh dapat 9-nil terbalik. (*Ketawa*) 9-nil yang sah. Raja-raja kata 9-nil tidak sah. Mahkamah yang sah. Oleh kerana apa takut? Saya ingat itu jalan yang baik. Jangan bimbang. Ada harapan cemerlang. Saya beritahu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. (*Tepuk*) Tuan Speaker, oleh kerana ada kawan-kawan lain.....

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya?

Tuan R. Karpal Singh: Ya, boleh.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa dengan DAP menyokong Rang Undang-undang ini, kita secara tidak langsung juga sedikit-sebanyak menolong untuk establish the supremacy of Parliament lebih daripada yang lain-lain?

Tuan R. Karpal Singh: Betul! Supremacy of Parliament tetapi dihadkan oleh Perlembagaan, Demokrasi Berparlimen. Ada satu Perlembagaan. Jikalau dalam Perlembagaan ada peruntukan di mana persetujuan barangkali—bukan saya cakap—untuk diperolehi dalam perkara ini. Barangkali tidak! Dalam pendirian saya, barangkali tidak, tetapi ada keraguan di mana ada little doubt dalam perkara penting seperti ini iaitu kedudukan Raja-raja. Apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ahli-ahli lain, termasuk Menteri-menteri, Barisan Nasional mempertahankan Institusi Raja-raja, mempertahankan. Jikalau Raja-raja pun ada haknya, biarlah mahkamah beri satu keputusan. Jangan takut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: (*Bangun*)

Tuan R. Karpal Singh: Tak payah. Tak payah kacau saya.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Jangan! Saya bertanya satu perkara yang amat penting.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan?

Tuan R. Karpal Singh: Orang ini.....Tak payah. Dan apa yang saya dengar kelmarin, Tuan Speaker, mengakhiri ucapan saya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya ada mengatakan mengenai hukum hudud iaitu masa belum sampai, bukan sekarang. Tetapi ada hasrat untuk melaksanakan hukum hudud dan itu ada disokong oleh parti PAS. Saya beri amaran kepada UMNO dan PAS, jangan dalam isu ini, (Tepuk) Isu ini melibatkan perkara hudud. Negara ini berbilang kaum, agama dan itu pun ada dalam Perlembagaan. Apa yang ada dalam Perlembagaan harus diterima, dihormati dan apa yang ada di sini hak Raja-raja pun harus dihormati. Jikalau Mahkamah Agung mengesahkan persetujuan perlu, barangkali Raja-raja sendiri beri persetujuan oleh kerana dalam perkara ini mahkamah sudah beri satu keputusan.

Tuan Speaker, dalam the decision of the Special Meeting of the Conference of Rulers berjalan untuk mendapat satu penjelasan belum ditutup. Perenggan pertama:

"The Conference of Rulers has unanimously decided that it is not in a position at this stage to give its consent on certain proposals in the original Bill and to the subsequent amendments thereto without further deliberation and consultation with the Government." Belum tamat.

Walaupun Raja-raja sudah balik ke negeri masing-masing tetapi boleh kembali ke sini jikalau satu jalan seperti ini untuk rujuk perkara ini dapat tafsiran perkara-perkara tertentu yang saya sebutkan tadi, Tuan Speaker. Effectnya barangkali Raja-raja pun boleh oleh kerana terikat dengan keputusan mahkamah dan ini boleh dapat satu penjelasan bagi kepentingan orang ramai.

Selepas kelmarin, Tuan Speaker, apabila Kerajaan dapat 9-nil walaupun harapan 6-3, ada tension dalam negara. Dan keadaan ini tidak boleh difikirkan,

Tuan Speaker. There are far-reaching implications, dengan izin, dan Kerajaan haruslah untuk meneliti isu ini dalam satu konteks yang lebar.

Dengan itu, Tuan Speaker, parti DAP sokong isi kandungan Rang Undang-undang yang ada dibentangkan. Ini satu technical issue yang saya sebutkari tadi. Kita tidak mahu membantah oleh kerana perkara ini tidak boleh dibantah. Orang yang membantah Usul seperti ini, Rang Undang-undang seperti ini bukan orang-orang realistik. Tidak boleh. Tidak ada apa-apa bantahan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Ya?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang mencari fotostal petikan akhbar tetapi saya tidak jumpa. Tetapi saya masih ingat, kalau saya tidak silap, bahawa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ada membuat press statement dan mengaitkan beberapa Artikel di dalam Constitution yang mengatakan kita tidak perlu kepada consent Raja-raja untuk membawa pindaan ini di Parlimen, tetapi saya tidak jumpa. Kalau saya jumpa, saya tunjuk hari ini, Tetapi saya yakin Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ada mengatakan perkara ini. Tetapi hari ini, nampaknya Yang Berhormat telah berdolak-dalik. Jadi, adakah laporan akhbar yang mengatakan Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak perlu kepada consent daripada Raja-raja untuk membawa pindaan itu ke Parlimen, salah ataupun salah petik ataupun Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah berubah?

Tuan R. Karpal Singh: Yang Berhormat jangan tersilap. Apa yang saya mengatakan adalah pendirian saya dan saya ada beri both views. Itu apa yang saya ada beh, bukan tidak perlu.

Saya berpegang keras dengan apa yang saya ada katakan dalam Dewan yang mulia ini. We don't make about turns. Dengan itu, Tuan Speaker, kami sokong dengan penuh 100% bukan 103% seperti MCA. 100% isi kandungan oleh kerana isi kandungan Rang Undang-undang ini bagi kepentingan semua termasuk Raja-raja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dijemput Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

731 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunusj: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sewaktu Raja-raja Melayu bersetuju dengan projek Malayan Union, ramai di antara kita masih muda-muda belaka. Melayu dan UMNO bangkit mendesak dan meminta Raja-raja supaya jangan sains perjanjian itu. Raja-raja Melayu yang ada menangis melihatkan keberanian, tekad dan azam Melayu serta UMNO mempertahankan Raja-raja Melayu. Projek Malayan Union dihancurkan. Mertabat Raja diselaraatkan, Malaya merdeka dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Selamatlah Raja-raja Melayu yang hendak diturunkan tarafnya kepada Tok Kadi oleh Mac Michael. Hiduplah Melayu bersama-sama Raja-rajanya yang dijadikan tunggak penyatuan dalam Malaya merdeka. Walau pun sebelum itu, Raja-raja Melayu telah bersetuju dengan rancangan Mac Michael.

Sejak kecil saya dibesarkan dengan diselubungi oleh adat-istiadat Melayu yang berteraskan budi bahasa, sopan dan santun. Banyak kedapatan pesanan orang tua-tua serta aturan dan peraturan yang melambangkan sopan-santun, budi dan bahasa seperti adat orang berdagang, mandi biar di hilir, naik bertangga turun berjinjang, tetapi kalau maruah dicabar, adat juga berkata ketika itu berjalanlah kamu dengan keris yang terhunus.

Banyak juga diperkatakan tentang adab dan adat dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Terbit sindiran konon kita iaitu anak-anak Melayu sudah mula lupa sejarah. Bagi saya, seorang anak kampung yang diasuh dan dibimbing berteraskan adab dan adat, sindiran begini mengguris jiwa. Kita anak kampung tidak lupakan asal usul. Kita anak kampung telah memendam rasa dan tertekan jiwa atas karenah Raja. Adat berkata: usang-usang diperbaharui; lapuk-lapuk dikajangi; yang elok dipakai; yang bumk dibuang; kalau singkat minta disambung; kalau koyak minta ditampal; ibu adat ialah muafakat. Yang mula lupa sejarah bukan anak kampung. Yang mula sejarah ialah anak raja. Adat berkata: patah tumbuh hilang berganti; pusaka lama begitu jua; adat bersendi hukum; hukum bersendi syarak; syarak mengala adat menurut. Pada adat jua semua orang ada gunanya. Yang buta menghembus lesung; yang pekak membakar meriam; yang tepok jaga jemuran; yang kurap memikul buluh; yang bodoh disuruh arah; jadi, tidak timbul soal rakyat tidak boleh berunding dan menegur raja.

Parlimen dikatakan mencerca Raja; pesta maki hamun Raja Melayu; konon hendak merombak institusi raja. Dakwaan ini dibuat oleh anak raja dari Gua Musang. Tuduhan anak raja ini cukup jahat. Cakap ini hendak racun fikiran rakyat, konon anak kampung mula lupa sejarah. Anak raja yang tahu adab dan adat tidak patut cakap begini. Ini tentu anak raja yang sombong dan angkuh, bercakap tidak mengira perasaan anak kampung.

Adab dan adat berkata, buat baik berpada-pada; buat jahat jangan sekali. Apakah mencerca namanya apabila jalan yang baik sudah diikuti? Sudah masuk empat Perdana Menteri dipanggil datang, disuruh pergi. Apakah maki hamun namanya apabila yang diperkatakan

tentang raja itu benar? Memang yang benar itu biasanya pahit. Agama kita pun menyuruh supaya katakanlah yang benar itu walaupun pahit. Mana boleh dikatakan mencerca apabila ada sultan mengatakan baginda menjadikan Quran dan Hadis sebagai pegangan tetapi menolak pindaan Perlembagaan yang hendak menyamaratakan kedudukan seorang manusia seperti yang dituntut oleh agama itu. Ini double standard namanya.

Soal hina Perlembagaan dan hina institusi raja juga dijadikan modal. Perlembagaan ini sudah berpuluh kali dipinda dan saya percaya akan terus dipinda jika pindaan ke atasnya diperlukan. Yang hendak dipinda hanyalah menghalusi apa yang dikatakan kebal dan sejauhmana kekebalan itu digunapakai terhadap raja-raja. Apakah perbuatan yang dituntut oleh agama ini hina terhadap Perlembagaan dan institusi Raja Melayu? Memanglah kalau anak raja yang mentafsir, kesimpulan anak raja begitulah. Tetapi biar anak kampung ini beritahu sama anak raja. Naik bertangga; turun berjinjang; hina atau tidak institusi Raja Melayu bukan bergantung kepada apa yang tertulis di dalam Perlembagaan. Perlembagaan hanyalah sekadar petua dan pedoman. Esok lusa Perlembagaan boleh dihumbankan. Tulislah, tulislah sebesar mana sekalipun tentang kemuliaan raja tetapi kalau rakyat sudah jemu, macam-macam boleh berlaku. Hina mulia raja bergantung kepada adab dan adat; sopan dan santun; budi dan bahasa dan akhlak yang diamalkannya. Pindaan ini dikatakan drastik oleh anak raja. Istana pula menyifatkannya radikal kerana kedaulatan dan mertabat Raja-raja Melayu. Biar anak kampung beritahu dengan anak raja dan istana bahawa yang mendaulatkan raja ialah rakyat raja. Tulislah seindah bahasa macam manapun, kalau rakyat tidak kasih, kalau rakyat tidak sayang dan tidak hormat, raja tidak akan berdaulat.

Mana letaknya daulat dan martabat kalau anak raja dan istana sudah menggunakan perkataan-perkataan seperti radikal, struktur, kompieks, mekanisma, efektif, sensitif dan aspirasi. Ini bukan istilah adat yang boleh mempertahankan budaya Melayu. Ini istilah harian rakyat dan mengikut adat-istiadat Melayu yang anak kampung ini tahu, Raja cuma bertitah sekali, kalau lebih dari itu, maka itu bukan tiah namanya, itu cakap-cakap, seperti anak kampung bercakap dan boleh disanggah.

Anak raja bilang, hak istimewa Melayu akan hilang kalau peribadi raja sudah tidak kebal. Anak kampung mahu beri tahu sama anak raja, selagi Melayu bernyawa, hak Melayu akan dipertahankan—walaupun dia tidak ada dalam Dewan ini, dia pekak sedikit. Laksamana Tun Tuah berpesan, Melayu tidak akan hilang di dimia. Tetapi krenah anak raja boleh hilangkan Melayu dan hak Melayu. Biar anak kampung cakap kepada anak raja—"Bujur lalu, melintang patah, hak Melayu tetap dipertahankan". "Biar putih tulang, jangan putih mata—biar darah Melayu membasahi bumi Melayu, namun mengalah tidak sekali-kali". Anak raja mesti sedar ini, sebab itu anak kampung kata, anak raja jangan main silap mata dengan orang yang tidak minat hendak pertahankan hak Melayu, anak raja juga jangan main sandiwara dengan orang yang kata "hak Melayu bendak dihapuskan". Istana pun jangan termakan dengan cakap orang-orang yang begini. Adab dan adat memang caranya muafakat. Kata adat, "yang jauh dijemput, yang dekat di arak". Inilah yang telah dibuat selama 47 tahun, berkonfrantasi bukan kata adat, tetapi apa makna muafakat dan nasihat, kalau tidak mahu dipakai oleh anak raja dan istana.

Macam maca muafakat dan nasihat boleh berkesan kalau anak raja siang-siang sudah tidak boleh terima pandangan orang lain. Anak raja kata, dia percaya demokrasi—apa erti demokrasi, kalau

anak raja tidak boleh hormat pendapat orang lain? Demokrasi pada anak raja ialah orang mesti dengar cakap dia sahaja. Itu sebab, selepas dia bercakap dalam Dewan ini, dia keluar dengan kawan-kawannya macam itik. Patut-patut, ia berilah peluang kepada anak buahnya bercakap. Ia duduklah dalam Dewan ini dan dengar pendapat orang lain. Tetapi anak raja yang kononnya demokratik dan hendak pertahankan martabat raja dan orang Melayu, keluar dengan sombongnya. Bagaimana muafakat dan nasihat boleh berkesan, kalau anak raja dan kawan-kawannya sudah masuk istana dan rasuk serta racun raja-raja. Ini bukan fitnah, seperti yang dikatakan dalam Dewan ini. Ini perkara benar,

Manakan tidak benar, kalau pergi Majlis tahlil di istana, kemudian pekik kepada raja "jangan sign". Manakan tidak benar, kalau lepas sembahyang Jumaat, 200 orang pergi ke istana dan kata "jangan sign". Manakan tidak benar kalau pergi ke istana baca Yasin, lepas itu bercakap "jangan sign". Manakan tidak benar, kalau gambar Menteri Besar diletakkan mahkota dan digelar Tengku. Mana tidak benarnya kalau menghantar Sultan ke lapanganterbang kononnya ramai-ramai dan kemudian pekik "jangan sign". Manakan tidak benar, hendak himpункan ramai-ramai di Selat Teberau dan hendak minta raja "jangan sign", Mana tidak benar, kalau orang berhimpun ramai-ramai di Balai Islam, dan mduh UMNO hendak buang raja dan pemimpin UMNO tidak suka raja, konon UMNO hendak tubuh republik. Mana tidak benar, bila ada sultan.isytihar sikap tidak sokong pindaan sebelum berunding dengan raja-raja lain. Mana tidak benar, kalau ada raja sudah turun ke bawah untuk berkempen dalam pilihanraya—Perlembagaan melarang raja-raja berpolitik, di mana adab dan di mana adat, di mana martabat dan di mana daulat, kalau raja sudah campur perkara yang dia tidak boleh campur.

Anak raja buat semua kerenah ini kerana dia nampak ini umpan baik untuk politik parti dia. Anak raja dan kawan-kawan dia jadikan isu Perlembagaan ini sebagai modal untuk cari untung dan pengaruh politik. Anak raja dan kawan-kawannya menggunakan isu Perlembagaan ini untuk renggangkan istana dengan UMNO. Anak raja gunakan isu Perlembagaan ini untuk main sentimen Melayu, konon UMNO benci raja supaya Melayu sokong mereka. Anak raja sendiri pun sudah cakap, orang politik mesti ambil kesempatan. Jadi, sebenarnya segala-gala yang dirancang oleh anak raja ialah supaya Melayu benci UMNO, supaya istana renggang dengan UMNO—dengan harapan anak raja akan naik takhta.

Anak kampung ini hendak beritahu kepada anak raja bahawa kalau ditakdirkan istana berkonfrantasi dengan UMNO, ini adalah kerana angkara dan political ploy anak raja. Anak kampung mahu tegaskan kepada anak raja bahawa bukan adat anak kampung dan orang Melayu untuk derhaka kepada Raja. Sebenarnya ialah anak raja cari jalan buat kerenah dan angkara supaya istana konfrantasi dengan UMNO. Kalau ini berlaku—dan saya harap tidak akan berlaku, maka anak raja dan rakan-rakannya dalam Semangat 46 lah yang bersalah dan bertanggungjawab. Jangan salahkan anak kampung yang hormat kepada institusi raja dan raja yang adil.

Pada pandangan anak kampung, ucapan yang dibuat oleh anak raja dalam Dewan ini, seolah-olah ada persamaan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh mesyuarat Majlis Raja-raja. Anak kampung syak—ada hubung-kait antara ucapan anak raja di Dewan ini dengan keputusan yang dibuat di istana. Kalau tidak, mana datangnya istilah-istilah yang hampir sama.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang minta jalan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, adakah pada pandangan Yang Berhormat, bahawa keputusan Raja-raja itu telah dibuat sebelum daripada itu, sedangkan dalam masa dua jam adalah mustahil bagi pasukan Raja-raja hendak membuat satu pembentangan yang begitu baik, dengan ayat-ayat yang sempurna dan juga dengan istilah-istilah yang betul dalam perundangan. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya pun pelik bila Raja-raja....

Datuk Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Saya hendak tambah sedikit sebelura dijawab. Ayat-ayat yang dibuat dalam masa yang begitu singkat, banyak ayat-ayat itu yang bersamaan dengan ucapan oleh anak raja di Dewan ini.

Dato' Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dan kita maklum, peranan anak raja ini dan saya tidak hairan dan tidak pelik, kalau selepas dia berucap di dalam Dewan ini, dia akan buat report ke istana pula.

Anak kampung ini ingin mengingatkan anak raja dari Gua Musang supaya jangan menjadikan istana sebagai umpan untuk mendapatkan pengaruh politik. Istana, Raja dan sentimen Melayu jangan dibakar untuk mencari pengaruh dan kuasa. Perbuatan inilah yang akan mencemarkan kedaulatan maruah dan martabat istana, Raja-raja dan orang Melayu.

Anak Raja dan rakan-rakannya jangan memperjudikan nasib masa depan keturunan Melayu dengan memperalatkan isu pindaan Perlembagaan ini. Kalau berlaku kegelisahan, perpecahan, huru-hara di kalangan orang-orang Melayu maka yang bertanggungjawab ialah anak raja dan rakan-rakannya dalam parti Semangat 46.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhonnat, oleh kerana masa terlalu suntuk hari ini, banyak permohonan untuk berucap tidak dapat saya layan kesemuanya. Hanya saya dapat membenarkan seorang Ahli lagi untuk mengambil bahagian, selepas itu saya akan jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menggulung perbahasan. Padang Terap.

7.51 mlm.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Speaker, pada 10hb Disember 1992, saya berdiri di tempat ini sebagai seorang royalis yang penuh mempunyai harapan terhadap kewarasan Raja-raja. Tetapi pada hari ini, saya berdiri sebagai seorang rakyat yang kecewa. Keciwa dengan tindakan Raja-raja yang masih berdolak-dalik mengenai soal asas kemanusiaan iaitu soal morality.

Oleh itu, Tuan Speaker, saya tidak mahu lagi terjebak atau sengaja menjebak diri saya dengan masalah peruntukan di dalam perkara-perkara yang bercanggah di dalam Perlembagaan ini.

Tuan Speaker, tidak pernah saya ataupun Ahli-ahli dalam Dewan ini membaca dan melihat seseorang manusia yang merayakan kemenangan ke atas kemaksiatan. Winston Churchill menunjuk sign "Victory" dahulu selepas beliau menewaskan penjahat dunia, Hitler. Tetapi pada masa sekarang kita melihat orang yang menunjuk sign "V" ataupun "Victory" ke atas kemenangannya di dalam menangani ataupun memperjuangkan kemaksiatan.

Perlembagaan ini, Tuan Speaker, atau karya agung sepertimana yang dipanggil oleh Wakil Gua Musang semalam mesti dipandang secara situational, bukan secara

absolute sepertimana yang beliau cadangkan. Sejarah telah membuktikan bahawa semua karya-karya agung mengenai permasalahan budaya manusia keseluruhannya dan falsafah politik khususnya ditolak oleh ide-ide baru yang datang selepasnya. Jikalau Ahli dari Gua Musang memikirkan mengenai karya agung asas seperti tritis-tritis Aristotle, tritis-tritis Pericles dan Plato yang menjadi asas perundangan Barat. Biarlah saya mengatakan bahawa kebanyakan ide-ide ini telah ditolak bulat-bulat oleh Al-Ghazali, ditolak bulat-bulat oleh Hobbes dan Rousseau.

Hasil dari penolakan ini, Tuan Yang di-Pertua, maka timbullah pola-pola falsafah politik yang digunakan sebagai asas perundangan pada hari ini. Saya ingin bertanya, apakah keagungan karya agung ini terlalu agung sehingga hendak membuang ketuat-ketuat di dalam 181 dalam perkara (32), (42), (63) dan (72) tidak boleh dilakukan. Apakah keagungannya itu terlalu tinggi sehingga mencapai tahap kekudusan?

Kita sebagai Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat, benangjawab memperbetul dan membersihkan Perlembagaan Negara dari masa ke semasa kerana ide manusia berubah dengan masa dan kita mesti ingat, apa yang dipanggil karya agung oleh Ahli Gua Musang hanyalah ditulis oleh sekumpulan manusia yang tidak bebas sepenuhnya dari kelemahan-kelemahan raasing-masing.

Tuan Speaker, apa yang saya akan bentangkan hari ini ialah isu-isu jurisprudence ataupun metriks sosio-politik sejagat yang menjadi asas perundangan kita yang berasaskan kepada budaya sejagat yang kita pegang pada hari ini. Ini adalah tanggungjawab utama Ahli-ahli Parlimen.

Perbahasan pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, yang berkisar di sekeliling pindaan-pindaan pada 6 perkara di dalam

Perlembagaan Negara perlu dianalisis secara mendalam. Apa yang saya maksudkan dengan secara mendalam ialah bahawa permasalahan ini mesti dikupas dengan bermula dari prinsip-prinsip asas dan prinsip-prinsip utama di dalam pemikiran dan perlakuan manusia mengenai pemerintahan yakni segala aspek perhubungan dan pertembungan di antara kumpulan-kumpulan yang diberi tanggungjawab memerintah dan yang diperintah.

Asas utama di dalam dinamik memerintah di bawah peradaban politik manusia sepanjang zaman ialah apa yang dipanggil "legitimacy" di dalam bahasa undang-undang. Perubahan corak-corak pemerintahan di dalam sejarah mana-mana peradaban adalah disebabkan perubahan yang berlaku pada asas "legitimacy" ini. Takrif "legitimacy", Tuan Yang di-Pertua, ialah satu pengakuan sah atau tidak sah ke atas apa-apa kuasa yang dipegang oleh sesuatu golongan yang berkuasa, oleh kuasa yang lebih kuat di dalam sistem politik yang berkenaan. Misalnya di dalam sistem demokrasi berparlimen, kuasa rakyatlah yang lebih kuat dari mana-mana kuasa. Jika rakyat tidak mengakui lagi "legitimacy" sesuatu kumpulan....

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tasek Chenderoh minta jalan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Nanti saya habiskan ayat ini. Jika rakyat tidak mengakui lagi "legitimacy" sesuatu kumpulan yang diletakkan oleh mereka di sesuatu tempat, maka terhakislah kuasa dan kedudukan kumpulan itu. Ini adalah prinsip utama yang saya ingin tegaskan di dalam perbahasan ini. Sila.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Yang Berhormat dari Padang Terap telah mengemukakan

maxim tentang supremacy Parlimen sebagai wadah suara rakyat di dalam negara demokrasi seperti kita ini. Tetapi adakah Yang Berhormat dari Padang Terap sedar bahawa ada satu Badan di dalam negara kita ini iaitu Majlis Peguam; dalam rencana pengarang *Jurnal Insaf*, pada bulan Disember yang lalu telah menghina 'Parlimen ini dengan memandang Sidang Khas Dewan Rakyat pada 10hb Disember yang lalu sebagai tidak lebih dari sekadar satu permainan.

Sidang kita yang menghasilkan kebulatan suara pada hari itu dicemuh dengan sinis. Ungkapan "The power of the people" diletakkan di dalam inverted commas seolah-olah menafikan kesahihan Parlimen sebagai kemuncak suara rakyat. Sedarkah Yang Berhormat bahawa Badan ini, Majlis Peguam ini juga dipimpin oleh seorang anak Raja iaitu Raja Aziz Eddruse? Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada 5hb Pebruari ini Majlis Peguam akan mengadakan Sidang Khasnya membincangkan masalah lidah pengarang tersebut. Adakah patut Parlimen pada hari ini menegur Majlis Peguam dan menyeru anggota-anggota Badan Peguam tersebut membetulkan suasana ini dan mengiktiraf bahawa Parlimen adalah kemuncak kepada suara rakyat di dalam negara demokrasi berparlimen?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Speaker, saya sedar dan saya sedar ramai dari ahli-ahli Bar Council akan membantah tindakan yang diambil oleh sebilangan orang-orang yang memimpin Bar Council. Di sini saya ingin menambahkan lagi bahawa apa yang ditulis di dalam Majalah *Insaf* itu adalah satu pencemaran Perlembagaan ini jikalau hendak dipegang kepada the sanctity of the constitution sepertimana yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang semalam, maka ini adalah satu pencemaran kepada supremacy of Parliament sebagaimana yang diperuntukan di dalam Perkara 71(3) dan saya harap tindakan-tindakan daripada

Parlimen untuk memberi ataupun reprimand Bar Council ataupun menegur Bar Council patut diambil.

Tuan Speaker, pada hari ini, rakyat melalui wakil-wakilnya hanya memperhitungkan apakah legitimacy ke atas beberapa aspek kuasa dan kedudukan Raja-raja MeJayu yang di sepanjang zaman ditabal, Tuan Speaker, dan disarai oleh rakyat patut ditarik balik atau tidak?

Rakyat melalui wakil-wakilnya tidak menyoal keseluruhan legitimacy Raja itu lagi. Sekarang tidak disoal, tetapi mungkin satu hari di dalam generasi yang akan datang, mereka akan terus menyoal jika kita tidak mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk memperbetulkan keadaan. Dari segi logik pemerintahan Demokrasi Berparlimen, apa-apa keputusan yang dicapai di dalam perhitungan ini adalah keputusan muktamad. Semua rakyat dan semua Raja-raja mesti patuh kepada keputusan ini. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, Perkara 38(4) dan Perkara 159(5) memberi peruntukan yang memastikan persetujuan Raja-raja terlebih dahulu didapatkan sebelum mana-mana undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan ataupun kebesaran Raja-raja boleh diperbuat.

Peruntukan di dalam Perkara 38(4) dan 159(5) ini nampaknya merupakan satu aberration di dalam rangka logik dan falsafah Demokrasi Berparlimen yang saya sebut tadi. Mengikut logik di dalam falsafah Demokrasi Berparlimen, Raja-raja boleh bertindak hanya dengan mengikut nasihat Perdana Menteri dan Menteri-menteri Besar. Di bawah peruntukan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, jikalau kita baca Perlembagaan pada keseluruhannya, asas logik yang pertama yang menyokong falsafah Demokrasi Berparlimen dan

mewujudkan Raja Berperlembagaan telahpun dicatatkan di bawah Perkara 8(1) yang berbunyi:

"Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang."

Ini telah disebut oleh ramai Ahli-ahli yang membahaskan persoalan yang kita bentang tadi.

Takrif "semua orang" ialah semua manusia, iaitu seraua rakyat dan semua Raja-raja. Raja-raja Melayu bukan Dewa Raja, iaitu half man, half God. Sebagai umat Muhammad, mereka mesti ingat Sabda Rasulullah:

"Aku hanyalah manusia biasa".

Dan kalau hendak dirujuk kepada methology Melayu pun, Sang Sapurba, iaitu Raja Melayu yang pertama telah dimanusiakan oleh Wan Empuk dan Wan Malini, iaitu Malay peasant couple, dengan izin, dan diperlembagakan oleh Demang Lebar Daun.

Dari Islam dan methology, mereka awal-awal lagi tertakluk kepada undang-undang. Justeru itu, soal mendapatkan persetujuan Raja-raja terlebih dahulu sebelum diperbuat undang-undang ini tidak berbangkit kalau kita memegang kepada logiknya yang saya kata tadi.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta jalan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sila.

Tuan Othman bin Abdul: Adakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa ada Raja yang menolak cadangan pindaan Perlembagaan ini kerana beliau berhutang sebanyak RM47 juta dan beliau enggan

membayar hutang itu. Sebab itu dia menolak imuniti ini kerana apabila dia menolak dan tidak menerima, dia tidak perlu menjejaskan hutang ini. Ada seorang Raja, hutangnya lebih daripada RM47 juta, dia enggan membayarnya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, saya pun mendengar cerita ini bahawa dia suruh Kerajaan membayar. Ini adalah satu perbuatan yang tidak berakhlak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambahkan lagi bahawa sepatutnya Perkara 38(4), kalau mengikut logik yang saya katakan tadi, sepatutnya dimansuhkan. Barulah pindaan ini menjadi lebih komprehensif seperti mana kawan-kawan kita meminta.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya Perkara 38(4) dan 159(5) tidak dimansuhkan ialah kerana Kerajaan masih lagi mahu menjaga dan mempertahankan integriti Raja-raja Melayu. Darjah ketiadaan logiknya adalah lebih rendah daripada darjah ketiadaan logik di dalam beberapa peruntukan yang termaktub di bawah sebahagian Perkara-perkara 38, 42, 63 dan 72 serta 181. Kerana memang perkara ini memberi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Dewa Raja jikalau ditafsirkan maksudnya, iaitu keenam-keenam perkara ini sebenarnya menanih Raja-raja Melayu kepada status half men half God yang mana dilarang oleh agama Islam dan juga perjanjian asal, iaitu perjanjian yang selalu saya sebut, Perjanjian Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba.

Raja-raja Melayu dan golongan-golongan yang kononnya hendak menjaga maruah Raja-raja sepatutnya insaf tentang hakikat ini. Oleh itu, mereka mestilah mempersetujui langkah yang dibuat oleh Parlimen dan akur kepada keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, manusia yang mempunyai akhlak mulia semestinya tidak takut kepada undang-undang.

Mereka sebenarnya perlu takut kepada diri mereka sendiri yang berkemungkinan besar melanggar undang-undang ini. Mereka perlu takut kepada balasan dunia dan balasan akhirat di atas perlakuan melanggar undang-undang manusia dan lebih-lebih lagi melanggar undang-undang Tuhan. Mengapa Raja-raja harus takut kepada kehilangan kekebalan terhadap dakwaan di dalam Mahkamah di atas kesalahan peribadi? Raja-raja sepatutnya merupakan cermin akhlak mulia kepada seluruh rakyat mereka. Mengapa Raja-raja mesti mempertahankan kekebalan ini yang sebenarnya merupakan pendorong kemaksiatan dan pendorong utama untuk melakukan dosa terhadap manusia dan dosa terhadap Allah Subhanahu Wa-Taala? Apakah kekebalan ini sebenarnya mempertahankan kedaulatan Raja-raja seperti mana yang diimplikasikan oleh Ahli dari Gua Musang?

Bukankah kedaulatan Raja-raja sebenarnya dipenahankan oleh sifat-sifat keimanan, ketakwaan dan akhlak yang tinggi? Saya menyeru Raja-raja Melayu supaya sebagai penyambung tali pemerintahan Khalifah-khalifah Ar-Rasyidin merenung sejenak ke atas persoalan-persoalan yang saya bawa tadi. Apakah dengan ada kekebalan Raja-raja Melayu boleh melakukan sesuatu kebaikan yang memberi manfaat dan keadilan kepada rakyat? Yang saya nampak hanyalah kemungkinan diperincikan lagi perlakuan yang didorongi syaitan iaitu membunuh, merogol, melarikan isteri orang, merampas harta rakyat dan lain-lain perlakuan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan di antara manusia dengan binatang ialah akal yang dianugerahkan Tuhan kepada manusia. Berasaskan akal ini, manusia membina sistem nilai yang membezakan di antara perlakuan baik dan perlakuan jahat. Secara simplistic, maka satu dichotomy wujud di kalangan manusia yang mempunyai peradaban. Satu

kumpulan yang berlaku baik dan satu golongan yang berlaku jahat. Golongan pertama mendekati malaikat dan golongan kedua mendekati syaitan dan tiada berakal seperti binatang. Allah Subhanahu Wa-Taala mengutuskan Nabi-nabi dan Rasul-rasul untuk membawa manusia ke jaijan yang baik yang direstunya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Timbalan Menteri minta jalan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Saya ingin bertanya tentang penglibatan Raja Kelanian dalam politik secara langsung telah menyebabkan parti-parti yang disokong olehnya menang dalam Pilihanraya Umum yang lalu dan dapat menubuhkan Kerajaan. Kita tidak boleh buat apa-apa terhadap Raja kerana imuniti dan cara begini membolehkan Raja menjadi Raja dan menjadi Perdana Menteri ataupun Menteri Besar sekali gus seperti di Brunei. Bukankah kalau perkara ini berlaku di semua negeri-negeri beraja, maka akan mundul semula Raja-raja yang mutlak dan memerintah negara kita dan segala usaha yang telah dibuat oleh Rakyat tidak akan kehilangan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau benar apa yang dilakukan oleh Sultan Kelantan itu, maka Baginda telah mencemarkan Perlembagaan ini yang melarang Raja-raja daripada berpolitik dan Parlimen boleh mengambil tindakan mengikut Perkara 71(3). Itu jawapan saya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tumpat minta jalan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya satu soalan. Apakah pendapat Yang Berhormat dari Padang Terap tentang mentidakbolehkan Raja berpolitik? Apakah sesuai dengan ajaran Islam ataupun tidak? *(Disampuk)*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan soal untuk saya menjawab. Soalnya ialah Raja Berperlembagaan disebut dalam Perlembagaan tidak boleh berpolitik, tidak boleh berniaga! Soal hukum-hukum itu tidak relevant dalam hal ini. Jadi, soalnya dia telah mencemarkan Perlembagaan Negara yang kita hendak pinda hari ini dan hendak perbetulkan. Itu soalnya dan tindakan seharusnya diambil.....

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato'Haji Taha): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Timbalan Menteri ya.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kemungkinan PAS tidak mengundi bersama dengan Barisan Kerajaan dalam hal ini. Apakah kemungkinan kerana dorongan Raja Kelantan berpolitik menyebabkan parti PAS dan 46 menang dalam pilihanraya yang memungkinkan ataupun menyebabkan PAS tidak mengundi bersama pada pindaan Perlembagaan ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Itu wallahu a'lam, saya tak boleh kata benda yang saya tak tahu. Tetapi soalnya, jikalau itu benar, maka itu adalah perlakuan yang kurang betul dari segi etika dan dari segi prinsip.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:
Yang mana satu saya hendak beri? Saya beri kepada Pasir Mas dahulu.

Tuan Ibrahim bin Ali: Saya hendak maklumkan apa yang dibangkitkan tadi adalah benar tiada perkara benar berlaku. Sekian terima kasih. Mengenai dengan Sultan Kelantan.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:
Saya tidak dapat menjawab hal itu. Kaia ianya benar maka satu kesalahan yang besar telah berlaku iaitu pencemaran kepada Perlembagaan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, bagi pandangan saya ini bukan persoalan Perlembagaan.....(Diganggu)Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat dari Padang Terap mempunyai bukti-bukti yang jelas yang menunjukkan bahawasanya Sultan Kelantan ini telah campurtangan ataupun telah berpolitik?

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:
Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Tumpat ini, bukan saya yang menuduh Sultan Kelantan campurtangan dalam politik. Yang membawa berita tadi ialah orang dari sebelah sana, bukan saya. Mengapa ditanya kepada saya? Saya kata kalau benar, saya tidak kata benar ataupun tidak kerana saya tidak tahu fakta ini. Saya kata kalau benar—salah. Kalau tidak benar—tidak salahlah. Mengapa ditanya kepada saya?

Tuan Speaker, satu mekanisme iaitu mekanisme yang unggul untuk mencapai kebaikan yang saya kata tad: ialah akhlak yang mulia. Apa yang berlaku sekarang ialah krisis akhlak. The whole question,

dengan izin, Tuan Speaker, bows to the question of moral crisis di kalangan Raja-raja Melayu. Ini sahaja. Itu asasnya. Itu atomnya.

Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

"Sesungguhnya aku dibangkitkan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak".

Dan ini dibenarkan oleh AUah S.W.T. dengan firmanNya yang bermaksud:

"Dan bahawasanya engkaulah yang mempunyai setinggi-tinggi akhlak yang mulia".

Dan keseluruhan hidup Baginda Rasulullah adalah merupakan satu pencerminan akhlak yang agung lagi mulia. Ini telah dikupas oleh Ahli dari Marang dalam bukunya. Saya telah membaca keseluruhan bukunya. Allah menyuruh kita mengambil iktibar dari teladan-teladan yang ditunjuk oleh Baginda seperti di dalam firmanNya yang bermaksud:

"Bahawa sesungguhnya pada diri Rasulullah itu segala contoh dan teladan yang baik".

Oleh itu manusia yang memimpin masyarakat bertamadun mestilah mempunyai akhlak yang mulia yang berasaskan kepada akal. Persidangan pada hari ini ialah satu rayuan rakyat supaya akhlak yang mulia dijadikan asas kedudukan Raja-raja Melayu. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, this is a massive appeal to the good sense of the Royal Highnesses to reinstate the basis of morality in the institution of monarchy melalui pindaan Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sejarah Raja-raja Melayu rayuan rakyat sebegini selalunya didengari oleh Raja-raja. Tetapi sekarang Raja-raja tidak mendengarnya. Sebab itulah Institusi Raja-raja Melayu terus hidup sehingga sekarang. Segala

perbuatan salah laku diperbaiki selepas mendengar rayuan ataupun nasihat daripada rakyat. Ketokohan Bendahara-bendahara Melayu selalunya dikaitkan dengan kekesanan mereka menasihati dan merayu kepada Raja untuk kembali ke jalan yang betul dan ketokohan Raja-raja Melayu pula adalah berkait rapat dengan kesediaan mereka mendengar rayuan rakyat ini.

Contohnya apabila Tengku Mahkota Melaka iaitu Raja Ahmad membunuh anak Bendahara Seri Maharaja kerana dastamya dijatuhkan oleh bola sepakraga yang disepak oleh anak Bendahara, Sultan Mansur Syah bertanya orang-orang istana, "Apa kata Bendahara?", sebelumpun Bendahara mengadu kepada Baginda. Jawab orang-orang istana, "Bendahara berkata, andainya orang ini menjadi Raja nanti kita tidak akan tunduk kepadanya". Maka dengan segera Raja Ahmad dibuang oleh Sultan Mansur Shah ke negeri Pahang. Riwayat ini menunjukkan kewibawaan Raja dan kewibawaan Bendahara. Raja peka terhadap perasaan rakyat.

Satu lagi contoh, Tuan Yang di-Pertua mengenai ketokohan Raja ialah kepekaan Sultan Ahmad Tajuddin terhadap perasaan rakyat jelata. Sejarah Kedah mencatatkan bahawa Sultan memerintahkan tanah-tanah di daerah Yan segera dibahagi-bahagikan kepada rakyat apabila rombongan rakyat mengadu kepada Baginda bahawa Penghulu-penghulu di Yan mengutamakan orang-orang pendatang yang baru datang. Rakyat merayu supaya keadilan ditegakkan semula. Maka Sultan pun memperbetulkan keadaan dengan mewujudkan satu undang-undang pembahagian tanah yang lebih adil.

Selepas peristiwa ini Tuan Yang di-Pertua, Sultan Ahmad Tajuddin mewujudkan sesi berjumpa rakyat pada tiap-tiap hari Jumaat untuk mendengar rayuan mereka. Amalan ini diikuti pula oleh anakanda Baginda Sultan Abdul

Hamid. Mereka akhirnya digelar oleh rakyat dengan panggilan Yam Tuan iaitu suatu gelaran kasih dari rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau dikaji betul-betul kita akan dapati bahawa kekalnya Institusi Raja-raja Melayu sehingga ke hari ini adalah disebabkan oleh penerimaan nasihat dan rayuan rakyat oleh Raja-raja Melayu,

(Tuan Yang di-Pertua *menempengrusikan Mesyuarat*)

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: (*Bangun*)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sila Raja.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Yang di-Pertua: : Ya. Raja dari Baling.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Saya bangun kerana hendak bertanya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan Raja buat perjumpaan dengan rakyat setiap hari Jumaat. Adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya dalam keadaan negara sekarang di mana perjumpaan dengan rakyat dibuat oleh Wakil Rakyat, adakah Yang Berhormat menggalakkan supaya Raja-raja juga turun pada hari Jumaat ataupun hari-hari lain berjumpa rakyat. Pada pandangan saya ini mungkin trend yang akan membawakan kekacauan dalam negara.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah soalan situasional. Pada masa sekarang kalau Raja-raja disuruh jumpa rakyat, kacaulah Kerajaan. Tapi apa yang saya cerita itu ialah mengenai kepekaan Raja terhadap nasihat dan juga rayuan-rayuan dari rakyat, iaitu Raja dengar nasihat. Macam misalannya apa yang saya cuba hendak katakan tadi ialah Raja-raja

kelmarin tidak dengar nasihat rakyat yang dibuat melalui pucuk pimpinan rakyat—9-0. Tapi apa yang saya hendak tekankan di sini ialah Raja-raja dahulu mendengar nasihat walaupun tidak datang daripada pucuk pimpinan rakyat, ia datang straight daripada grassroot. Raja masih dengar dan dia memperbetulkan keadaan. Jadi itulah yang saya hendak tekankan. Jadi kalau ini dilakukan oleh Raja-raja—mendengar rayuan dan aduan rakyat, maka Raja-raja itu akan lebih peka tentang keadaan.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Saya bangun bertanya tadi, saya takut kalau-kalau ucapan Yang Berhormat dipetik out of context. Saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Jadi supaya ini tidak dipetik secara out of context, baru-baru ini kita tengok ada Raja yang turun untuk menemui rakyat dengan berbagai-bagai aktiviti. Saya takut aktiviti yang begitu akan mencanggahkan kita dengan Raja dan rakyat juga akan keliru. Maka akan bangkit bermacam-macam masalah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya, saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat tadi sebab apa yang saya kata mesci dilihat di dalam konteks dan pada hari ini kalau Raja-raja hendak menemui rakyat pun kita mesti melihat bahawa Raja-raja itu mempunyai niat common good bukan untuk sectoral good seperti apa yang berlaku sekarang.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Raja Tajuddin dan Raja Abdul Hamid berbuat demikian pergi ke masjid pada setiap hari Jumaat berasaskan kepada ketaqwaan Baginda-baginda, berasaskan keinsafan Baginda-baginda terhadap agama dan sebagai contoh teladan kepada rakyat

untuk diikuti. Berbeza dengan keadaan sekarang di mana Raja-raja menggunakan masjid untuk berpolitik. Dan apabila berjaya melakukan sesuatu dengan kehendak mereka, maka berhentilah mereka daripada pergi ke masjid-masjid.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sejarah Kedah memberitahu kita bahawa Sultan Ahmad Tajuddin dan Sultan Abdul Hamid adalah orang-orang yang bertaqwa, orang-orang yang waraq, malah Sultan Abdul Hamid sendiri menjadi Imam dan Khatib di Masjid Zahir, iaitu masjid utarna di negeri Kedah dan ia menjadi betul-betul Imam dan Khatib. Bukan lepas menjadi Imam dan Khatib, lepas itu pergi main judi di istana.

Ini berbalik kepada apa yang saya kata tadi....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, di belakang ada yang bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Berbalik kepada apa yang saya kata tadi, iaitu asas legitimasi Raja adalah akhlak mulia yang berasaskan kepada keimanan dan ketaqwaan. Jangan lupa apa yang saya kata pada mula tadi, jangan ambil apa yang saya kata "out of context". Sultan Ahmad Tajuddin dan Sultan Abdul Hamid adalah orang yang berakhlak mulia, bertakwa dan beriman. Ini diberitahu oleh sejarah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hendak bercakap tak boleh, tetapi soalan bolehlah. Bercakap tentang akhlak, adakah Yang Berhormat dari Padang Terap bersetuju bahawa Raja-raja ini kena ingat mereka ini terhutang budi kepada UMNO dan rakyat, kerana kita telah mempertahankan dan meletakkan mereka ini di satu tempat yang begitu mulia di dunia. Inikah balasan

yang kita terima daripada Raja-raja ini sedangkan pindaan Perlembagaan yang kita hendak luluskan ini adalah untuk mempertahankan maruah, martabat dan kedudukan Raja-raja supaya mereka ini disanjung dan dihormati oleh rakyat dan juga dunia? Adakah ini cara Raja membalas budi kepada UMNO dan rakyat yang telah berbudi kepada mereka? Bukan UMNO hendak menagih budi, tetapi adakah ini cara bangsa Melayu membalas budi kepada orang yang telah berbudi? Terima kasih.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Professor Khoo Kay Kim membuat kenyataan akhbar bahawa Raja-raja berhutang budi kepada UMNO, saya lebih dulu berkata di tempat ini pada 10 Disember 1992, iaitu UMNOlah yang menyelamatkan Raja-raja daripada keadaan yang sedang tumbang, satu institusi yang sedang reput. Maka UMNO melalui penentangan terhadap Malayan Union telah menyelamatkan Raja-raja itu. Dan saya sebut di masa ucapan saya pada 10 Disember, kita terlampau sayang kepada Raja sehingga kita mengadakan banyak ciri-ciri di dalam institusi Raja pada hari ini melebihi daripada apa yang ada di zaman kesultanan Melaka dahulu, daripada Tun sehingga PJK, ingatkah saya sebut dahulu? Daripada Tun sampai PJK, fasal zaman Sultan Melaka tak ada PJK, hanya ada Tun, Tan Sri pun tak ada, Dato ada satu. Sekarang kita ada lirma kategori Dato.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Berhubung dengan Yang Berhormat dari Padang Terap kata tadi, dalam Perkara 38(4) itu hasilnya 9-0. Setujukah Yang Berhormat, kalau kita buat macam Sardar Patel di India. Di India selepas merdeka, dia ada 517 Maharaja. Bila dia hendak minta persetujuan Raja ini, dia panggil semua Maharaja ini ke satu hotel yang besar,

selepas itu berbincang. Hari pertama tak ada keputusan, semua tak bersetuju, sebab hendak tarik balik kekebalan. ini. Jadi hari penama selepas tak bersetuju, Patel lingkungan hotel itu dengan askar. Hari yang kedua, tak setuju juga, dia potong telefon. Hari yang ketiga, dia potong air. Hari yang keempat, dia potong elektrik supaya Maharaja itu tidur dalam gelap. Hari yang kelima, dia tahan semua makanan tak beri masuk. Hari yang keenam, semua berseluju. (*Ketawa*) Hari yang hendak balik itu, salah seorang daripada Maharaja bertanya kepada Sardar Patel, kenapa dia buat macam itu, kenapa dia tak dengar pendapat Maharaja. Sardar Patel dalam classic replynya dia kata, I'll never ask the consent of the chicken before I slaughter it. (*Ketawa*) Saya tidak pernah bertanya ayam apabila saya hendak sembelih dia. Mestilah, mana ada kiia tanya ayam yang hendak kita sembelih! (*Ketawa*) Bagaimana kalau kita buat macam itu berhubung 38(4) ini? (*Ketawa*)

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, cara itu adalah cara orang Melayu dulu buat yang mana saya beritahu kepada Ahli dari Bayan Baru semalam. Yang Perdana Menteri kita hendak buat ini adalah cara yang lebih beradaban. Dulu bukan 6 hari, sehari sahaja dia tikam Raja (Sultan Mahmud) di Kota Tinggi. Dia "ligan" Raja Bersiong tiga hari sahaja, sampai ke hujung negeri Kedah, iaitu Laut Kalzom di negeri Kedah pada masa itu ialah Baling (*Ketawa*), lebih daripada itu lak boleh pergi dah! Jadi, orang Melayu buat dalam tiga hari sahaja. Tetapi yang hendak dibuat oleh Perdana Menteri sekarang mengambil masa sampai 3 bulan kalau hendak ikut proses yang hendak dilakukan, pergi-balik, pergi-balik sebulan hendak tunggu dia.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:

(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Setar,

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:

Tuan Yang di-Pertua, tetapi nampaknya di sini, orang Kedah kata terbalik 'kuang' (*Ketawa*), Raja-raja buat kepada Perdana Menteri kita, Timbalan Perdana Menteri kita dan Menteri Kewangan kita. Jadi, hari ini dia kata, minta 16 hari hendak kaji. Lepas itu, dia minta lagi masa hendak kaji. Lepas itu, sampai hari Ahad, orang lain semua dok main golf, orang pergi berkelah bawa anak-bini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pakai kot dengan songkok dok ready hendak pergi ke istana. Bila pergi, pergi, dapat 9-0. Jadi, kita pula kena. Saya ingat elok kita buat macam Sardar Patel. (*Ketawa*)

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibuktikan dengan insiden yang dua, tiga hari berlaku ialah membuktikan kepada kita bahawa Perdana Menteri kita, Timbalan Perdana Menteri kita dan Menteri Kewangan adalah orang-orang yang lebih beradaban daripada Raja-raja Melayu. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, Raja-raja Melayu yang sedar bahawa mereka wujud kerana adanya rakyat, tetapi rakyat boleh terus wujud tanpa Raja, akan selalu mendengar nasihat dan rayuan rakyat. Kebolehan Raja-raja Melayu menyekat perlawanan, "the inevitability of history" di kalangan mereka ialah kerana wujudnya keinsafan yang ditanam oleh sumpah Demang Lebar Daun dulu. Sebab itulah apabila Raja-raja di negara lain tumbang satu demi satu, Raja-raja Melayu terus bersemayam di atas takhta masing-masing, kecuali Raja-raja Melayu di Indonesia dan di Pilipina. Orang-orang Malaysialah yang mempunyai Raja yang terbanyak di dunia, seperti yang disebut oleh Ahli dari Jelutong tadi dan saya mencadangkan "the Guinness Book of Records" memasuki rekod ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengatakan bahawa pindaan ini akan mengekalkan institusi Raja-raja di

Malaysia, ianya merupakan satu kenyaiaan yang benar, yang tidak boleh disangkal lagi. Tidak ada sebab mengapa Raja-raja harus berasa malu dengan kemungkinan dibawa ke muka pengadilan rakyat. Rakyat yang menabal Raja, mengapa pula rakyat dinafikan untuk mengadili Raja?

Golongan yang menentang pindaan Perlembagaan ini mahukan Raja-raja diadili oleh Tribunal yang terdiri dari diri mereka sendiri. Tidak menyedari sebenarnya bahawa gagasan ini di samping tidak mempunyai practicality, ianya tertandus dari segi rasional sosiological. Ketidadaan practicalitynya adalah di dalam bentuk ketidakupayaan menyiasat untuk mendapat bukti, lantaran peruntukan di dalam Perkara 72(4) jika tidak ditambah Pasal (5) seperti dicadangkan di dalam pindaan ini. Mana bisa sesuatu kes pelanggaran undang-undang diadili oleh Raja-raja itu sendiri jikalau rakyat yang dipukul oleh Raja tidak boleh mengadu kepada Polis dan Polis pula tidak boleh menyiasat perkara perlakuan ini. Sekalipun kumpulan ini menerima cadangan ditambah Pasal (5) di dalam Perkara 72 Perlembagaan Negara dan seterusnya membolehkan Polis memasuki istana untuk mendapatkan statement, penubuhan tribunal yang terdiri dari Raja-raja itu sendiri tidak mempunyai asas sociological yang membolehkan tribunal ini berfungsi dengan berkesan.

Saya berkata begini, Tuan Yang di-Pertua, kerana sesuatu tribunal adalah berasaskan kepada apa yang dipanggil "peer group", iaitu kumpulan yang terdiri dari individu-individu yang agak sama setaraf daya intelek, akhlak dan ilmu pengetahuannya. Tribunal yang dibentuk oleh "peer group" sebegini sahajalah yang mampu raengadili ahli-ahlinya dengan pertimbangan yang objektif dan adil.

Jikalau sesuatu tribunal ditubuhkan dari ahli-ahli yang berbeza tahap intelek, akhlak dan ilmu pengetahuan yang sejauh langit dengan bumi, maka tribunal itu

tidak akan berdaya mengadili ahli-ahlinya. Ahli yang mempunyai tahap intelek akhlak dan ilmu pengetahuan yang tinggi akan menggunakan neraca-neraca yang objektif dan berasaskan kepentingan keseluruhan masyarakat, dengan izin, common group. Di sebaliknya, ahli yang tidak tahu membeza di antara hari hujan dengan hari panas akan menggunakan neraca subjektif yang berasaskan kepentingan parochial, maka akan berlaku pergeseran di antara sama sendiri. Justeru itu, tribunal yang dianggotai sebegini bukan sahaja tidak boleh berfungsi, malah dari segi nilai akademiknya pun ianya tidak mempunyai nilai.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang yang mengatakan bahawa pindaan Perlembagaan ini merupakan satu hukuman kepada Raja-raja yang tidak terlibat di dalam perlakuan jenayah. Sebenarnya persepsi ini adalah salah kerana pindaan ini adalah semata-mata bertujuan menjadi penghalang kepada mana-mana salah laku di hari muka.

Apakah Undang-undang Anti-Dadah Merbahaya itu merupakan satu hukuman kepada orang-orang yang tidak menggunakannya? Adakah orang-orang yang menjauhi dadah merbahaya merasai diri mereka dihukum oleh Kerajaan lantaran penguatkuasaan undang-undang itu?

Saya sebagai seorang yang tidak pernah mengguna atau berniaga dadah merbahaya hanya akan berasa dihukum apabila saya mempunyai niat untuk berniaga dan mengguna dadah merbahaya itu. Adakah orang-orang yang menuduh Kerajaan menjatuhkan hukuman ke atas Raja-raja ini mempunyai niat untuk memberi kemudahan kepada Raja-raja dan zuriat-zuriat mereka melakukan kesalahan seпени yang telah dilakukan? Logik memang menunjuk ke arah itu, iaitu kumpulan ini berniat untuk memberi peluang kepada Raja-raja terus bermaharajalela.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat di dalam keghairahan mereka memper-tahankan kedaulatan Raja kononnya dengan tanpa sedar mereka menjadi penyokong yang membawa rebah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyerulah kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini supaya memainkan peranan masing-masing sebagai moral beings, iaitu manusia berakhlak, kerana undang-undang manusia tamadun adalah berasaskan kepada tahap moraliti yang tinggi. Sebagai moral beings, kita bertanggungjawab mengikis unsur-unsur kezaliman ataupun tyranny yang terkandung di dalam Perlembagaan negara. Kezaliman selalunya merupakan sifat pemerintahan Beraja dahulu kala yang memberi keistimewaan yang hanya menguntungkan Raja dan kaum bangsawan dengan mengorban hak dan kesejahteraan rakyat. Dengan menyokong pindaan ini, kita akan melangkah beberapa tapak lagi ke arah memperbetulkan Perlembagaan negara kita agar ianya menjadi lebih sempurna sebagai asas undang-undang negara yang lebih enlightened, dengan izin. Herbert Spencer, seorang ahli falsafah Barat menyatakan bahawa di dalam keadaan enlightenment politics sesebuah negara, saya quote, dengan izin:

"The law will have no other justification than that gained by it as a maintainer of the conditions to complete life in the associated state."

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan "complete life in the associated state" adalah satu ideal yang sepatutnya dikejar oleh mana-mana Kerajaan jua. Di dalam keadaan ideal ini akan wujudlah rakyat yang dipanggil oleh Aristotle sebagai "full citizens". Rakyat yang sedemikian mengambil bahagian yang sepenuhnya di dalam penggubalan undang-undang ataupun legislation dan pentadbiran keadilan ataupun the administration of justice.

Pada hari ini suatu proses pengujian terhadap kita, iaitu Wakil-wakil Rakyat, sedang berlaku, di mana sebagai moral beings and full citizens, dengan izin, apakah kita mempunyai komitmen untuk memperbetulkan kecacatan atau abberation di dalam Perlembagaan negara kita ini? Sejarah selepas merdeka telah menunjukkan bahawa abberation ini telah mencetuskan tyranny di dalam semua bentuk jenayah.

Persoalan ini adalah persoalan moral, Tuan Yang di-Pertua. Ianya tidak boleh dipolitikkan kerana ianya mengatasi bidang politik. Persoalan yang bersangkutan dengan perlakuan membunuh, merogol, menampar, melarikan isteri orang dan lari dari membayar hutang dengan secara sewenang-wenangnya, tanpa dikawal oleh mana-mana undang-undang adalah persoalan moral yang mengatasi boundary politic ataupun, dengan izin, which transcends the political boundary.

Sesiapa yang cuba mempertahankan kekebalan dari kawalan undang-undang terhadap perlakuan jenayah ini adalah kurang kefahaman mengenai akhlak atau moraliti atau boleh saya mengatakan tidak mempunyai akhlak langsung. Dan sesiapa yang cuba mengeksploitasikan keadaan ini untuk kepentingan politik yang sempit akan diadili oleh sejarah sebagai orang-orang yang mengeneipikan kemanusiaan untuk mempertahankan tyranny.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Raja-raja Melayu saya merayulah supaya mereka terus mempertahankan kearifan Raja-raja Melayu yang meraerintah sebelum mereka, di dalam pertembungan kepentingan dengan rakyat ini. Ketepikanlah Si Kitol-Si Kitol dan Raja-raja Mandeliar yang merupakan sokong yang membawa rebah. Kearifan Raja-raja sekalian akan meneruskan keunikan bangsa Melayu yang ingin mendukung Raja sehingga hari kiamat. Pada hari ini mungkin Raja-raja akan berasa marah kepada UMNO dan pemimpin-pemimpinnya. Tetapi di hari muka,

pewaris-pewaris takhta Raja-raja akan memberi penghargaan kepada Dato' Seri Dr Mahathir kerana menyelamatkan institusi warisan bangsa ini. *(Tepuk)*

Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ikhlas menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) di dalam beberapa aspek Perkara-perkara 32, 38, 42, 63, 72 dan 181. Sekian, terima kasih. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat dipersilakan menjawab. Saya rasa sudah cukuplah ucapan.

8.35mlm.

Perdana Menteri; Tuan Yang di-Pertua, sebagai pembawa Rang Undang-undang bagi pihak Kerajaan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993.

Saya juga mengucapkan lerima kasih kepada Ahli-ahli yang ingin mengambil bahagian, tetapi tidak mempunyai kesempatan kerana saya yakin majoriti daripada Ahli-ahli yang ingin mengambil bahagian ini juga berhasrat untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional yang telah menyatakan sokongan mereka dan parti-parti mereka terhadap pindaan ini.

Saya juga amat menghargai pandangan, hujah dan sokongan Ahli-ahli Backbenchers yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang jelas ialah Ahli-ahli daripada pihak Pembangkangpun berpendapat bahawa kekebalan Raja tidak harus ada dan perlu dihapuskan.

Pemimpin Semangat 46 pun berpendapat bahawa Raja tidak boleh dibenar melakukan jenayah dan, jika dilakukan, tindakan hendaklah diambil terhadapnya. Semua berpendapat bahawa Perlembagaan sekarang tidak menyediakan peruntukan supaya Raja yang melakukan jenayah boleh dihukum. Secara tidak langsung, mereka rnenyokong pindaan yang dibawa oleh Kerajaan melalui Rang Undang-undang yang sedang dibahas, hanya mereka berasa geli untuk memberi sokongan kepada Kerajaan. Justeru itu, mereka mencari bermacam-macam helah dan lubang-lubang untuk mereka terjun ke dalam, untuk melindungi diri mereka. Ini tidak hairanlah kerana memangpun Ahli-ahli Pembangkang ini walaupun benda yang benar, mereka didapati amat sukar untuk menyokong sesuatu yang benar, jika dianya datang daripada Kerajaan. Malang bagi negara ini kerana dalam perbahasan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita memberi kebebasan kepada Ahli-ahli Barisan Nasional untuk mengundi, sama ada mengundi menyokong ataupun menentang pindaan ini—bebas, vote by your conscience, kata orang.

Tetapi oleh kerana diprogramkan, (*Ketawa*) Ahli-ahli daripada parti Pembangkang malangnya tidak dapat membuat keputusan sendiri. Ahli dari Jelutong pun pada mulanya nampak baik betul. Pada 10hb Disember, 1992 bukan main lagi sokong, tetapi sekarang ini, "Tuan" sudah balik, sebab itu berasa lega. (*Ketawa*) (*Tepuk*) Sebenamya dia berasa berterima kasih kepada Dewan ini yang menghalang "boss" dia hadir selama 8 bulan, sebab itu dia bebas. (*Ketawa*) Hari ini dia tidak bebas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan kenapa Kerajaan mengambil pendekatan yang dibuat hari ini. Saya telah raenjelaskan bahawa masalah Raja melakukan perbuatan yang melampaui hak: bukanlah perkara yang baru. Sejak

zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri lagi masalah ini telah ada. Selama 35 tahun usaha telah dijalankan untuk menangani dengan mengambil kira maruah Raja. Ini ditimbulkan soalan kenapa sekarang dan tidak dahulu. Ahli Yang Berhormat daripada Jelutong seolah-olah marah kenapa tidak daripada dulu mengambil tindakan.

Saya ingin menjelaskan bahawa kami di sebelah sini adalah orang yang bersopan-santun. Tidaklah kasar seperti Ahli Yang Berhormat itu. Cara dia bercakap, cara dia bertindak lebih meraungkinkan kegagalan daripada kejayaan. Kalaulah dia terima tawaran ataupun jemputan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya dia pergi berunding dengan Raja untuk Raja terima apa yang ada dalam ini, saya yakin 30 tahun atau 100 tahun lagi pun duduk tanya begitu juga. Tidak boleh hendak buat apa, tidak akan bejaya. Tetapi kita buat secara lembut. Kita sanggup pergi balik, pergi balik berusaha supaya akhirnya kita mencapai kejayaan.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan memandangkan kenyataan Majlis Raja-Raja, saya pun tidak tahulah sama ada palsu ataupun tidak. Walau bagaimanapun, ada menyebutkan beberapa perkara termasuk rela untuk berunding dengan selanjutnya. Dan dengan pengalaman Yang Amat Berhormat selama 11 tahun memegang teraju Kerajaan dan saya percaya dengan hati yang mulia, dengan sikap baik hati Yang Amat Berhormat, adakah berhasrat untuk berunding beberapa kali lagi walaupun perundingan kadangkala mewujudkan keadaan yang pahit?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ada berundinglah 11 tahun, (*Ketawa*) (*Tepuk*) Sudah sampai masanya the straw broke the camel's back. Kalau tengok saya tidak berapa berdiri betul sekarang ini, sebab sudah patah tulang belakang kerana straw itu tadi! Kalau tidak, Kerajaan tidak akan inembawa cadangan ini. Tetapi kita telah berusaha, tetapi kita gagal. Kita adalah orang yang sabar sebab itu 11 tahun barulah kita datang ke sini dan cuba jalan ini pula. Kerana saya cukup baik terutama dengan Raja-raja yang disebutkan berkali-kali di dalam Dewan ini. Saya berbaik-baik. Kerana itulah cara saya untuk mengatasi masalah ini, malangnya gagal,

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah-membangkitkan beberapa perkara beriienaan dengan dakwaan bahawa seorang caddie telah mati dipukul. Kerajaan tidak mengambil tindakan kerana tidak ada laporan Polis yang dibuat. Mungkin ini kerana pihak berkenaan takut kepada kekebalan Raja dan Akta Hasutan. Rakyat tidak percaya mereka akan mendapat keadilan. Dengan itu tidak ada laporan yang dibuat dan saya juga tidak menerima apa-apa maklumat secara rasmi.

Ahli Yang Berhormat telah berkata bahawa dia telah menghanlar surat kepada saya, tetapi saya tidak ingat melihat apa-apa surat daripadanya. Dan....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tidak menyatakan saya ada menghantar sepucuk surat mengenai perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Surat yang ada dinyatakan adalah surat kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengambil tindakan dan memberi satu audience kepada parti DAP dengan tujuan ambil

tindakan ke atas Sultan Johor apabila beliau memukul dua ADUN di Johor Bahru. Bukan perkara ini. Langsung tidak ada sangkut dengan perkara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, selepas Ahli Yang Berhormat membuat kenyataan yang sama semasa perbahasan pada IOhb Disember, 1992, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyatakan kepada saya bahawa dia tidak menerima apa-apa surat daripada Ahli Yang Berhormat. Saya tidak tahulah sama ada dia bohong ataupun Agong bohong, saya tidak tahu. Tetapi, itulah setakat yang saya tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Itu surat bukan daripada Yang Berhormat dari Jelutong, tetapi daripada saya, yang dihantar. (*Ketawa*) Yang sebenarnya, Yang Berhormat dari Jelutong pun ada sebut surat itu daripada saya kepada Yang di-Pertuan Agong untuk meminta mengadakan satu audience. Itulah untuk memperbetulkan kesilapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. (*Boo!*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya yang silap tetapi programming dia itu kepada kawannya. (*Ketawa*) (*Tepuk*) Dia tekan butang tidak kena. Lain kali belajar macam mana hendak program dulu, lepas itu tidak silap. (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan tadi mengenai caddie ini. Oleh kerana tidak ada laporan Polis, tidak ada tindakan yang ada diambil, maka adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar peruntukan seksyen 14 Kanun Acara Jenayah. Saya baca seksyen itu: (*Dengan izin*)

"14 (a) Every police officer and every Penghulu shall forthwith communicate to the nearest Magistrate or police officer not below the rank of Inspector,

any information which he may have obtained respecting the occurrence of any sudden or natural death, or any death under suspicious circumstances.

- (b) The finding of a dead body of any person without its being known how such person came by his death."

Tidakkah ada satu laporan dibuat mengenai kematian caddie ini? Oleh kerana jikalau caddie ini ada meninggal, keperluan untuk hantar mayat itu ke hospital dan untuk dikebumikan mayat itu, satu laporan Polis harus dibuat. Itu pun tidak ada apa-apa mengenai perkara ini.

Sebagai Menteri Dalam Negeri, Yang Amat Berhormat tidak mengetahui adakah laporan dibuat? Jikalau laporan tidak dibuat, adakah menjadi kesalahan di bawah seksyen ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada tiap-tiap hari di Malaysia ini ramai orang mati. Some of them, circumstances dia itu kita tidak berapa tahu. Kalau semua itu hendak lapor kepada saya, teruklah saya. (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh: Ramai orang meninggal dunia hari-hari. (*Ketawa*) Tetapi hari-hari mereka meninggal bukan oleh kerana dihantam oleh seorang Yang di-Pertuan Agong! (*Ketawa*) (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinannya ialah pihak polis ini tidak ada syakwasangka, mereka tidak lihat kejadian ini dan mereka cuma diberitahu si pulan, si pulan mati dan biasanya polis mengeluarkan surat menyatakan kematian telah berlaku. Hakikatnya, saya tidak diberi maklumat. Jadi, bagaimana dia hendak tuduh saya pula?

Tuan R. Karpal Singh: Sebagai Menteri Dalam Negeri dan sebagai Perdana Menteri, dengan ikhlas, bolehkah memberitahu sekarang kepada Dewan yang mulia ini, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar perkara ini ada berlaku? Ini dengan ikhlas, jangan bohong-bohong. (*Ketawa*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, sehingga kini bermacam-macam cerita telah didengar tetapi tidak ada apapun yang jelas yang membolehkan penyiasatan dijalankan. Saya yakin sekalipun penyiasatan diadakan, tidak akan ada sesiapa yang akan memberikan maklumat.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan. Apa yang saya tanyakan ialah, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar? Bukannya siasatan ada dibuat ataupun tidak. Itu lain, kita tunggu Rang Undang-undang. Adakah sedar atau tidak, yes or no?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, sebab itu saya boleh bercakap. Kalau saya tidak sedar, maknanya saya sedang lenalah. (*Ketawa*) Mungkin beliau bermaksud, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu? Itu lainlah, ini beliau bertanya sama ada sedar. Jawabnya, saya sedarlah. (*Ketawa*) I am conscious, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan. Adakah Yang Amat Berhormat tahu? (*Ketawa*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu. (*Ketawa*) Inilah satu daripada kesan keadaan kedudukan Perlembagaan yang ada sekarang ini, kerana tidak akan ada sesiapa yang akan memberikan maklumat kerana pindaan ini belum dibuat, dan mereka berasa takut. Sebab itulah kita berhasrat untuk membuat pindaan ini dan sepatutnya Ahli Yang Berhormat sokong tetapi saya tahu beliau tidak akan sokong. Dahulu beltau

telah membuat kenyataan hendak menyokong tetapi sekarang "Boss" sudah balik.

Berkenaan satu lagi kes yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong—keputusan dibuat oleh mahkamah. Sekali lagi asas keputusan itu ialah Perlembagaan dan undang-undang yang dikatakan memberi perlindungan kepada Raja untuk melakukan jenayah. Dalam kes-kes lain juga, alasan kekebalan diberikan. Sebab itulah kita hendak pinda, kerana alasan ini diberi oleh mahkamah. Mahkamah membuat tafsiran bahawa ada kekebalan. Mungkin mahkamah dispute atau mungkin saya dispute tetapi itulah keputusan mahkamah. Sama ada undang-undang benar memberikan kekebalan atau menakutkan, hakikatnya ialah, jenayah yang dilakukan oleh Raja tidak boleh didakwa dan dihukum mengikut undang-undang biasa. Sekali lagi peruntukan perlu dibuat melalui Perlembagaan atau apa-apa undang-undang supaya jenayah yang dilakukan oleh Raja dapat diadili dan rakyat biasa diberikan perlindungan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan terlalu gopoh dan tidak memberikan masa kepada Raja-raja untuk menimbang cadangan Kerajaan ini? Rakyat semua tahu, bila undang-undang ini diumumkan, isi kandungannya telah diumumkan dengan jelas pada bulan Disember, 1992—tahun sudah. Kertas yang mengandungi butir-butir berkenaan undang-undang dan ulasan telah disampaikan lebih awal kepada Raja-raja daripada kepada Ahli-ahli Dewan. Penjelasan telah dibuat oleh Peguam Negara dan juga oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Sungguhpun pada mulanya Majlis Raja-raja dijadual membincangkan Kertas ini pada 16hb Januari, tetapi pada 9hb Januari, Majlis Raja-raja telah mengadakan perjumpaan dengan saya, •

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan di mana isi kandungan Kertas ini telah dijelaskan.

Pada 16hb Januari, saya, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sekali lagi berjumpa selama dua jam untuk membincangkan Kertas ini dengan lima orang Raja, iaitu majoriti. Dalam perbincangan ini kami diberitahu tentang persetujuan kelima-lima Raja mengenai penghapusan immunity, penghapusan penganan Akta Hasutan kepada Ahli-ahli Dewan dan cara-cara Lembaga Pengampunan dikendalikan. Yang disyorkan oleh pihak Raja yang hadir ialah cara mengadili Raja yang bersalah. Tidak ada syor menolak Rang Undang-undang ini. Di antara cadangan yang dibuat ialah: Raja yang bersalah akan diturunkan daripada menjadi Raja oleh sebuah badan ataupun tribunal yang dianggotai oleh anggota Majlis Raja-raja. Selepas diturunkan dari takhta dan menjadi rakyat biasa, barulah Raja berkenaan dihadapkan ke mahkamah biasa dan dihukum, jika didapati bersalah.

Pihak saya dan rakan-rakan saya tidak bersetuju dengan syor ini kerana jika selepas diturunkan dari takhta dan mahkamah mendapati Raja tidak bersalah, maka beliau tidak dapat menaiki takhtanya semula. Lagipun oleh kerana Raja-raja yang menduduki badan ini mungkin berasa serba salah kerana mereka ada yang terdiri daripada keluarga juga, maka Raja tidak akan diturunkan dari takhtanya. Dengan itu, rakyat yang terkilan tidak akan mendapat keadilan.

Justeru itu, pihak kami telah mencadangkan supaya satu mahkamah khas yang dianggotai oleh Hakim-hakim ditubuhkan untuk mengadili Raja tanpa menurunkannya dari takhta terlebih dahulu. Hukuman yang akan dikenakan hendaklah mengikut undang-undang biasa. Persetujuan kemudiannya dicapai dan Peguam Negara pula dipanggil untuk diberi butiran penuh supaya beliau dapat mengubal undang-undang berkenaan dan

pihak Kerajaan berpendapat perkara ini telah selesai. Tetapi kemudian, Peguam Negara telah diberitahu bahawa Raja-raja tidak bersetuju dengan mahkamah yang dianggotai oleh tiga orang Hakim, iaitu Ketua Hakim Negara, seorang Hakim yang dipilih oleh Ketua Hakim Negara dan seorang Hakim atau bekas Hakim yang dipilih oleh Majlis Raja-raja. Peguam Negara diberitahu bahawa sepatutnya ada lima orang anggota, iaitu: Ketua Hakim Negara dan 4 orang yang dipilih oleh Majlis Raja-raja.

Pada 17hb Januari, saya, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bersama Peguam Negara sekali lagi dijemput ke Istana Negara pada pukul 4.00 petang. Turut hadir dalam perjumpaan itu ialah 4 orang Raja, 2 pemangku Raja dan Yang di-Pertuan Agong. Sekali lagi perbincangan diadakan yang bertumpu kepada bilangan Hakim untuk mahkamah khas dan cara-cara mahkamah ini menjalankan kerja dan butiran-butiran lanjut. Tidak ada tanda yang cadangan ini tidak dipersetujui. Soal kekebalan, Akta Kekebalan, Akta Hasutan tidak dibangkitkan. Hanya Raja yang hadir tidak sanggup membuat pengakuan bertulis walaupun yang hadir adalah majoriti. Perjumpaan bersetuju bahawa keputusan akan dibuat dalam mesyuarat Majlis Raja-raja pada pagi hari Isnin, 18hb Januari, 1993, iaitu pagi semalam.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang serius kerana di dalam akhbar Yang Amat Berhormat telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa 6 Raja telah berseluju. Adakah kemungkinan mereka hanya berdiam sahaja. Kalau mereka itu berdiam sahaja adakah maknanya mereka bersetuju. Itu sahaja yang saya hendak tahu sebab orang-orang di sini tidak ada di situ dan saya pun tidak ada di situ, cuma 4 orang

sahaja yang ada di situ, dan kita cuma membuat bising sahaja. Kalau kita tidak ada, jangan buat bisinglah. Saya hendak minta kebenaran sahaja untuk mengetahui hakikatnya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbincangan yang diadakan, tidak disentuh soal peruntukan-peruntukan lain dalam Rang Undang-undang Pindaan itu. Yang dibincang ialah berkenaan dengan mahkamah. Tidak boleh diadakan mahkamah itu kalau tidak ada pindaan. Bermakna kalau kita bercakap butir berkenaan dengan detail berkenaan dengan mahkamah, yang lain tentulah sudah dipersetujui. Dan kita tidak diberitahu bahawa kami tidak bersetuju. Tidak ada langsung sebut "tidak bersetuju." Kalau tidak bersetuju, apakunanya yang kita bercakap fasal mahkamah. Macam mana struktur mahkamah, berapa orang jadi hakim, cara raana bicara, kononnya kalau ada kes tidak ada mention di dalam Lower Court tetapi straight kepada Mahkamah Khas. Dan kita bersetuju dan mereka juga bersetuju, bermakna mereka bersetuju.

Dengan itu, tiga orang yang pergi ini bersama dengan AG yang ada bersama berpendapat bahawa 6 orang Raja yang hadir, tidak ada masuk Agong kerana Agong tidak menjadi Ahli dalam Majlis Raja-raja. Anaknyanya yang menjadi Ahli. Jadi, daripada 7 orang yang hadir itu, ada 6 orang yang akan menghadiri Majlis Raja-raja pada keesokan hari. Dan 6 orang ini tidak menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju. Sebab itu, kami percaya mereka bersetuju. Apabila ditanya oleh pihak akhbar, kita kata nampak cerah. Apa lagi yang boleh kita fikir?

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Oleh kerana ini satu perkara yang mustahak untuk pengetahuan orang ramai. Oleh kerana inilah mungkin "root of the crisis" yang kita menghadapi, adakah kalau saya tidak silap, anggapan saya ialah bahawa daripada kenyataan atau laporan Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri ialah bahawa baik pun dalam mesyuarat 16hb atau 17hb baru-baru ini tidak pernah ada Raja-raja yang secara lisan sungguhpun tidak formal. Secara lisan pun, tidak ada Raja-raja yang memberi persetujuan mengenai peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini. Apa-apa peruntukan tidak ada kata bahawa mereka bersetuju. Dan dalam mesyuarat 17hb di mana nampaknya perbincangan ialah mengenai penubuhan Mahkamah Khas pun tidak ada Raja-raja yang kala bahawa mereka bersetuju. Adakah keadaan ini benar atau apa yang dapat tangkap?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kami dijemput pada 16hb, sebelah petang, kerana kami diberitahu bahawa berkenaan dengan Akta Hasutan berkenaan dengan immunity, mereka sudah bersetuju. Hanya mereka ingin membincang cara-cara unluK mengadili Raja-raja. Dan semasa berjumpa dengan 5 orang Raja pada pagi itu, pukul 12.00 tengahari sehingga pukul 2.00 petang, ada seorang Raja yang berkata soal hasutan, soal immunity tidak perlu dibangkit. Dan yang lain tidak kata apa. Mereka tidak kata bahawa kami tidak bersetuju. Dalam keadaan ini yang menjadi satu perkara yang penting yang akhirnya mereka menolak, sepatutnya mereka berkata kami tidak bersetuju. Dengan itu, kita tidak perlu bahas berkenaan dengan corak apa nama Mahkamah Khas dan apa semua itu waste of time. Tetapi kita bincang secara mendalam dan sama-sama kita duduk dengan AG, dengan dua orang Raja, duduk dengan AG, tulis butir-butir berkenaan dengan Mahkamah Khas ini. Apa lagi yang kita hendak ini?

Tuan Lim Kit Siang: Dalam mesyuarat, khasnya 16hb, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atau Yang Berhormat Menteri Kewangan ada tanya sama ada Raja-raja bersetuju dengan peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat tidak dengar saya explain. Saya kata ada Raja yang kata ini tidak jadi masalah. Yang lain tidak kata jadi masalah. Kalau dianya menjadi masalah, patut sebutlah. Ahli Yang Berhormat tidak faham lagi? (*Ketawa*) Barangkali Ahli Yang Berhormat dahulu pun macam ini juga. Bila bercakap, dia nampaknya bersetuju, tidak bersetuju, kita tidak diberitahu. (*Ketawa*)

Bagi kita, jelas. Kalau kita tidak bersetuju, kita kata tidak bersetuju. Kita tidak bincang details berkenaan dengan satu perkara. Semata-mata kerana hujung, sebenarnya kita tidak bersetuju, apa guna bercakap sebagai detail. Tak usah bercakaplah—katakan tidak bersetuju, sudah. Very simple. Barangkali dalam CEC, Ahli DAP itu macam itukah?

Tuan Lim Kit Siang: Jangan buat saigkaan jahat (*Ketawa*) oleh kerana kita pun boleh buai sangkaan jahat mengenai Mesyuarat UMNO.....

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat membuat sangkaan ja"hat...

Tuan Lim Kit Siang:Supreme Council atau Majlis Tertinggi.

Perdana Menteri: Cuba cakap benda yang tidak benar. Saya sudah terang. Kalau Ahli Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak cakap apa-apa. Saya tanya.....

Perdana Menteri: Tanya, saya sudah beri tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Itu mustahak. Kita ada hak untuk tahu dan saya mahu tanya adakah Raja-raja pernah kata bahawa mereka tidak bersetuju?

Perdana Menteri: Mereka tidak kata "tidak bersetuju". (*Ketawa*) Tidak kata. Jelas? Okay.

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu perkara yang dikatakan jelas itu dijelaskan, bukan seperti Ahli-ahli Barisan Nasional: Perdana Menteri kata itu, itu. Kita mahu perkara ini dijelaskan. Bukan pak turut. (*Diganggu*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Amat Berhormat, sila teruskannya.

Perdana Menteri: : Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan cerita saya ini. Saga, the Saga of the pindaan undang-undang. Pada pagi Isnin, iaitu pagi semalam, hanya saya seorang dijemput untuk mengadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Pahang dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Saya diberitahu bahawa Raja-raja yang hadir pada mesyuarat 17hb Januari, 1993, telah tidak bersetuju.

Pada 17hb. saya dapat impression bahawa mereka bersetuju. Tetapi pada pagi 18hb, saya diberitahu mereka tidak bersetuju. Namun, cadangan dibuat supaya Majlis Raja-raja menubuhkan sebuah badan yang akan berkuatkuasa menurunkan Raja jika dia didapati bersalah oleh badan itu. Ini cadangan yang dibuat pula.

Saya menceritakan ini untuk menjelaskan usaha yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan untuk mendapatkan persetujuan Raja-raja. Kerajaan sedia berbincang tetapi daripada pengalaman kami, tidak ada sesuatu yang boleh dipegang. Saya yakin jika rundingan ini dipanjangkan berbulan-bulan pun, matlamat untuk mendapat persetujuan Raja-raja tidak akan tercapai, termasuklah jika pihak DAP mencuba. Yang jelas ialah Raja tidak mahu diri mereka dibicarakan dalam apa juga dalam proses mahkamah apabila dituduh melakukan kesalahan sivil ataupun criminal. Sebaliknya, matlamat Kerajaan ialah supaya rakyat yang terkilan akan mendapat peluang proses undang-undang untuk mendapatkan keadilan. Itu hasrat Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung mahu perkara ini dirujuk kepada Select Committee. Saya tidak percaya Select Committee boleh mendapat persetujuan Raja-raja supaya kekebalan mereka dapat dihapuskan. Walau berapa lama masa diberi pun, matlamat ini tidak akan tercapai. Hanya jika kekebalan ini dikekalkan atau mereka sendiri mengadili kesalahan mereka, barulah Raja-raja akan mempersetujuinya.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Perdana Menteri: Kita....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat, memandangkan cerita beliau tadi, adakah beliau mempunyai satu perasaan sepertimana bahawa beliau dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta Yang Berhormat Menteri Kewangan dipermainkan oleh Raja-raja? Dan kalau begitu, mengikut pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam bahawa beliau tidak mahu merundingkan perkara ini dengan Majlis Raja-raja. Adakah ini merupakan hasrat Kerajaan bahawa sungguhpun Rang Undang-undang ini diluluskan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan merundingkan dengan pihak Majlis Raja-raja untuk mendapat persetujuan ke atas Rang Undang-undang ini kerana ini perkara penting. Hanya dengan persetujuan, barulah undang-undang ini boleh dijadikan undang-undang. Sekian, terima kasih.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah berkata tadi bahawa kami tidak boleh pegang kepada apa-apa yang dinyatakan oleh Raja; sama ada kami berpendapat mereka mempermainkan kami ataupun tidak, itu

terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat membuat tafsirannya sendiri. Pada pendapat kami kalau ada rundingan sama ada sebelum ataupun selepas, tidak akan ada sebarang keputusan yang boleh menyelesaikan masalah ini. Mungkin cadangan Ahli Yang Berhormat daripada Jelutong supaya selepas undang-undang ini dilulus, dan dilulus oleh Dewan Negara kemudian dibawa kepada Agong, Agong menolak dan balik kepada Dewan ini. Kita bahas sekali lagi dan kita luluskan sekali lagi, dengan pindaan ataupun tanpa pindaan. Kemudian dihantar balik kepada Agong dan pada ketika itu kalau Agong suka, dia boleh rujuk kepada Mahkamah ataupun dia tolak. Kalau tolak 30 hari, kita anggap ini sebagai menjadi undang-undang yang sah. *(Tepuk)* Sama ada.....

Tuan R. Karpai Singh: *(Bangun)*

Perdana Menteri:Ahli Yang Berhormat, just one minute, sama ada diperlukan persetujuan daripada Majlis Raja-raja. Ini adalah satu perkara yang samar-samar. Kita tidak boleh berkata sama ada perlu ataupun tidak kerana ada lawyer yang berkata kena, ada yang tidak. Ini biasalah, antara lawyer ini dengan lawyer itu, selalu tidak kena, kalau tidak macam mana hendak cari *duit*. *(Ketawa)*

Tuan R. Karpai Singh: Penjelasan, bukan mengenai *duit*. *(Ketawa)* Adakah Kerajaan akan menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk merujuk isu ini di bawah Perkara 130, Bukan Yang di-Pertuan Agong sendiri boleh, dia tidak boleh oleh kerana dia harus bertindak di atas nasihat Perkara 40(1). Adakah Kerajaan akan menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk merujuk perkara ini kepada Mahkamah Agong?

Perdana Menteri: Malang betul Ahli Yang Berhormat ini masuk campur dengan orang-orang DAP. Kalau dia lawyer biasa, beri nasihat kepada saya macam itu punya baik, saya akan ikut. Tetapi mungkin jugalah walaupun dia

tidak beri nasihat, memang kita ada hajat untuk menyelesaikan masalah ini melalui mahkamah. Dalam ucapan saya pada semalam pun saya telah menyentuh tentang perkara penyelesaian mengikut tafsiran yang dibuat oleh mahkamah, Sama ada kita rujuk begitu sahaja dengan menasihati Agong ataupun kita rujuk kepada mahkamah jika ada kes, itu adalah soal cara sahaja. Tetapi ini memang ini adalah satu jalan. Kadang-kadang Ahli Yang Berhormat itu bercakap good sense juga - *vocasional... (Ketawa)*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Nilam Puri bangun.

Perdana Menteri:.... by accident. *(Ketawa) (Tepuk)*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kenapa raja-raja begitu, boleh diistilahkan "begitu takut" dengan pindaan Perlembagaan ini. Apakah dalam pertemuan-pertemuan itu ada pihak-pihak yang bercakap mengatakan, kalau tolak pindaan ini, bererti raja-raja akan menerima nasib seperti Shah Iran. Adakah keluar perkataan-perkataan macam threaten begitu? Adakah keluar perkataan ini ataupun tidak yang menyebabkan raja-raja berasa takut?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, orang PAS tentu tahu, orang yang ada dosa itu dia selalu takut *(Ketawa) (Tepuk)* atau mungkin orang PAS tidak tahu. *(Ketawa)*

Rang Undang-undang ini yang boleh mengurangkan sedikit keistimewaan mereka sudah pun ditolak. Apakah mereka dapat mengadili dengan baik dalam kes yang melibatkan rakyat dengan raja? Ada Ahli-ahli dari parti Pembangkang yang menyindir Kerajaan kerana anggota Kerajaan kononnya

kebal. Tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan ataupun mana-mana undang-undang yang memberikan kekebalan kepada anggota Kerajaan. Jika ada kes terhadap anggota Kerajaan, undang-undang biasa boleh dikuatkuasakan. Rakyat boleh menuntut keadilan melalui mahkamah jika mereka terkilan dengan mana-mana anggota Kerajaan termasuk Perdana Menteri. Rekod Barisan Nasional menunjukkan bahawa Menteri Kerajaan Pusat dan Menteri Besar Barisan Nasional biasa dihukum oleh mahkamah apabila didapati bersalah.

Sebenarnya, Yang di-Pertuan Agong semasa menjadi Hakim Mahkamah Tinggi pernah mendapati salah dan menghukum seorang Menteri Besar. Kerajaan rela anggota-anggotanya dihadapkan ke mahkamah jika ada kes. Tetapi tuduhan yang tidak berasas tidak boleh diambil berat. Ini bukan kerana kebal tetapi kerana memang Pembangkang suka menuduh Kerajaan. Namun kita sanggup menghadapi siasatan rapi oleh agensi yang berkenaan jika ada jenayah yang disyaki.

Ahli daripada Tanjong menyebut tentang penyalahgunaan kuasa oleh Dewan yang mulia ini. Yang tidak disebut olehnya ialah kesalahan yang dilakukan olehnya. Ahli Yang Berhormat tidak pernah dihukum oleh Tuan Speaker ataupun Dewan semata-mata kerana ia Ahli Pembangkang. Yang menyebabkan ia dihukum ialah kerana ia mengingkari arahan Speaker. Beliau yang selalunya menyebut "Erskine May" nampak jelas tidak faham tentang perlunya menghormati Speaker dan bahasa serta kesopanan Dewan. Jika ia mengikut arahan Speaker, tertib dan bersopan-santun, ia tidak akan dihukum. (*Tepuk*). Tetapi Ahli Yang Berhormat memang nampak kesalahan orang lain sahaja dan tidak kesalahan diri sendiri. (*Tepuk*) Gunakanlah cermin kerap-kerap, baru kita nampak segala bintik-bintik yang ada di muka *svndiri*. (*Ketawa*) Namun kawannya berasa begitu gembira kerana dianya

disingkir daripada Dewan ini (*Ketawa*) kerana amat jelas apabila dianya tidak hadir, mereka begitu bebas membuat pendapat yang bertelingkah antara sesama sendiri. Sekarang ini program berjalan semula. (*Ketawa*)

Perdana Menteri, Menteri-menteri Kerajaan, Speaker dan Dewan tidak kebal. Tetapi bagi menjalankan tugas mereka dengan bermakna, mereka perlu bebas bercakap dengan tertib. ISA dan OSA adalah undang-undang yang diluluskan oleh Dewan ini. Tanpa ISA, penganas komunis mungkin dapat menjatuhkan Kerajaan dan menakluki negara ini. OSA pula diperlukan kerana pembocoran dokumen yang dirahsiakan seperti dokumen tender akan menyebabkan ketidakadilan berlaku. Kerajaan tidak boleh berfungsi jika semua rahsia diketahui umum. Namun Kerajaan tidak menggunakan undang-undang ini tanpa sebab yang serius. Jika Kerajaan ingin memperalatkan undang-undang ISA untuk kepentingan parti, ramai Ahli Pembangkang akan berada dalam tahanan. (*Tepuk*) Ada juga negeri-negeri yang mana parti yang sejenis dengan parti DAP ini memerintah, parti lawan pun tidak boleh ada.

Ahli Gua Musang cuba memberi nilai istimewa kepada peruntukan yang dibelakangkan oleh undang-undang. Perkara 181(2) dibelakangkan kerana ia tidak begitu penting. Sebenarnya ia tidak ada dalam Perlembagaan yang dibuat oleh Reid Commission, tetapi atas desakan daripada pihak tertentu raaka ianya dimasukkan. Sebab itulah ia dikemudiankan kerana dia tidak penting. Yang penting tetap didahulukan. Bab I ialah berkenaan dengan negeri-negeri, agama dan undang-undang Persekutuan. Inilah tajuk yang penting. Sovereignty of Rulers diletakkan di belakang sekali kerana ia tidak utama dan dengan itu tidak penting.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin raengulas sedikit berkenaan dengan hujah Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

Ahli Yang Berhormat berpendapat bahawa Raja tidak mempunyai "immunity". Justeru itu, pindaan ini bukan sebenarnya pindaan dan tidak perlu kepada persetujuan Raja-raja. Setelah mengkaji semula Perlembagaan, saya dapati memang tidak ada disebut di mana-mana peruntukan dalam Perlembagaan bahawa Yang di-Pertuan Agong ataupun Raja-raja mempunyai "immunity" ataupun kekebalan. Yang disebut ialah Yang di-Pertuan Agong ataupun Raja tidak boleh dihadapkan ke Mahkamah untuk dibicarakan. Perkara 32(1) hanya berkata, dengan izin, "Yang di-Pertuan Agong shall not be liable to any proceedings whatsoever in any court". Dan perkara 181(2) menyebut bahawa:

"(2) No proceedings whatsoever shall be brought in any court against the Ruler of a State in his personal capacity".

Yang dilarang ialah prosiding mahkamah. Kekebalan bagi Raja-raja tidak disebut di mana-mana. Justeru itu, Raja tertakluk kepada undang-undang. Sebenarnyalah, semua Raja-raja tertakluk kepada undang-undang kerana semenjak tahun 1957, Raja wujud kerana diperuntukkan oleh Perlembagaan, iaitu undang-undang tubuh negara. Kerana undang-undang inilah, maka Raja menjadi Raja dan Agong menjadi Agong. Jika mereka immune daripada undang-undang, maka status mereka tidak boleh ditentukan, bahkan mereka tidak wujud. Apabila cadangan dibuat untuk menghapuskan.....

Dr. Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Dengan kenyataan Yang Amat Berhormat tadi, adakah ini bermakna selama-lama ini, iaitu hampir 35 tahun setelah merdeka dan 11 tahun semasa Yang Amat Berhormat menjadi Perdana Menteri, nasihat-nasihat daripada

Peguam Negara adalah salah, sehingga Yang Amat Berhormat tidak dapat mengambil tindakan untuk melakukan keadilan ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh Raja-raja.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Peguam Negara, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pun, bila mahkamah putuskan kata ada immunity, dia tidak berperang dengan mahkamah, dia senyap begitu sahaja dan dia biarkan clientnya *terlepas*. (Ketawa) Jadi....

Tuan R. Karpal Singh: Itu bukan client saya, tetapi saya sendiri (Ketawa). Saya ingin memberi penjelasan. Dalam kes itu walaupun saya tidak berjaya di dalam Mahkamah Tinggi, tetapi saya ada membuat satu rayuan di dalam Mahkamah Agung dan selepas itu saya kena tahanan di Kamunting. Apabila saya kembali, apa yang terjadi ialah di dalam kes UEM - Mahkamah Agung ada memutuskan bahawa seorang Ahli Dewan Rakyat tidak ada *locus standi* untuk membawa sesuatu kes, sepertimana yang saya ada buat. Oleh itu, saya ada lanjutkan rayuan itu kepada Mahkamah Agung dan bukannya saya biarkan perkara seperi itu. Itu bukan saya, oleh kerana Mahkamah Agung sudah memutuskan, maka saya terima itu. Itulah keadaan yang sebenar—bukan takut atau apa-apa.

Perdana Menteri: Saya mengakui bahawa Ahli Yang Berhormat berani, tetapi AG pun kadang-kadang tertakluk kepada keputusan mahkamah juga. Jadi, dia memberi nasihat mengikut keputusan mahkamah—precedents sudah ada, authority sudah ada, maka dia pegang kepada authority itulah. Jadi, hendak salahkan AG tidak payahlah, salahkanlah kawan kita sama.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar bahawa di dalam kes di mana Ahli Yang Berhormat dari Jelutong membawa Sultan Selangor ke Mahkamah—sebenarnya kes itu adalah pada tahun 1987 dan kes itu

telah menjadi alasan kenapa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan pemimp-pemimpin lain dalam DAP telah ditangkap di bawah Operasi Lalang di mana dalam masa soal siasat oleh Special Branch perkara ini telah menjadi satu perkara yang penting kenapa penangkapan dibuat. Sekarang Yang Amat Berhormat kata kenapa tidak bawa* perkara ini sampai kepada Supreme Court. Bukankah something very, very perverse di sini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sepatutnya mengambil kira situasi pada ketika itu. Pada ketika itu timbul ketegangan antara kaum apabila Ahli Yang Berhormat membuat tuduhan terhadap Raja dan orang-orang Melayu terutamanya berasa marah, dan suasana ketika itu menjadi tegang. Tetapi sekarang ini situasi sudah berlainan, dan orang-orang macam kita pun sekarang ini boleh bercakap berkenaan perkara ini, maka dia bolehlah hendak buat rayuan kepada Mahkamah jika dia berani. Jika dia tidak berani, itu terpulang kepada dialah. Kita tidak hendak force supaya dia membuat sesuatu yang raunkin dia gagal. Apabila cadangan dibuat.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Bukankah ini contoh yang terbaharu - "Perverse logic Mahathirish."

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu bila dia at the loss for arguement, dia kata perverse logic. (Ketawa) Itu, makna kata dia tidak boleh hendak fikir - sudah terbantut dan tidak boleh langsung, completely "perverse logic", habis-lah. (Ketawa)

Tuan R. Karpal Singh: Yang Amal Berhonnat Perdana Menteri katakan tadi bahawa jikalau berani saya bawa kes ini sekarang kepada Mahkamah Agung, kerana keadaan sekarang bukanlah seperti keadaan pada tahun 1987. Tetapi adakah

Kerajaan akan menghormati keputusan Mahkamah Agung. Baru-baru ini, dalam enam rayuan mengenai orang yang kena tahan di Muar dan Simpang Renggam, saya melalui Mahkamah Agung telah mendapat enam *habeas corpus* dan menang, tetapi keenam-enam ini ditangkap semula. Ini tidak menghormati keputusan Mahkamah Agung dalam negara ini. Itulah cara Barisan Nasional dan cara Kerajaan. Apa ini pergi ke mahkamah dan apabila dapat keputusan yang bertentangan dengan Kerajaan, Kerajaan tidak mahu terima. Bolehkah saya dapat tahu atau bolehkah saya dapat jaminan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghormati keputusan Mahkamah Agung. Kerap kali dalam perjumpaan umum, kedua-duanya, Perdana Menteri dan Timbalannya ada mengatakan, "Kami akan menghormati keputusan Mahkamah dan menerimanya." Bolehkah saya dapat jaminan itu sekarang di dalam Dewan yang mulia ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh beri jaminan, tetapi saya ingin jelaskan bahawa Mahkamah Agung melepaskan kes *habeds corpus* ini atas satu alasan dan mereka ditangkap atas alasan lain. Jadi, kita hormat mahkamah.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan. Itu tidak betul. Ini masuk dalam *Hansard*. You will have to bear consequences, Mr. Prime Minister, oleh kerana ke enam-enam ini telah ditahan semula atas alasan-alasan yang sama yang mana ditandatangani oleh Timbalan Menteri di sana. Dia boleh mengesahkannya sekarang - tidak ada perubahan dengan alasan-alasan hukuman, bukan? Megat? (Ketawa)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, apabila cadangan dibuat untuk menghapuskan kekebalan Raja, yang disebut ialah mereka tidak akan dihadapkan ke Mahkamah....

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Perdana Menteri: Perverse logic, perverse logic, more perverse logic? (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Jawap soalan tadi, yang dibuat oleh Jelutong.

Perdana Menteri: Dia ulang balik soalan yang sama, maka jawapannya sama. Yang disebut ialah mereka tidak akan dihadapkan ke mahkamah jika mereka melakukan kesalahan dalam menjalankan tugas rasmi mereka.

Ini bermakna mereka tertakluk kepada Perlembagaan dan undang-undang lain, tetapi tidak boleh menghadapi prosiding dalam mahkamah sahaja. Bagi tindakan undang-undang yang tidak perlu melalui mahkamah, Raja tidaklah kebal. Di Malaysia pun memang ada undang-undang yang boleh dikuatkuasakan tanpa prosiding dalam mahkamah.

Bagi Kerajaan, adalah lebih baik Raja diadili oleh mahkamah dan tidak dihukum di luar mahkamah. Cara mahkamah adalah lebih adil dan lebih baik. Sebab itulah Kerajaan bercadang menghapuskan larangan terhadap prosiding mahkamah bagi Raja dan Kerajaan bersetuju supaya ditubuhkan satu Mahkamah Khas seperti yang dipersetujui dalam perbincangan dengan Raja-raja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat.....ada lagi?

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah saya dapat tahu mengapa Kerajaan bersetuju dengan pindaan baru ini untuk mengadakan satu Mahkamah Khas? Bukankah Mahkamah Khas bagi Raja-raja ini mewujudkan two systems of justice dan bertentangan dengan Artikel 81 yang berbunyi: "All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law". Mengapa hendak diadakan satu mahkamah yang asing,

khas? Oleh kerana apa? Dalam hal pembunuhan, tidak ada "royal" pembunuhan atau "common pembunuhan"! Semua serupa. Bukankah ini bertentangan dengan pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri jikalau apa yang ada dalam Rang Undang-undang yang "asal diteliti"? Itu lain. Oleh kerana apa departure daripada apa yang ada di dalam Rang Undang-undang yang asal ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara biasa. Kalau kita mengadakan impeachment pun, kita boleh impeach - cuma sekian-sekian orang sahaja, bukan semua orang. Jadi, untuk mengadakan mahkamah khas ini ialah satu cara untuk kita menjaga maraah Raja-raja, tetapi mereka masih diletak dan dibicara di bawah undang-undang yang sama dengan undang-undang yang digunakan untuk orang ramai dan hukuman juga sama. Kalau dalam undang-undang ini dia kata bawa dadah hukum gantung, maka itulah juga undang-undang yang akan diguna dan hukuman yang dikenakan. Cuma di tempat lain sahaja perbicaraan ini dilakukan dan mahkamah yang membicarakan ini dianggotai oleh hakim yang datang daripada golongan hakim yang membicarakan orang lain, Cuma dikatakan "khas" sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah bertanya saya mengenai pengakuan saya bahawa Kerajaan tidak menolak hukum hudud. Sebagai Kerajaan yang dipimpin oleh orang Islam bersama orang bukan Islam, anggotanya yang terdiri daripada orang Islam tidak dapat menolak hukum hudud dan hukum-hukum Islam. (*Tepuk*). Hukum hudud adalah juga hukum Islam, sama dengan hukum-hukum Islam yang lain yang juga dipatuhi oleh Kerajaan melalui cara-cara tertentu yang mengambilkira keadaan di Malaysia dengan masyarakat majmuknya yang juga menganuti agama yang berbeza-beza.

Hukum-hukum Islam adalah adil jika dilaksanakan dengan cara yang dikehendaki oleh agama Islam. Ianya tidak adil hanya jika pelaksanaannya diientukan oleh kepentingan pihak tertentu, terutama orang-orang politik. Hukum Islam bukan untuk dikuatkuasakan secara membuta-tuli taripa mengambilkira kesan dan hasilnya. Islam tidak hendak menyiksa atau membinasa sesiapa termasuk yang bukan Islam.

Saya telah memberi contoh bagaimana ibadat yang wajib dalam Islam pun boleh disesuaikan dengan keadaan bahkan jika keadaan tidak mengizinkan, amalan dan ibadat tertentu boleh ditinggal sehingga kepada suatu masa dan di suatu tempat di mana arahan itu boleh dibuat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini, bila Kabinet membuat satu keputusan untuk menerima hukum hudud pada masa yang sesuai? Bilakah satu keputusan yang begitu pokok dibuat oleh Kabinet, atau adakah ini satu keputusan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan tidak payah dirujuk balik kepada Kabinet dan persetujuan parti-parti koraponen Barisan Nasional yang lain?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara-perkara yang tidak mungkin dilaksanakan di dalam jangka masa yang pendek tidak perlu Kabinet membuat pendirian berkenaan dengannya, tetapi sikap Kerajaan terhadap sesuatu boleh ditentukan dan Ahli-ahli dalam Kabinet memang sedar bahawa kita adalah mengambilkira keadaan di dalam negara kita ini yang mana sebahagian dari penduduk terdiri daripada berbagai kaum yang menganut agama yang berbeza-beza. Ini disadari oleh Kabinet. Sebab itu apabila saya membuat kenyataan ini secara umum, tidak ada anggota dari Barisan Nasional yang menolak, tetapi mereka menolakkah apa

yang diumumkan oleh parti PAS yang berbeza dengan apa yang diumumkan oleh kita.

Penduduk Malaysia terdiri daripada berbagai-bagai kaum yang menganuti berbagai-bagai agama. Jika hukum hudud hendak dikuatkuasakan, maka ia hendaklah dikenakan kepada semua kaum dan penganut semua agama. Jika tidak, akan ada ramai orang Islam yang tidak mempunyai tangan dan kaki sebelah serta lain-lain lagi kecacatan, sedangkan orang bukan Islam memiliki anggota yang sempurna dan kuat. Di sebuah negara dengan penduduk yang hampir 100%....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Nilam Puri bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, gambaran yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri inilah yang menakutkan orang terhadap hukum hudud. Jadi, apakah Yang Amat Berhormat bersetuju bahawa mengatakan orang Islam tidak ada tangan, tidak ada kaki bila menjalankan hukum hudud nanti, ini Perdana Menteri telah memberi satu ruang kepada orang-orang bukan Islam untuk takut kepada hukum ini. Sebenarnya hukum ini Yang Amat Berhormat faham, banyak membaca buku dan mengerti bahawa satu hukum yang memberi keadilan kepada semua, tetapi statement tadi memang menakutkan orang Melayu dan juga menakutkan orang bukan Islam.

Jadi, saya harap Perdana Menteri bersetuju dengan saya dalam hal ini.

Perdana Menteri: Saya ingin tahu sama ada Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa ada hukum ini di antara hukum-hukum hudud yang menentukan tangan dipotong dan kaki dipotong dan direjam dengan batu. Benar ataupun tidak? Keadaan yang mana

hukum ini akan dijalankan tidak dijelaskan secara terang tetapi bagi pendapat umum, inilah yang mereka nampak. Sebab itu dalam perkara ini, saya minta supaya jangan bangkitkan perkara ini untuk menakutkan orang-orang bukan Islam.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini sendiripun kami tidak membangkitkan. Yang membangkitkan yang jelas ialah Perdana Menteri. Jadi, ini ucapan atau pandangan Perdana Menteri yang diberi di Hongkong, yang diberi semasa ucapan di Johor dan ucapan ini yang menakutkan pihak-pihak lain dan apakah Yang Amat Berhormat bersetuju dalam penerangan dakwah kita, hukum itu ada, tetapi kita menceritakan hukum ini untuk menyelamatkan manusia lebih utama dari menceritakan hukum. Misalnya kita hendak ajak orang bukan Islam masuk Islam, kita cerita kena potong, mampus dia takut padahal itu hanya sunat.

Jadi, Perdana Menteri, saya harap, bersetuju dengan saya sekali lagi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat ikuti apa yang saya akan jelaskan di sini. Di sebuah negara dengan penduduk yang hampir 100% Islam yang cuba melaksanakan hukum hudud, orang-orang yang tidak berkaki-tangan ini menjadi masalah kepada mereka sendiri dan kepada masyarakat. Ini benar berlaku dalam sebuah negara yang mana hampir 100% penduduknya terdiri daripada orang Islam dan setelah hukum ini dilaksanakan mereka menghadapi masalah social problem.

'Di Malaysia, mereka bukan sahaja akan menjadi beljati kepada diri sendiri dan kepada masyarakat dan Kerajaan tetapi juga akan melemahkan masyarakat Islam dalam persaingan mereka dengan orang bukan Islam jika hukum hudud dikenakan kepada orang Islam sahaja.

Sebaliknya, jika dikenakan kepada orang bukan Islam ada tanda-tanda yang mereka tidak akan menerimanya. Mereka mungkin memberontak dan membuat kacau-bilau yang boleh menjejaskan kestabilan dan kekuatan negara ini. Akhirnya Malaysia akan menjadi negara yang lemah dan mundur. Sudah banyak negara Islam yang lemah dan dilanda huru-hara. Sudah banyak negara Islam yang hari ini dijadikan alat dan kuda tunggangan kuasa-kuasa asing. Sudah banyak negara Islam dan orang Islam yang ditindas dan disiksa kerana mereka lemah dan tidak dapat ditolong oleh orang Islam lain. Malaysia tidak ingin menjadi satu daripada negara Islam yang lemah. Kita tidak mahu negara kita diserang dengan penyakit-penyakit sosial, ekonomi dan politik yang menyerang kebanyakan negara Islam yang lain di masa kita cuba meningkatkan pencapaian dan kemampuan orang Islam di sini, kita tidak ingin menghandicapkan mereka.

Justeru itu kita perlu mengambil faktor-faktor ini sebelum kita melaksanakan hukum hudud. Segala kelonggaran dalam melaksanakan hukum hudud Islam yang diizinkan hendaklah kita gunakan kerana ini adalah pemberian Tuhan untuk kebaikan umatnya. Menolak pemberian Tuhan kerana keangkuhan kuasa bukanlah sebahagian daripada ajaran Islam. Mungkin pada satu hari nanti semua penduduk Malaysia terdiri daripada orang Islam dan Malaysia sudah menjadi negara yang cukup maju. Mungkin keturunan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sudah memeluk agama Islam dan mendesak supaya undang-undang Islam dikuatkuasakan termasuk pemotongan yang 'disunatkan' itu. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Marang bangun Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa undang-undang yang diamalkan hari ini tidak boleh mengatasi masalah jenayah dan kadar jenayah itu makin bertambah? Berdasarkan kepada itu, adakah Yang Berhormat bersedia untuk membuka jalan ke arah percubaan bagi menjelaskan hukum hudud ini sama ada secara teori ataupun praktikal?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan berkenaan dengan sebuah negara yang penduduknya terdiri hampir seratus peratus daripada orang-orang Islam dan di sana juga masalah jenayah masih ada walaupun hukum hudud dijalankan. Jadi, kita belum membuat kajian yang menyeluruh yang boleh meyakinkan kita bahawa apabila sahaja kita melaksanakan hukum hudud, maka jenayah tidak akan berlaku. Kalau kita sudah yakin, maka bolehlah kita lakukan, tetapi waktu ini kita belum dapat meyakini diri kerana dalam negara kita ini terdapat berbagai kaum, berbagai agama dan pelaksanaan hukum ini mestilah disamakan. Semua orang mestilah diletakkan di bawah hukum yang sama dan ini akan membawa bermacam-macam masalah kepada negara ini. Insya Allah, jika orang Islam semasa itu, semasa semua sudah.....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Amat Berhormat. Yang Amat Berhormat telah mengatakan, "Kita belum yakin lagi keamanan dengan pelaksanaan hukum hudud. Kalau kita sudah kaji, kalau kita dapat keyakinan, barulah kita akan berjalan." Saya ingin tahu, hukum hudud tidakkah hukum Islam? Bila kita kata tidak yakin kepada hukum hudud, dengan sendirinya kita tidak yakin kepada Islam? (*Disampuk*) (*Ketawa*)

Seorang Ahli: Beri, ha, beri!

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tak dengar Jangsong apa yang saya bercakap ini! Saya sudah terangkan bahawa dalam Islam, hukum Islam itu bukan dilaksanakan secara membuta tuli. Kalau kita tidak melaksanakan tidak bermakna kita tidak yakin dan tidak percaya kerana dalam Islam kita mesti ambilkira keadaan. Keadaan yang ada sekarang di Malaysia ini tidak mengizinkan. Mungkin satu hari, saya sebut tadi; "satu hari semua penduduk Malaysia ini Islara", semua "potong" belaka, maka pada ketika itu semua hendak supaya dilaksanakan hukum hudud, kita melaksanakan, tetapi bukan waktu ini. Waktu ini saya belum yakin. Mungkin pada satu hari, mungkin anak cucu sayalah, jadi Perdana Menteri pula, (*Ketawa*) termasuk anak cucu Ahli Yang Berhormat sama. Tetapi waktu ini, saya belum boleh meyakinkan diri bahawa keadaan di Malaysia kita boleh melaksanakan hukum hudud. Bukan tak percaya kepada hukum Islam, percaya, tetapi hukum Islam memberi kelonggaran dan kalau diberi kelonggaran dan kita tolak kelonggaran yang diberi sebagai hadiah oleh Tuhan kepada kita, bermakna kita betul-betul tak bersyukur.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Nilam Puri bangun pula ya. Bukan berkenaan dengan Perlembagaan sekarang ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Berkenaan yang ditimbulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya mohon penjelasan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan, bila majoriti ataupun seratus peratus orang menjadi islam baru hendak melaksanakan hukum Islam: Apakah Nabi Muhammad s.a.w. tergopoh-gapah melaksanakan hukum-hukum Islam dalam keadaan penduduk Madinah majoritinya adalah orang bukan Islam di waktu

Perlembagaan Madinah itu dilaksanakan dan diamalkan undang-undang di Madinah itu? Apakah Nabi Muhammad itu tergopoh-gapah dalam perbuatannya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, yang jelas ialah semasa Nabi berada di Mekah, dia tidak cuba melaksanakan hukum Islam. Apabila dianya pergi ke Madinah, dia tidak dengan serta-mena melaksanakan hukum Islam. Dia menunggu sehingga keadaan mengizinkan, barulah diadakan Perlembagaan Madinah itu dan dilaksanakan hukum Islam. Apa salahnya kalau kita mengikut Nabi, kita tunggu sampai masa yang tepat? *(Tepuk)*

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: *(Bangun)*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana dahulu ya?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya dahulu tak apa. *(Ketawa)* Saya minta penjelasan lagi Tuan Yang di-Pertua. Apakah perlaksanaan hukum Islam itu berdasarkan kepada kehendak kita atau berdasarkan kepada perintah Allah? *(Ketawa)*

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada perintah Allah dan Allah memberi kelonggaran kepada kita untuk melaksanakannya mengikut keadaan. *(Tepuk)* Hanya Ahli Yang Berhormat sahaja yang tak mahu ikut kelonggaran yang diberi oleh Tuhan kepadanya untuk memudahkan. Kerana agama ini bukan diadakan untuk menjadi beban kepada orang yang menganuti agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *(Bangun)*

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak, ini baik. *(Disampuk)* Backbencher ini baik punya, kita bukan berkelahi. *(Ketawa)* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan soal majoriti tadi. Statement Yaijg Amat Berhormat, Nabi Muhammad s.a.w. menjalankan undang-undang Islam bukan dengan tergopoh-gapah, tetapi yang saya tegaskan, bukan dalam keadaan umat Islam majoriti semasa Perlembagaan Islam itu dirangka. Jadi, apakah kita hendak tunggu sehingga betul-betul majoriti baru hendak diusahakan memperkenalkan Islam dan hukum? Itu sahaja.

Perdana Menteri: Tuan. Yang di-Pertua, bukan soal majoriti. Kalau pun ada 10% penduduk itu terdiri daripada orang Islam, tetapi masyarakat keseluruhannya sanggup menerima dan tidak akan menimbulkan masalah. Boleh dilaksanakan *(Tepuk)*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Ada lagi.

Perdana Menteri: Ada lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, setakat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerima laporan, sejauh manakah kejayaan perlaksanaan hukum hudud di Kelantan? *(Ketawa)*

Perdana Menteri: Apabila Kerajaan Kelantan memberi alasan bahawa Kerajaan Pusat tidak membenarkan, dia pun cari alasan juga mengatakan dia tak boleh buat kerana keadaan tidak mengizinkan. *(Ketawa)* *(Tepuk)*

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di -atas soalan daripada Yang Berhormat dari kawasan mana, mungkin ada yang tak tahu, (*Ketawa*) dan jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Memang bukan kita mencari alasan, kita mencari jalan dan Yang Amat Berhormat, insya Allah, akan menerima draf penuh *pindaan....(Diganggu)* Tidak, kita minta sekarang bila kita gubal undang-undang di peringkat negeri Kelantan nanti, tidak ada halangan di peringkat Pusat untuk menghalang. Sudah gubal, sudah siap semua untuk dilaksanakan sahaja. Untuk dibawa ke Dewan dan kita harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harap memberi kelonggaran ataupun jangan ganggu supaya hudud itu dapat dijalankan di negeri Kelantan. Dan persoalannya apakah perlu ada pindaan-pindaan lagi dalam Perlembagaan untuk membolehkan kalau ada misalnya court injunction daripada pihak mana-mana untuk kita pinda bagi membolehkan Kerajaan Kelantan melaksanakan hukum Islam?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan negeri Kelantan mempunyai kuasa berkenaan dengan perkara-perkara tertentu tapi Kerajaan Pusat masih bertanggungjawab terhadap keadaan di negeri Kelantan terutamanya berkenaan dengan keselamatan di dalam negeri Kelantan. Kalau pada pandangan Kerajaan Pusat bahawa apa yang dicadangkan oleh PAS, bukan sebenarnya hukum hudud, tapi cadangan PAS yang dikaitkan dengan hukum hudud hendak dilaksanakan dan ini akan menyebabkan masalah berlaku dalam negara kita, maka kita terpaksa mengambil kira masalah ini. Jadi sebalik....

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya rasa suatu sangkaan, sekiranya apa yang dikemukakan itu mengikut kajian yang dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri ianya tepat dengan Islam, adakah Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri bersedia untuk memberi kelonggaran bagi pelaksanaannya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu sangkaan Ahli Yang Berhormat. Belum sampai masanya dan belum kita tahu apa dia yang dia hendak buat. Jadi, kita tidak boleh buat ramalanlah.

Terpulanglah kepada masyarakat di zaman yang mana anak cucu Yang Berhormat dari Jelutong dan Tanjong sudah memeluk agama Islam dan baik, maka pada ketika itu mungkin mereka akan melaksanakan. Yang jelas ialah percubaan melaksanakan hukum hudud secara membuta tuli sebelum keadaan mengizinkan akan hanya melambatkan penerimaan hukum-hukum Islam dan menjejaskan usaha untuk menjadikan umat Islam setanding dengan orang lain.

Kerajaan menerima hukum hudud yang benar-benar hukum Islam dan bukan hukum hudud yang dicipta oleh orang-orang yang mencampuraduk hukum dengan lain-lain kepentingan. Insya Allah, apabila keadaan betul-betul mengizinkan, hukum hudud akan dilaksanakan. Janganlah cuba mempolitikkan apa yang saya katakan ini kerana saya hanya menyatakan kepercayaan saya sebagai orang Islam terhadap keadilan dalam sistem keadilan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari PAS juga telah bertanya sama ada salahkah kalau Sultan melibatkan diri dalam politik. Saya berpendapat bahawa tidak salah. Tetapi politik ini ada banyak peringkat. Politik peringkat Sultan tidak sama dengan politik peringkat ahli biasa PAS yang ada di karapung yang hanya terlibat dalam politik dengan dikehendaki menjerit "Allahu Akbar" bila ahli-ahli PAS buat ucapan. Jadi macam-macam politik ada. Tetapi dalam Islam dia tidak suruh menyebelahi satu parti politik, sepatutnya sebagai Raja dia menjadi satu orang yang

mengadili antara parti-parti yang ada. Tidak menyebelahi siapa-siapa. Ini bila dia melibatkan diri dengan satu parti, dia melibatkan diri dengan politik parti, bukan politik Islam, politik parti itu sahaja. Kalau politik Islam, dia nanti cari jalan mendamaikan orang Islam, menyatukan orang Islam, menghilangkan perasaan prasangka antara orang-orang Islam. *(Tepuk)* Itulah politik bagi Raja. Politik bagi Raja berlain sikit bagi politik ahli-ahli parti ini. Jadi, Raja berhak berpolitik, tetapi politik Raja politik Rajalah. Politik juga, tetapi Raja punya politik. Ini pergi dok kempen bagi kain batik, apa semua ini hendak suruh sokong satu parti sahaja, itu bukan politik Islam.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya kagumi sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita anggap standard ini standard yang menyeluruh. Tidak juga bersetuju kalau ada Raja atau Sultan menyokong di pihak UMNO (Baru). Misalnya ada Raja atau Sultan mengatakan:—*(Sambil meniru cara bercakap Raja atau Sultan tersebut)* "Aku mahu hanya UMNO (Baru) ada di negeri ini". *(Ketawa)* Qah masa itu bila dia bertitah atau bercakap begitu tidak ada bantahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *(Sambil meniru cara bercakap Raja atau Sultan tersebut)* "UMNO lahir dalam istana, bukan lahir tepi longkang". Tapi masa itu kita tengok Yang Amat Berhormat tidak buat kenyataan begini dan standard ucapan ini saya harap menjadi standard pada masa yang akan datang secara menyeluruh. Insya Allah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu pihak dia hendak kata tapi sepertimana Ahli Yang Berhormat tahu hari ini apa yang kita buat tidaklah sebagai balasan kepada "sokongan yang diberi" kerana kami pegang kepada keadilan. *(Tepuk)*

Tuan Mohamad bin Sabu: *(Bangun)*

Perdana Menteri: Tak payahlah, kot! *(Ketawa)* Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Rang Undang-undang Pindaan ini akan disokong dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Sebeium saya mengakhiri penggulangan perbahasan ini saya ingin mengulas sedikit lagi tentang Perlembagaan dan undang-undang negara kita. Perlembagaan yang bertulis tidak mungkin meliputi semua aspek pemerintahan sebuah negara. Pasti ada perkara-perkara yang tidak bertulis yang diamalkan. Yang inilah yang dikatakan semangat Perlembagaan yang mana semangat ini mengisi bahagian-bahagian dan keperluan-keperluan yang tidak dapat dicatat secara terperinci dalam mana-mana perlembagaan ataupun undang-undang.

Saya telah menyentuh tentang peranan nasihat dan penasihat. Perkataan "nasihat" adalah perkataan yang sopan, yang digunakan untuk menjaga kehormatan pihak yang dinasihati. Tetapi sebenarnya dalam konteks Perlembagaan negara nasihat perlu dipatuhi. Oleh kerana Raja tidak menerima nasihat, maka hari ini kita menghadapi masalah dan krisis Perlembagaan. Jika antara dua pihak, maka yang satu memegang kepada tafsiran yang literal dan bukan kepada semangat iaitu, dengan izin, kepada letter of the law and not the spirit atau yang tersurat tetapi tidak yang tersirat, maka pihak yang satu lagi juga berhak memegang kepada yang tersurat dengan izin, hold to the letter of the law and not the spirit.

Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal telah menarik perhatian kepada peruntukan Perlembagaan yang tidak menyatakan di manapun bahawa Raja-raja diberi kekebalan daripada undang-undang. Yang disebut ialah Raja tidak boleh dihadapkan ke mahkamah. Memegang kepada yang tersurat ini, maka Raja tidak kebal tetapi sebaliknya tertakluk sepenuhnya kepada Perlembagaan dan semua undang-undang. Justeru itu, undang-undang perlulah

dikuatkuasakan dengan sepenuhnya. Cara-cara yang longgar -dan keistimewaan-keistimewaan yang diberi tanpa peruntukan ataupun yang diambil oleh pihak Raja-raja tanpa apa-apa peruntukan oleh undang-undang yang tertulis perlulah dihentikan.

Di sini, ingin saya tegaskan bahawa Perlembagaan tidak pernah mentakrifkan melakukan jenayah adalah privilege, position, honours atau dignities bagi Raja. Pindaan ini bertujuan untuk menentukan cara jenayah yang dilakukan oleh Raja diadili. Ia tidak terkena kepada privilege atau position atau honours atau dignities Raja dan oleh itu ia tidak memerlukan (*Tepuk*) persetujuan Majlis Raja-raja sebelum ia dilulus seperti yang diperuntukkan dalam 38(4).

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang ada dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi bahawa Raja-raja tidak ada imuniti mengikut peruntukan dalam Perlembagaan dan undang-undang sekarang, masa lampau pun tidak ada, bukan? Adakah Kerajaan akan mendakwa Sultan Johor atas kes Gomez dalam mahkamah oleh kerana tidak ada imuniti? Adakah Kerajaan akan buat demikian?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak ada imuniti, walaupun tidak perlu dipersetujui oleh Raja-raja, tetapi kami di sebelah sini ini ingin menyelesaikan perkara ini secara sopan, secara berbaik-baik. Sebab itu, di antara peruntukan dalam pindaan ini ialah peruntukan bahawa undang-undang ini tidak akan dikebelakangkan. Jadi, apa yang berlaku dahulu kita tidak ambil tindakan. Ini adalah strategi untuk mendapat persetujuan.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau tidak ada imuniti pada masa lampau dan sekarang pun tidak ada, apa ini retrospective, tidak bermakna. Jikalau tidak ada imuniti, itu bermakna tindak-tanduk Sultan Johor apabila dia memukul

Douglas Gomez, ianya di bawah Seksyen 323 adalah satu kesalahan. Soal retrospective, itu tidak timbul jikalau tidak ada imuniti, langsung tidak ada. Adakah berani dakwa Sultan Johor dalam mahkamah terbuka, mahkamah biasa, bukan mahkamah khas?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang kita buat di sini tidak akan dikuatkuasakan kepada perkara-perkara yang berlaku sebelum daripada ini. Kerana perkara yang berlaku sebelum daripada ini, berlaku kerana kepercayaan bahawa tidak akan ada tindakan diambil terhadapnya. Jadi, kalau satu orang berpendapat bahawa tidak ada undang-undang yang akan meng-hukumnya kalau dia bunuh, maka dia akan bunuh. Tetapi bila diadakan undang-undang, maka dia fikirkan semula sama ada dia hendak bunuh. Kerana kalau dia bunuh, dia akan dihukum gantung. Bila dia dihukum gantung, Ahli Yang Berhonnat akan protes. Jadi, itulah kerja dia. Tetapi dengan Sultan Johor, saya tak tahulah (*Ketawa*) kalau dia hendak protes atau tidak!

Tuan Yang di-Pertua, konsep "The King can do no wrong" boleh juga ditafsir "The King cannot do anything that is wrong", as for example to commit a crime. Jadi, kalau dia commits a crime, maka pada ketika itu dia tak jadi King. Jadi, the King can do no wrong, masa dia bunuh itu. Itu satu daripada tafsiran yang boleh dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, segala-gala yang melibatkan istana akan ditakluki oleh undang-undang dan peraturan-peraturan. Adat tidak lagi mempunyai peranan. Demikianlah kesan daripada tindakan menolak suatu pindaan yang wajar, yang telah dibuat oleh Kerajaan, yang mengambilkira keadilan bagi rakyat yang memerlukan perlindungan dan tidak lebih daripada itu. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya ada memberitahu bahawa saya mahu kemukakan satu usul pindaan kepada usul Bacaan Kali Kedua Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan 1993, yang berbunyi seperti berikut:

Dengan meninggalkan semua perkataan-perkataan selepas perkataan "iaitu" dan menambahkan perkataan-perkataan "bahawa Rang Undang-undang ini diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan",

Dan saya sudahpun memberi sebab-sebab dalam ucapan semalam.

Puan Tan Seng Giaw: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 53(4) yang meminta supaya Rang Undang-undang ini diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan. Saya kemukakan usul ini, iaitu:

Dengan meninggalkan semua perkataan-perkataan selepas perkataan "iaitu" dan menambahkan perkataan-perkataan "bahawa Rang Undang-undang ini diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan".

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan semula masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Mengikm Peraturan Mesyuarat 46(5) berkenaan dengan Perlembagaan, saya mengarahkan supaya diadakan belah-bahagian untuk mengundi. Sila bunyikan loceng selama dua minit.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa dua minit sudah cukup. Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing.'

Pengundian dijalankan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut keputusan Belah Bahagian, Ahli-ahli Yang Bersetuju ialah 133; (*Tepuk*) Yang Tidak Bersetuju, tidak ada; (*Tepuk*) Yang Tidak Mengundi (Abstain): 23. (*Tepuk*) (*Boo*)

YANG BERSETUJU

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar
Abang Haji Mustapha

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad

Tuan Abdul Ghafar bin Baba

Tuan Abdul Ghani bin Othman

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman

Dato Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir

Tuan Abdul Malek Munip

Dato' Abdul Raman bin Suliman

Tuan Haji Abdul Rashid bin Muhammad

Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi

Dato' Dr. Abdullah Padhil bin Che Wan

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar

Tuan Ahmad bin Omar

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan

Dato' Alias bin Md. Ali

Datu Amir Kahar bin Tun Datu Mustapha

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman

Tuan Haji Awang bin Jabar
 Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin
 Datuk Haji Basri bin Bajuri
 Tuan Billy Abit Joo
 Dato' Chan Kong Choy
 Che Ibrahim bin Mustafa
 Tuan Peter Chin Fah Kui
 Tuan Chor Chee Heung
 Tuan Chua Jui Meng
 Tun Baim Zainuddin
 Datuk Daniel Tajem Anak Miri
 Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha
 Datuk Dominic Joseph Puthuchearay
 Tuan Douglas Uggah Embas
 Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman
 Dr. Fong Chan Onn
 Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar
 Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain
 Tuan Harrison Ngau Laing
 Tuan Haji Ibrahim bin Ali
 Tuan Haji Ibrahim bin Jendol
 Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh
 Tuan Haji Ishak bin Arshad
 Dato' Ismail bin Said
 Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis
 Tuan James Jimbun Anak Pungga
 Tuan Jawah Anak Gerang
 Tuan Joseph Muah Anak Ikeh
 Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin
 Dato' Megat Junid bin Megat Ayob
 Tuan Kang Chow Oh
 Tuan Kerk Choo Ting
 Dato' K. Kumaran
 Tuan Robert Lau Hoi Chew
 Tuan Law Hieng Ding
 Dato' Lee Kim Sai
 Dr. Leo Michael Toyad
 Datuk Leo Moggie anak Irok
 Dato' Lim Ah Lek
 Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik

Puan Lim Lay Hoon
 Datin Ling Chooi Sieng
 Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik
 Dato' Loke Yuen Yow
 Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
 Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim
 Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor
 Dato' M. Malingam
 Dr. T. Marimuthu
 Tuan Michael Lisa Kaya @ Gor Kaya
 Tuan Haji Mohamad bin Abdullah
 Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor
 Dato Mohamed bin Jamrah
 Dato' Mohamed bin Rahraat
 Tuan Mohamed Kamal bin Hussain
 Tuan Mohamed Khaled bin Nordin
 Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim
 Tuan Mohamed Parid bin Ariffin
 Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus
 Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
 Tuan Mohd. Noh bin Rajab
 Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang
 Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar
 Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali
 Tuan Mohd, Tamrin bin Abdul Ghafar
 Tuan Mohd. Yasin bin Kamari
 Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan
 Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun
 Dato' Napsiah binti Omar
 Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin
 Dr, Nawawi bin Mat Awin
 Tuan Ong Ka Ting
 Tuan Ong Tee Keat
 Tuan Ong Tin Kim
 Tuan Osu bin Haji Sukam
 Tuan Othman bin Abdul

Tuan G. Palanivel

Dr. Patau Rubis

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail

Dato' Seri Rafidah Aziz

Tuan Railey bin Haji Jaffrey

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap

Tuan Richard Riot Anak Jaem

Puan Rohani binti Abd. Karim

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad

Dato' Sabbaruddin Chik

Tuan Saidin @ Yusof bin Adam

Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai

Dato' Seri S. Samy Yellu

Datuk Seri Sanusi bin Junid

Tuan Shahidan bin Kassim

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman

Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar

Tuan S.S. Subramaniam

Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud

Tuan Thomas Salang Siden

Cik Teng Gaik Kwan

Dato' Dr. Ting Chew Peh

Tuan Wahab bin Suhaili

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar

Datuk Amar James Wong Kim Min

Dato' Wong See Wah

Tuan Woon See Chin

Tuan Yim Chee Chong

Tuan Yong Khoon Seng

Dato' Alexander Yu Lung Lee

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail

YANG TIDAK MENGUNDI

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad

Tuan Ahmad bin Nor

Tuan Buniyamin bin Yaakob

Tuan Chian Heng Kai

Tuan Fong Kui Lun

Tuan Foo Piew Kok

Tuan Gooi Hock Seng

Tuan Ibrahim Mahmood

Tuan R. Karpal Singh

Tuan Kerk Kim Hock

Dr. Kua Kia Soong

Tuan Lau Dak Kee

Tuan Liew Ah Kim

Tuan Lim Kit Siang

Tuan Saidin @ Yusof bin Adam

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok

Tuan Sim Kwang Yang

Tuan Tan Kok Wai

Dr. Tan Seng Giaw

Tuan Wan Mohd. Jamil bin Wan Moharaood

Tuan Wee Choo Keong

Tuan Wong Wing On

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab melebihi 2/3 daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat bersetuju, mengikut Artikel 159, Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *metn-pengerusikan Jawatankuasa*)

Pasal 1 Hingga 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YANG TIDAK BERSETUJU

Tiada.

Pasal 3 dan 4—

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan bahawa Fasal-fasal 3 dan 4 dipinda sebagaimana yang terkandung dalam slip pindaan yang telah diedarkan, iaitu:

Pindaan 3. Perkara 38 Perlembagaan
perkara 38. Persekutuan adalah dipinda—

(a) dalam Fasal (2)—

- (i) dengan menggami-
kan koma di hujung
perenggan (c) dengan
koma bernoktah;
dan
- (ii) dengan memasukkan,
selepas perenggan (c),
perenggan-perenggan
yang berikut:

"(d) m e l a n t i k
a n g g o t a -
a n g g o t a
M a h k a m a h
K h a s d i b a w a h
P a s a l (6)
P e r k a r a 1 8 1 :

(e) m e m b e r i
a m p u n , r e p r i e f
d a n r e s p i t , a t a u
m e r e m i t k a n ,
m e n g g a n t u n g
a t a u m e r i n g a n -
k a n h u k u m a n -
h u k u m a n , d i
b a w a h - P a s a l
(1 2) P e r k a r a
4 2 , "

(b) dalam Fasal (6)—

- (i) dengan memotong
perkataan "atau"
selepas koma ber-
noktah di hujung
perenggan (c);
- (ii) dengan menggantikan
noktah di hujung
perenggan (d) dengan
koma bernoktah; dan

- (iii) dengan memasukkan,
selepas perenggan (d),
perenggan-perenggan
yang berikut:

"(e) p e r l a n t i k a n
a n g g o t a -
a n g g o t a
M a h k a m a h
K h a s d i b a w a h
P a s a l (6)
P e r k a r a 1 8 1 ;
a t a u

(f) p e m b e r i a n
a m p u n , r e p r i e f
d a n r e s p i t , a t a u
p e r e m i t a n ,
p e n g g a n t u n g a n
a t a u p e r i n g a n a n
h u k u m a n -
h u k u m a n , d i
b a w a h F a s a l
(1 2) P e r k a r a
4 2 , "

Fasal 4 Rang Undang-undang adalah dipinda, dalam perenggan (a) Fasal (12) yang dicadangkan bagi perkara 42, dengan menggantikan perkataan "Ketua Menteri bagi Negeri itu" dengan perkataan "Yang di-Pertuan Agong".

(English translation)

Amend- 3. Article 38 of the Pederation
ment of Constitution is amended—

(a) in Clause (2)—

- (i) by substituting for the
comma at the end of
paragraph (c) a semi
colon; and
- (ii) by inserting, after
paragraph (c) the
following paragraph:

"(d) a p p o i n t i n g
m e m b e r s o f t h e
S p e c i a l C o u r t
u n d e r C l a u s e
(6) o f A r t i c l e
1 8 1 ;

(e) granting pardons, reprieves and respites, or of remitting, suspending or commuting sentences, under Clause (12) of Article 42,";

(b) in Clause(6)—

- (i) by deleting the word "or" after the semicolon at the end of paragraph (c);
- (ii) by substituting for the fullstop at the end of paragraph (d) a semicolon; and
- (iii) by inserting after paragraph (d), the following paragraph:
 "(e) the appointment of members of the Special Court under Clause (6) of Article 181; or
- (f) the granting of pardons, reprieves and respites, or of remitting, suspending or commuting sentences, under Clause (12) of Article 42,".

4 of the Bill is amended, in paragraph (a) of the proposed Clause (12) of Article 42, by substituting for the words "Chief Minister of the State" the words "Yang di-Pertuan Agong".

Tuan Pengerusi, saya pohon mengulas sedikit berkenaan dengan pindaan yang dicadangkan oleh Kerajaan sebagai tambahan kepada pindaan yang telah dibuat melalui Rang Undang-undang pindaan asal DRI/93 yang telah melalui Bacaan Kali Pertama dan Kedua.

Untuk Lembaga Pengampunan di negeri-negeri yang tidak Beraja, jika timbul rayuan pengampunan yang melibatkan Yang di-Pertua Negeri atau isterinya atau anak-anaknya, maka dicadangkan supaya Pengerusi Jemaah Lembaga itu ialah Yang di-Pertuan Agong dan tidak Ketua Menteri sebagaimana yang dicadangkan dalam pindaan asal. Cadangan pindaan ini difikirkan lebih wajar kerana Yang di-Pertuan Agong yang melantik Yang di-Pertua Negeri selepas berunding dengan Ketua Menteri.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah ialah pindaan-pindaan seperti yang dilampirkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Pasal 3 dan 4 sepertimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasa 5 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pasal 7 dan 5—

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan bahawa Pasal 7 dan 8 dipinda sebagaimana yang terkandung dalam slip pindaan yang telah diedarkan, iaitu:

Pasal 7 Rang Undang-undang adalah dipinda dengan menggantikan

perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

- (b) dengan memasukkan, selepas Fasal (2), Fasal-fasal yang berikut:

"(3) Mana-mana undang-undang yang membuat peruntukan bagi kekebalan Raja sesuatu Negeri atas sifat peribadinya terhadap apa-apa prosiding undang-undang jua pun dalam mana-mana mahkamah, atau memberikan perlindungan tak boleh cabul kepadanya, adalah setakat itu, tidak sah.

(4) Walau apapun Fasal (1) perkara 32 dan Fasal (2) Perkara 181, tiada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk melayan atau memutuskan apa-apa tindakan sivil atau jenayah, terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya atas sifat peribadinya.

(5) Apa-apa prosiding terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri atas sifat peribadinya hendaklah dibawa dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Fasal (6).

(6) Maka hendaklah ada suatu mahkamah yang hendaklah dikenali sebagai Mahkamah Khas dan hendaklah terdiri daripada ketua Hakim Negara Mahkamah Agung, yang hendaklah menjadi Pengerusi, Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi, dan dua orang lain yang memegang atau pernah memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi yang dilantik oleh Majlis Raja-raja.

(7) Mahkamah Khas hendaklah mempunyai bidang kuasa dan kuasa-kuasa yang sama seperti yang terletak pada mahkamah-mahkamah bawahan, Mahkamah

Tinggi dan Mahkamah Agung melalui Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang persekutuan dan hendaklah mempunyai pejabat pendaftaran-nya di Kuala Lumpur.

(8) Mahkamah Khas hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk membicarakan segala kesalahan yang dilakukan di Persekutuan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri dan segala kes sivil oleh atau terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri walau di manapun kuasa tindakan berbangkit

(9) Sehingga Parlimen, melalui undang-undang, membuat peruntukan khas yang berlawanan berkenaan dengan prosedur (termasuk pendengaran prosiding secara tertutup) dalam kes-kes sivil atau jenayah dan undang-undang yang mengawalselia keterangan dan pembuktian dalam prosiding sivil dan jenayah, maka amalan dan prosedur yang terpakai dalam mana-mana prosiding dalam mana-mana mahkamah bawahan, mana-mana Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung hendaklah terpakai dalam mana-mana prosiding dalam Mahkamah Khas.

(10) Prosiding dalam Mahkamah Khas hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti anggota dan keputusannya adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar atau dipertikaikan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan.

(11) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Ketua Hakim Negara, membuat apa-apa kaedah yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk membuat peruntukan bagi penghapusan apa-apa kesulitan atau anomali jua

pun dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam pelaksanaan apa-apa fungsi, perjalanan apa-apa kuasa, penunaian apa-apa kewajipan, atau pembuatan, di bawah mana-mana undang-undang bertulis, yang mungkin disebabkan oleh Perkara ini, dan bagi maksud itu kaedah-kaedah itu boleh membuat apa-apa pengubahsuaian, adaptasi, pengubahan, pertukaran atau pindaan jua pun kepada mana-mana undang-undang bertulis.

Fasal 8 Rang Undang adalah dipinda dengan memasukkan, sebelum perkataan "Raja", perkataan "Yang di-Pertuan Agong atau".

(English Translation)

Clause 7 of the Bill is amended by substituting of paragraph (b) the following paragraph:

(b) by inserting, after Clause (2), the following Clauses:

"(3) Any law which provides for the immunity of the Ruler of a State in his personal capacity from any proceedings whatsoever in any court, or attaches sanctity to his residence, shall to that extent be void.

(4) Notwithstanding Clause (1) of Article 32 and Clause (2) of Article 181, no court shall have jurisdiction to entertain or determine any action, civil or criminal, against the Yang di-Pertuan Agong or the Ruler of a State in respect of anything done or omitted to be done by him in his personal capacity.

(5) Any proceedings against the Yang di-Pertuan Agong or the Ruler of a State in his personal capacity shall be brought in a Special Court established under Clause (6).

(6) There shall be a court which shall be known as the special Court and shall consist of the Lord President of the Supreme Court, who shall be the Chairman, the Chief Justices of the High Courts, and two other persons who hold or have held office as Judge of the Supreme Court or a High Court appointed by the Conference of Rulers.

(7) The Special Court shall have the same jurisdiction and powers as are vested in the inferior courts, the High Court and the Supreme Court by this Constitution or any federal law and shall have its registry in Kuala Lumpur.

(8) The Special Courts shall have exclusive jurisdiction to try all offences committed in the Federation by the Yang di-Pertuan Agong or the Ruler of a State and all civil cases by or against the Yang di-Pertuan Agong or the Ruler of a State notwithstanding where the cause of action arose.

(9) Until Parliament by law makes special revision to the contrary in respect of procedure (including the hearing of proceedings in camera) in civil or criminal cases and the law regulating evidence and proof in civil and criminal proceedings, the practice and procedure applicable in any proceedings in any inferior court, any High Court and the Supreme Court shall apply in any proceedings in the Special Court.

(10) The proceedings in the Special Court shall be decided in accordance with the opinion of the majority of the members and its decision shall be final and conclusive and shall not be challenged or called in question in any court on any ground.

(11) The Yang di-Pertuan Agong may, on the advice of the Lord President, make such rules as he may deem necessary or expedient to provide for the removal of any difficulty or anomaly whatsoever in any written law or in the carrying out of, any function, the exercise of any power, the discharge of any duty, or the doing of any act, under any written law, that may be occasioned by this Article, and for that purpose such rules may make any modification, adaptation, alteration, charge or amendment whatsoever to any written law."

Clause 8 of the Bill is amended by inserting, before the words "Ruler", the word "Yang di-Pertuan Agong or the".

Tuan Pengerusi, saya pohon memberi penjelasan ringkas berkenaan dengan pindaan ini. Dalam proses mencari penyelesaian dan persetujuan oleh Raja-raja, satu cadangan telah dikemukakan oleh pihak Raja-raja supaya Raja-raja tidak dihadapkan ke mahkamah biasa apabila didakwa oleh mana-mana pihak. Ini adalah untuk menjaga maruah dan kehormatan Raja. Cadangan yang telah dibincang dan dipersetujui oleh sebilangan daripada Raja-raja ialah penubuhan sebuah Mahkamah Khas untuk membicarakan Raja. Mahkamah ini hendaklah terdiri daripada 5 orang Hakim iaitu Ketua Hakim Negara dan Hakim-hakim besar Mahkamah Tinggi serta dua orang lain yang dipilih oleh Majlis Raja-raja daripada kalangan Hakim yang sedang berkhidmat ataupun yang telah bersara.

Pemilihan Hakim-hakim untuk Mahkamah Khas ini ialah supaya rakyat percaya mereka akan mendapat keadilan apabila membawa kes terhadap Raja ke Mahkamah Khas ini.

Untuk menubuhkan Mahkamah Khas ini, pindaan-pindaan tertentu perlu dibuat kepada Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan sepertimana yang

dicadangkan dalam slip yang diedarkan semalam. Pindaan-pindaan ini tidak mengubah secara substantive apa yang terkandung dalam Rang Undang-undang asal yang telah dibincang, tetapi melibatkan tambahan kepadanya.

Pihak Kerajaan bersetuju dengan pindaan ini kerana Kerajaan ingin menjaga maruah dan kemuliaan Raja-raja. Jika mereka dihadapkan ke mahkamah biasa, peribadi Raja-raja tentu akan tercemar.

Jika didapati tidak bersalah pun kehormatan Raja-raja akan jugat erjejas. Sebaliknya dalam peraturan-peraturan Mahkamah Khas, kehormatan Raja-raja akan diberi perlindungan yang sewajarnya tanpa menjejaskan kredibiliti mahkamah dan hak rakyat mendapat keadilan.

Tuan Pengerusi "Ahli-ahli Yang Berhorraat, masalahnya ialah bahawa Fasal-fasal 7 dan 8 sebagaimana yang dicadangkan untuk dipinda sekarang terbuka untuk dibahas.

Pasal 7 dan 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

- Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Perlembagaan Artikel 59 maka hendaklah diadakan belahbahagian pada masa bacaan kali yang ketiga; iaitu masalahnya ialah bahawa
- Rang Undang-undang ini seperti yang telah dipinda dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Oleh yang demikian saya mengarahkan supaya diadakan belahbahagian. sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat penghitung-penghitung undi, sila mengambil tempat masing-masing.

Undian dijalankan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah keputusannya. Ahli-ahli Yang Bersetuju, 133 (*Tepuk*); Yang Tidak Bersetuju, tidak ada; Yang Tidak Mengundi (*Abstain*), 16 orang. (*Tepuk*) Yang demikian, lebih 2/3 suara yang bersetuju seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. (*Tepuk*)

YANG BERSETUJU

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar
Abang Haji Mustapha
Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit
Dato' Abdul Ajib bin Ahmad
Tuan Abdul Ghafar bin Baba
Tuan Abdul Ghani bin Othman
Tuan Haji Abdul Haraid bin Abdul Rahman
Dato Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman
Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir
Tuan Abdul Malek Munip
Dato' Abdul Raman bin Suliman
Tuan Haji Abdul Rashid bin Muhammad

Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud
Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
Dato' Dr. Abdullah Padhil bin Che Wan
Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar
Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar
Tuan Ahmadrbin Omar
Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan
Dato' Alias bin Md. Ali
Datu Amir Kahar bin Tun Datu Mustapha
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman
Tuan Haji Awang bin Jabar
Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin
Datuk Haji Basri bin Bajuri
Tuan Billy Abit Joo
Dato' Chan Kong Choy
Che Ibrahim bin Mustafa
Tuan Peter Chin Fah Kui
Tuan Chor Chee Heung
Tuan Chua Jui Meng
Tun Daim Zainuddin
Datuk Daniel Tajem Anak Miri
Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha
Datuk Dominic Joseph Puthuchearay
Tuan Douglas Uggah Embas
Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman
Dr. Fong Chan Onn
Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar
Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain
Tuan Harrison Ngau Laing
Tuan Haji Ibrahim bin Ali
Tuan Haji Ibrahim bin Jendol
Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh
Tuan Haji Ishak bin Arshad
Dato' Ismail bin Said
Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis
Tuan James Jimbun Anak Pungga
Tuan Jawah Anak Gerang
Tuan Joseph Muah Anak Ikeh
Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob
 Tuan Kang Chow Oh
 Tuan Kerk Choo Ting
 Dato' K. Kumaran
 Tuan Robert Lau Hoi Chew
 Tuan Law Hieng Ding
 Dato' Lee Kim Sai
 Dr. Leo Michael Toyad
 Datuk Leo Moggie anak Irok
 Dato' Lim Ah Lek
 Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik
 Puan Lim Lay Hoon
 Datin Ling Chooi Sieng
 Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik
 Dato' Loke Yuen Yow
 Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
 Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim
 Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor
 Dato' M. Malingam
 Dr. T. Marimuthu
 Tuan Michael Lisa Kaya @ Gor Kaya
 Tuan Haji Mohamad bin Abdullah
 Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor
 Dato Mohamed bin Jamrah
 Dato' Mohamed bin Rahmat
 Tuan Mohamed Kamal bin Hussain
 Tuan Mohamed Khaled bin Nordin
 Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim
 Tuan Mohamed Parid bin Ariffin
 Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus
 Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
 Tuan Mohd. Noh bin Rajab
 Dato* Haji Mohd. Sharif bin Jajang
 Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar
 Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali
 Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar
 Tuan Mohd. Yasin bin Kamari
 Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan

Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun
 Dato' Napsiah binti Omar
 Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin
 Dr. Nawawi bin Mat Awin
 Tuan Ong Ka Ting
 Tuan Ong Tee Keat
 Tuan Ong Tin Kim
 Tuan Osu bin Haji Sukam
 Tuan Othman bin Abdul
 Tuan G. Palanivel
 Dr. Patau Rubis
 Datuk Peter Tinggom anak Kamarau
 Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail
 Dato' Seri Rafidah Aziz
 Tuan Railey bin Haji Jaffrey
 Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap
 Tuan Richard Riot Anak Jaem
 Puan Rohani binti Abd. Karim
 Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad
 Dato' Sabbaruddin Chik
 Tuan Saidin @ Yusof bin Adam
 Tan Sri Datuk Haji Sakaran binti Dandai
 Dato' Seri S. Samy Yellu
 Datuk Seri Sanusi bin Junid
 Tuan Shahidan bin Kassim
 Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman
 Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar
 Tuan S.S. Subramaniam
 Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud
 Tuan Thomas Salang Siden
 Cik Teng Gaik Kwan
 Dato' Dr. Ting Chew Peh
 Tuan Wahab bin Suhaili
 Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamood
 Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman
 Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
 Datuk Amar James Wong Kim Min
 Dato' Wong See Wah
 Tuan Woon See Chin
 Tuan Yim Chee Chong

Tuan Yong Khoon Seng
Dato' Alexander Yu Lung Lee
Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail

YANG TIDAK BERSETUJU

Tiada.

YANG TIDAK MENGUNDI

Tuan Ahmad bin Nor
Tuan Chian Heng Kai
Tuan Fong Kui Lun
Tuan Foo Piew Kok
Tuan Gooi Hock Seng
Tuan R. Karpal Singh
Tuan Kerk Kim Hock
Dr. Kua Kia Soong
Tuan Lau Dak Kee
Tuan Liew Ah.Kim
Tuan Lim Kit Siang
Tuan Sim Kwang Yang
Tuan Tan Kok Wai
Dr. Tan Seng Giaw
Tuan Wee Choo Keong
Tuan Wong Wing On

Rang Undang-undang sebagaimana yang dipinda dibacakan kali yang keiiga dah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah kita bermesyuarat selama dua hari. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana di atas kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah selamat menyelesaikan satu perkara yang sungguh rumit, mengharukan dan memberatkan perasaan kita sekalian.

Saya mengucap terima kasih juga di atas kerjasama Yang Berhormat-Yang Berhonnat sekalian kepada Timbalan-timbalan saya dan saya sendiri semasa persidangan ini. Dan marilah kita berharap masalah yang dihadapan kita sekarang ini dapat diselesaikan dengan baik pada masa hadapan.

Dengan ini saya menangguhkan Mesyuarat ini pada suatu tarikh yang tidak *ditetapkan*. (Tepuk)

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.30 malam.